

130
JILID IV

BIL: 2

HARI SELASA

17 DISEMBER, 1985

131



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEEMPAT

FOURTH SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA

THIRD MEETING

ISSN 0304-1697



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM**

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

KANDUNGAN

**PERBAHASAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN (1986), 1985 (samb.)**
USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN

MUKA SURAT

2

42

**LAPORAN PERSIDANGAN YANG KETIGA BAGI PENGAL
YANG KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEENAM**

SELASA, 17 DISEMBER, 1985

HADIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
 Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
 Yang Berhormat Pegawai Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Hj. Omar, P.P.T.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar, P.J.K., P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Datuk Haji Ahmad bin Saleh, D.S.P.N., P.K.T., A.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, A.M.N., J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Md. Yusof bin Salleh, A.M.N., P.K.T., P.P.N., P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – digantung di bawah Peraturan Mesyuarat 51(1).

TURUT HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.45 pagi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan 1985.

Tuan Speaker, tahun lepas bila saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1985, saya telah membangkitkan hal bahawa Belanjawan tahun 1985 berkenaan hasil dan perbelanjaan adalah luarbiasa dan telah jauh berbeza dari belanjawan tahun-tahun yang dahulu. Kedua-dua anggaran hasil dan belanjawan negeri bagi tahun 1985 adalah bagi pertama kalinya melebihi \$100 juta. Ini adalah luarbiasa, kerana Negeri Pulau Pinang tidak pernah dalam sejarahnya mengutip hasil yang melebihi \$100 juta setahun ataupun membelanjakan lebih dari \$100 juta setahun bagi perbelanjaan mengurus, sepertimana boleh disahkan daripada akaun-akaun perbelanjaan mengurus, sepertimana boleh disahkan daripada akaun-akaun perbelanjaan dan hasil. Selama 16 tahun yang lalu di bawah pemerintahan Kerajaan GERAKAN yang dipimpin oleh Dr. Lim Chong Eu, kita tidak nampak belanjawan dan hasil lebih dari \$100 juta tahun. Semenjak tahun 1969 hingga 1984, semuanya tidak lebih dari \$100 juta, tetapi pada tahun 1985 dan tahun ini kita nampak belanjawan dan hasil telah bertambah melebihi \$100 juta. Itu adalah satu *figure* yang *artificial* dan tidak realistik.

Tuan Speaker, bagi tahun 1985 Kerajaan Negeri telah pada mulanya menganggarkan hasil sebanyak \$118,772,280.00 berbanding dengan anggaran perbelanjaan mengurus sebanyak \$123,397,360.00 tetapi Kerajaan Negeri telah memindah anggaran hasilnya kepada jumlah \$96,262,700.00 yang hampir sama dengan hasil tahunan sebenarnya. Daripada perhatian dan kajian saya atas belanjawan 1986, adalah sungguh jelas bahawa Kerajaan Negeri cuba menyembunyikan rekod perbelanjaan mengurus yang tinggi sebanyak \$123,397,360.00 di mana Kerajaan Negeri terpaksa membuat bayaran balik hutang piutangnya sebanyak \$65,922,550.00 yang agak besar ataupun 53.4% daripada perbelanjaan mengurus. Sebenarnya, Kerajaan Negeri telah mengujudkan suatu kenaikan dalam anggaran hasil kepada \$118,772,280.00 di mana Kerajaan Negeri belum pasti akan memperolehi. Sebahagian besar peningkatan hasil tahun ini adalah sebenarnya akan diperolehi daripada jualan bahan-bahan baru untuk

menebus tanah dan jualan tanah tersebut kemudiannya.

Tuan Speaker, suatu kajian ke atas anggaran hasil bagi tahun 1985 yang telah dipinda seperti dinyatakan dalam Belanjawan 1986 akan mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri tidak mampu mengutip hasil yang dijangkakan itu daripada sumber-sumber tersebut.

Hasil daripada lesen-lesen dan permit bagi keluaran bahan-bahan batu yang biasanya menghasilkan pendapatan sebanyak \$350,000.00 setahun telah ditambahkan oleh Kerajaan Negeri kepada \$14,795,000.00, suatu kenaikan sebanyak \$14,445,000.00 daripada tahun 1984. Angka ini telah dipinda kepada angka biasa sebenarnya iaitu sebanyak \$350,000.00 dan pemberian tanah atau jualan tanah yang hanya membawa hasil sebanyak \$542,721,000.00 pada tahun 1984 adalah juga ditambahkan kepada \$31,820,000.00 yang tidak realistik, dan ini merupakan kenaikan sebanyak \$31,272,279.00 daripada tahun 1984. Angka ini kini telah dipinda kepada \$3,400,000.00. Kedua-dua sumber ini yang dijangka akan membawa hasil tambahan sebanyak \$40 juta ini tidak didapati.

Tuan Speaker, daripada angka-angka yang diberikan ini adalah jelas bahawa sebenarnya Kerajaan Negeri telah menambahkan anggaran hasil yang tidak realistik dengan tujuan memperimbangkan kenaikan besar perbelanjaan mengurus sebanyak \$123,397,360.00 supaya Belanjawan 1985 digambarkan bagi tujuan "*mislead*" rakyat.

Tuan Speaker, jikalau bukan kerana kenaikan dalam hasil 1985 sebanyak \$17,570,298.00 melebihi hasil tahun 1984 yang diperolehi daripada kenaikan kadar cukai tanah di mana Kerajaan Negeri telah meletakkan beban kewangan lebihan ke atas rakyat, jualan Bangunan Tuanku Syed Putra yang setinggi 9 tingkat oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat dengan harga sebanyak \$4,500,000.00 yang kurang daripada harga pasaran dan kelebihan sebanyak \$10,760,710.00 daripada kumpulan wang amanah mengurus, Negeri ini akan menghadapi defisit berjumlah lebih \$30 juta dan bukan \$9.5 juta seperti dituntut oleh Y.A.B. Ketua Menteri semalam. Defisit bagi tahun ini dengan sendirinya adalah lebih besar daripada jumlah besar keseluruhan defisit bagi beberapa tahun dahulu dan merupakan defisit yang paling besar sekali dalam sejarah Negeri ini.

Tuan Speaker, jikalau Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang dike-

tuai oleh GERAKAN bagi keuntungan politik pendeknya tidak membazir wang secara tidak bertanggungjawab atas projek-projek mewah dan besar yang tidak memberi faedah kepada rakyat, Kerajaan Negeri tidak perlu menghadapi keadaan seperti ini dan juga bertindak secara tergesa-gesa untuk menambahkan angka-angka hasil untuk "mislead" rakyat.

Tuan Speaker, kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini dalam akhbar berkenaan pengantungan projek Tapak Kontainer Butterworth Utara oleh P.P.C. di mana beliau mengatakan keputusan Kerajaan ialah menerima apa sahaja cadangan pihak berkuasa pelabuhan adalah membayangkan betapa cemas Y.A.B. Ketua Menteri. Kerajaan Negeri berharap sangat ke atas perlaksanaan projek ini di mana Kerajaan Negeri dapat menjual bahan-bahan batu dan tanah yang telah ditambah untuk menyelamatkan Negeri daripada kemelesetan kedudukan kewangannya sehingga Ketua Menteri bersedia menerima apa sahaja cadangan oleh pihak berkuasa pelabuhan walaupun ia bertentangan dengan kepentingan Negeri dan rakyat.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri telah gagal mengurus kedudukan kewangan Negeri dengan sempurna. Sebenarnya, beliau sedang mengambil langkah tergesa-gesa untuk melindungi kegagalannya. Jika kita mengkaji dengan mendalam Belanjawan bagi 5 tahun yang lepas iaitu dari 1980 ke 1984, hasil purata sebenar yang dikutip tiap-tiap tahun oleh Kerajaan Negeri ialah \$70 juta sahaja dan perbelanjaan mengurus purata bagi tempoh yang sama adalah juga lebihkurang \$70 juta setahun. Berdasarkan angka-angka ini, hasil Negeri hanya cukup untuk bayaran perbelanjaan mengurus dan dengan itu tidak meninggalkan wang bagi projek-projek pembangunan. Sebenarnya selama ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan di luar kemampuannya dan telah bergantung berat ke atas pinjaman untuk membiayai projek pembangunannya.

Tuan Speaker, mendapat pinjaman untuk projek-projek pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat mungkin boleh diterima tetapi meminjam untuk projek-projek mewah dan besar yang tidak diperlukan, seperti projek KOMTAR (lebih \$200 juta dibelanjakan setakat ini), Padang Golf Jambul \$20 juta), pembelian 10 buah kereta Mercedes Benz bagi Ahli-ahli Exconya (\$600,000.00) dan tambahan elaun sebanyak \$1,000.00 tiap-tiap bulan bagi Ahli-ahli Exco

tidak boleh diterima dan hendaklah dikutuk. Kesemua perbelanjaan mewah ini telah menyebabkan hutang piutang Negeri meningkat. Lebih daripada separuh hasil Negeri tahun ini dan tahun depan akan digunakan untuk bayaran balik pinjaman-pinjaman bersama dengan faedahnya sementara rakyat dipaksa memikul beban ini dengan membayar lebih cukai.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sekali lagi berbalik kepada taktik yang sama dengan menambah anggaran hasil dalam belanjawan tahun depan. Seperti yang saya nyatakan tadi hasil tahunan Kerajaan Negeri yang biasa adalah lebihkurang \$70 juta. Anggaran hasil tahun depan sebanyak \$107,141,710.00 akan melebihi jumlah biasa hasil dengan lebihkurang \$37 juta. Perbezaan ini diharapkan oleh Kerajaan Negeri lebihkurang \$37 juta. Perbezaan ini diharap oleh Kerajaan Negeri sekali lagi akan datang dari pindahmilik tanah atau jualan tanah negeri seperti yang diharapkan tahun lepas tetapi gagal dicapai. Kerajaan Negeri dalam keadaan terdesak sekali lagi berharap untuk meninggikan hasil sebanyak \$30 juta dengan menjual tanah Negeri untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus yang tinggi iaitu \$115,476,070.00 yang terpaksa mereka belanjakan tahun depan akibat pembayaran balik hutang besar sebanyak \$50,932,560.00. Jika tambahan hasil yang diharapkan ini gagal dicapai kita akan menghadapi satu defisit besar lagi.

Tuan Speaker, dalam setiap perbahasan belanjawan yang saya mengambil bahagian, saya telah menimbulkan isu yang bayaran hutang besar Kerajaan Negeri yang tidak sihat dan telah memberi amaran kepada Kerajaan Negeri terhadap "trend" merbahaya keadaan kewangan kita. Malangnya Kerajaan Negeri telah menjadi pekak dan langsung tidak menghiraukan keadaan serious perkara ini. Bayaran hutang Kerajaan Negeri makin meningkat setahun demi setahun dan sebenarnya telah meningkat ke tahap yang mengejutkan. Tuan Speaker, dalam tahun 1982 Kerajaan Negeri menggunakan \$17,507,302.00 dari hasilnya untuk membayar balik pinjaman termasuk faedah dan jumlahnya telah bertambah ke \$19,867,710.00 dalam tahun 1983, \$26,452,740.00 dalam tahun 1984 dan \$62,922,550.00 tahun ini.

Tuan Speaker, jumlah wang yang diperlukan untuk membayar balik hutang Negeri tahun depan adalah sebanyak \$50,932,560.00 atau 47.5% daripada hasil sebanyak \$107,141,710.00 masih terlalu tinggi. Berasaskan kadar terkumpulnya

Negeri kita tentu akan menjadi bankrup atau akhirnya meminjam lebih wang untuk membayar balik pinjaman-pinjaman dan faedah-faedah melainkan kita mengambil langkah-langkah tegas untuk mencari sumber hasil baru atau mengambil langkah-langkah berkesan untuk mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu atas projek-projek besar dan mewah.

Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri mesti bertanggungjawab atas hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah lebih dari \$300 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan lain-lain institusi kewangan. Ketua Menteri harus bertanggungjawab sepenuhnya atas cara mentadbir Negeri ini yang menunjukkan betapa ia memandang rendah pandangan rakyat dan perundingan penuh sebelum memulakan projek-projek pembangunan besar. Ini dapat diperlihatkan dalam kes pelaksanaan projek KOMTAR, pembelian ruang pejabat di KOMTAR dan baru-baru ini, pembelian 10 buah kereta Mercedes Benz 230E untuk Ahli-ahli Exco bernilai \$600,000.00. Walaupun terdapat bantahan keras rakyat, Ketua Menteri tidak mengindahkan langsung bantahan tersebut dan terus membeli ruang-ruang pejabat di KOMTAR dengan harga \$50 juta dan 10 buah kereta Mercedes Benz dengan harga \$600,000.00.

Tuan Speaker, Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri yang telah terlalu lama berkuasa telah bersikap begitu angkuh sehingga sanggup tidak mengindahkan langsung pandangan dan bantahan orang ramai. Saya harus mengingatkan Ketua Menteri bahawa rakyatlah yang telah meletakkan kuasa kepadanya dan mereka juga yang boleh melucutkan kuasa dari beliau.

Di pertengahan kemelesetan ekonomi serta masa depan yang gelap bagi tahun depan termasuk beribu-ribu pekerja kilang dibuang kerja yang menghadapi masa depan yang tidak terjamin, pembelian kereta Mercedes Benz 230E dengan harga \$600,000.00 dan memasang alat kelengkapan *audio stereo* bernilai \$3,00.00 bagi setiap Ahli Exco, Speaker Dewan Undangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah bersifat "*obscene*", "*scandalous*" dan harus dikutuk.

Tuan Speaker, seolah-olah ini tidak cukup, Ahli dari Tanjung Bungah sewaktu memangku jawatan Ketua Menteri dan dalam jawapannya semalam di Dewan ini telah memberi alasan bahawa Negeri ini terpaksa membeli 10 buah kereta itu kerana bayaran pengendalian kereta-

kereta lama terlalu tinggi adalah karut dan tidak munasabah. Adalah mustahil jika Ahli itu mengharapkan rakyat akan mempercayai yang kereta Mercedes Benz baru itu diperlukan kerana kereta berusia 5 tahun yang mereka gunakan itu tidak berekonomik dan terlalu tinggi pengendaliannya.

Tuan Speaker, membelanjakan \$15,000.00 wang rakyat setahun untuk menjaga, servis dan membaiki setiap buah kereta Mercedes Benz berusia 5 tahun adalah karut, dan ini merupakan amalan tidak sihat. Jika ini benar, tentulah sesuatu kesilapan besar telah berlaku. Satu siasatan lengkap mesti dijalankan segera oleh Kerajaan Negeri untuk mencari sebab-sebab pengendalian yang tinggi bagi kereta berusia dan bukan menjadikan sebagai alasan dan justifikasi untuk menukar kereta-kereta ini kepada yang baru. Tambahan pula dengan membeli kereta-kereta Mercedes Benz 230E baru itu, Ketua Menteri telah menunjukkan bahawa beliau tidak berniat memegang kepada jaminan yang diberi awal tahun ini yang Kerajaan Negeri mungkin membeli langsung kereta tersebut jika kedudukan kewangan Negeri tidak menjadi baik. Jaminan tersebut diberikan semata-mata untuk "*mislead*" rakyat dan dengan harapan bahawa perkara ini akan dilupakan dan Kerajaan Negeri secara diam-diam menerima kereta tersebut.

Tuan Speaker, sememangnya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri tidak bertambah baik. Sebenarnya kita sedang menghadapi kekurangan wang dengan hutang besar untuk diselesaikan. Mengenakan cukai tambahan kepada orang-orang ramai melalui kenaikan cukai tanah, kenaikan cukai pintu dan kadar air serta kenaikan sewa rumah-rumah untuk membantu membeli 10 buah kereta Mercedes Benz adalah amat dikesali dan tidak boleh dibiarkan berlaku. Tidak boleh diterima sebarang alasan (*justification*) atas pembelian 10 buah Kereta Mercedes Benz baru oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menyalahgunakan wang rakyat dan telah melakukan kesalahan yang besar terhadap rakyat Pulau Pinang.

Pembelian 10 buah kereta Mercedes Benz oleh Kerajaan Negeri telah menjadi cemuhan atas seruan Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri supaya rakyat bekerja keras untuk mengatasi kemelesetan ekonomi sekarang. Tentulah Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri tidak harap rakyat akan menyokong Kerajaan sepenuhnya untuk memperbaiki kemelesetan ekonomi bilamana Kerajaan Negeri sendiri menghabiskan wang rakyat sewenang-wenangnya bagi kegunaan dan kesenangan.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri bukan sahaja telah menyalahgunakan wang rakyat tetapi juga telah gagal mengawasi diskriminasi terhadap orang-orang bukan Melayu Negeri ini. Sepertimana dinyatakan saya dahulu dan sentiasa saya pertahankan, kekuatan dan tulang belakang sesebuah pentadbiran Kerajaan yang bagus adalah terletak atas keadilan pemimpin-pemimpinnya dan juga sumber tenaga kerjanya.

Tenaga kerja yang berpuashati serta sikap mental yang betul adalah penting bagi mana-mana Kerajaan. Adalah daripada sumber tenaga kerja ini yang Kerajaan Negeri patut mendapat sumbangan mereka untuk mencapai daya pengeluaran maksimum daripada mereka supaya mewujudkan suatu sistem yang licin dan cekap bagi jentera pentadbirannya. Untuk berbuat demikian pemimpinnya haruslah adil dan tiada seorang pekerja pun harus didiskriminasikan berasas kepada bangsa atau lain-lain asas. Pekerjaan dan kenaikan pangkat mereka dalam perkhidmatan awam perlulah berasas kepada pengalaman dan kelayakan dan bukan mengikut perhubungan politik atau "kulification".

Tuan Speaker, sebenarnya Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebahagian besar daripada perbelanjaan mengurus tahunan dalam pembayaran gaji kakitangan-kakitangannya. Bagi tahun depan, daripada jumlah \$62,467,100.00 perbelanjaan bekalan sejumlah \$30,714,060.00 akan digunakan untuk membayar gaji. Jumlah ini adalah merupakan 52.4% daripada jumlah besar perbelanjaan bekalan yang diperuntukkan dalam belanjawan tahun depan.

Tuan Speaker, walaupun sebanyak lebih dari 50% daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan telah digunakan sebagai bayaran gaji kepada kakitangan-kakitangannya prestasi perkhidmatan Negeri adalah jauh daripada memuaskan dan ini membawa kesan buruk kepada rakyat. Daripada pandangan saya, prestasi perkhidmatan awam yang buruk ini boleh disifatkan kepada dua faktor iaitu diskriminasi terhadap orang-orang bukan Melayu dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai yang kurang berpengalaman dan tidak berkelayakan berbanding dengan mereka yang berpengalaman dan berkelayakan.

Semasa saya membangkitkan masalah diskriminasi terhadap bukan Melayu, ketidakseimbangan dalam tenaga kerja dan peruntukan jawatan-jawatan tertinggi yang tidak adil dalam perkhidmatan awam semasa perbahasan Belanjawan 1983, saya telah dituduh oleh Y.A.B. Ketua Menteri

bahawa saya telah membangkitkan isu-isu sensitif untuk menyebabkan perpecahan di antara kaum dan juga perpaduan. Adalah sangat dikesali bahawa Y.A.B. Ketua Menteri bukan sahaja tidak menghadapi dan mengakui hakikatnya dan membetulkan keadaan tersebut, malah beliau telah memilih untuk mengampu UMNO dengan menyerang dan menuduh saya menghancurkan perpaduan di antara kaum. Adalah sedih memerhatikan Y.A.B. Ketua Menteri menjarak jauh untuk membebaskan diri sendiri dengan memberi alasan bahawa peruntukan tidak adil tersebut dan peluang-peluang kenaikan pangkat adalah terkeluar daripada kawalannya dan ianya adalah di tangan Kerajaan Pusat dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya sedar bahawa perantukan pegawai-pegawai awam adalah diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tetapi sebagai Ketua Eksekutif Negeri tentulah Y.A.B. Ketua Menteri perlu berunding dan ia mempunyai hak dan kuasa untuk membantah perantukan yang tidak adil bagi jawatan-jawatan tertinggi perkhidmatan awam di negeri ini oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sewaktu saya cuba mengemukakan masalah ini dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bulan Julai yang lalu saya telah diganggu dan dihentikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri daripada mengemukakan masalah ini.

Tuan Speaker, rakyat Pulau Pinang terutamanya orang-orang bukan Melayu yang telah mengundi beliau untuk menjadi Ketua Menteri tentulah mengharapkan beliau mempertahankan kepentingan mereka dan memelihara hak-hak mereka. Tetapi malangnya beliau telah amat mengecewakan rakyat bukan Melayu terutamanya mereka yang berketurunan Cina di Negeri ini. Y.A.B. Ketua Menteri bukan sahaja telah gagal mempertahankan kepentingan orang bukan Melayu dan memelihara hak-hak mereka malah beliau telah menuduh saya, seorang keturunan Cina, sebagai pelampau dan memecah-belahkan perpaduan apabila saya membangkitkan dan mengutamakan penderitaan dan perasaan tidak puas hati rakyat Malaysia bukan Melayu.

Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan bahawa pembahagian jawatan tertinggi perkhidmatan awam di Negeri ini tidak mencerminkan komposisi kaum dalam Negeri. Sebenarnya, ketidakseimbangan pembahagian jawatan-jawatan tertinggi perkhidmatan awam dalam Negeri telah menyebabkan perasaan tidak berpuashati dan kekecewaan di kalangan bukan Melayu sehingga menjejaskan mutu dan kecekapan pentadbiran Negeri ini.

Tuan Speaker, jika kita mengkaji lebih men-

dalam tingkat yang paling atas bagi jawatan-jawatan tertinggi perkhidmatan awam di Negeri ini adalah dipenuhi oleh suatu golongan ethnik sahaja dan nampaknya orang-orang bukan Melayu adalah tidak diwakili dalam perkhidmatan pentadbiran Kerajaan Negeri di mana mereka adalah mewakili 65% daripada jumlah penduduk Negeri. Tuan Speaker, empat jawatan tertinggi di Negeri iaitu Setiausaha Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pengarah Tanah dan Galian yang kesemua menghadiri mesyuarat Exco sebagai ahli ex-officio adalah semuanya daripada satu golongan ethnik sahaja. Pegawai-pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam seperti empat pegawai tersebut mempunyai kuasa dan pengaruh yang luas dan juga adalah terlibat dalam penyediaan dan pelaksanaan dasar-dasar awam. Oleh yang demikian adalah menjadi bahaya dalam masyarakat berbilang bangsa kita bahawa kesemua pegawai-pegawai tersebut terdiri daripada satu golongan ethnik yang sama.

Tuan Speaker, daripada 19 orang ketua jabatan dalam pentadbiran negeri, hanya 6 orang atau 32% terdiri daripada bukan Melayu sekiranya tiada sebarang penukaran. Adalah membimbangkan bahawa 65% daripada penduduk negeri yang keturunan bukan Melayu memegang 32% daripada jawatan bagi ketua-ketua jabatan manakala 35% penduduk-penduduk yang keturunan Melayu memegang 68% daripada jawatan-jawatan tertinggi itu. Tuan Speaker, daripada 19 jawatan tertinggi itu, kesemua lima-lima Pegawai Daerah adalah orang Melayu. Apa yang lebih buruk lagi ialah, bukan sahaja ketua-ketua jabatan Melayu. Apa yang lebih buruk lagi ialah, bukan sahaja ketua-ketua jabatan terdiri daripada satu golongan ethnik yang sama, tetapi ada beberapa jabatan seperti Pejabat Tanah dan Galian, Perbendaharaan dan kelima-lima Pejabat Daerah, di mana tidak ada seorang bukan Melayu pun di antara kesemua 32 orang pegawai-pegawai Bahagian 1 dalam pejabat-pejabat tersebut.

Tuan Speaker, di Sekretariat negeri yang menjadi pusat saraf pentadbiran Negeri, juga mencerminkan ketidakseimbangan dalam pembahagian jawatan di antara kaum di mana daripada 23 pegawai Bahagian 1 hanya 4 orang sahaja adalah terdiri daripada orang bukan Melayu. Pada keseluruhannya bilangan pegawai-pegawai Bahagian 1 dalam Negeri dalam semua jabatan mencerminkan keseimbangan di mana daripada jumlah 125 orang pegawai Bahagian 1 hanya 26 orang atau 21% terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Sekiranya tiada sebarang penukaran bukan sahaja satu

golongan ethnik yang memonopolikan jabatan-jabatan Negeri, malah kedua-dua Yang diPertua Majlis Perbandaran dalam Negeri ini adalah terdiri daripada orang Melayu.

Tuan Speaker, pembahagian jawatan-jawatan perkhidmatan awam di Negeri ini yang terlalu tidak seimbang memanglah tidak sihat dan harus diperbaiki dengan segera bagi kepentingan Negeri.

Selain daripada pembahagian jawatan-jawatan tertinggi perkhidmatan awam Negeri yang tidak adil dan tidak seimbang suatu aspek lain yang juga menyebabkan kekeciwaan dan "*demonialisation*" di kalangan bukan Melayu adalah peluang-peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam.

Pegawai-pegawai perkhidmatan awam bukan Melayu telah didiskriminasikan dan mereka telah menyaksikan bagaimana kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam dibuat berasaskan bangsa dan bukan merit, kebolehan dan pengalaman seseorang itu.

Ramai pegawai bukan Melayu yang patut dinaikkan pangkat sering diketepikan bila gerakan kenaikan pangkat dilakukan. Mereka ini tidak diberi pengiktirafan perkhidmatan mereka serta kenaikan pangkat yang mereka sepatutnya menerima.

Biasanya pegawai-pegawai Melayu yang muda dan tidak berpengalaman dinaikkan pangkat terlebih dahulu daripada pegawai-pegawai bukan Melayu yang lebih berkelayakan dan berpengalaman. Oleh yang demikian, kekeciwaan pegawai-pegawai Melayu yang muda yang tidak berpengalaman ke jawatan-jawatan tertinggi telah menyebabkan kemerosotan mutu kecekapan dan kebolehan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, dengan membenarkan perkhidmatan awam yang dimonopolikan oleh satu golongan ethnik dan pengambilan pekerja berasaskan bangsa dalam sebuah masyarakat berbilang bangsa tanpa mengira merit, kebolehan dan kewibawaan tentu akan menyebabkan mutu kecekapan perkhidmatan awam merosot dan ini adalah amat bahaya dan cari pasal. Trend ethnik ini dalam perkhidmatan awam harus diberhentikan dan pertimbangan kaum bagi perlantikan dan kenaikan pangkat patut diketepikan sama sekali.

Tuan Speaker, masalah ini memang wujud dan kita tidak boleh berpura-pura bahawa masalah

ini tidak wujud dalam Negeri ini. Saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri menghadapi hakikat ini dan memikul tanggungjawabnya sebagai Ketua Eksekutif Negeri supaya memperbetulkan pembahagian yang tidak adil itu berkenaan dengan jawatan Kerajaan peringkat tertinggi dalam Negeri ini. Y.A.B. Ketua Menteri harus berani dan bertekad untuk memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat khususnya orang-orang bukan Melayu yang telah mengundi beliau untuk memerintah.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri patut mengkaji semula seluruh struktur pentadbiran Negeri dengan tujuan menyusun semula perkhidmatan awam supaya ia selaras dengan komposisi kaum Negeri ini dan menyekat perkhidmatan awam untuk mengurangkan perbelanjaan serta memastikan kakitangannya lebih cekap dengan menghapuskan diskriminasi. Jika ini tidak dilakukan rakyat akan selalu menderita akibat perkhidmatan dan prestasi buruk Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, akibat ketiadaan kecekapan dalam perkhidmatan awam terutama sekali Pejabat-pejabat Daerah, Kerajaan Negeri telah mengalami kerugian dari segi hasil. Tunggakan cukai tanah pada 31 Disember, 1984 telah meningkat \$7 juta dan tunggakan bayaran sewa untuk perumahan kos rendah telah meningkat ke suatu angka tinggi sebanyak \$4,230,596.00 pada tarikh yang sama. Saya pasti bahawa angka-angka tersebut kini telah bertambah dan lebih lama tunggakan dibiarkan mengumpul, adalah lebih susah bagi Kerajaan Negeri mengutip balik wang tersebut.

Tuan Speaker, daripada suatu kajian laporan Audit Pulau Pinang bagi tahun 1981 dan 1982, Ketua Audit Negara telah menimbulkan beberapa kes kecuai dan ketidakcekapan pegawai-pegawai awam dan Kerajaan Negeri yang mengakibatkan kerugian hasil kepada Negeri.

Tuan Speaker, satu misal adalah berkenaan sekeping tanah Negeri seluas 81.550 kaki persegi yang telah dipajak secara T.O.L. kepada sebuah kilang di Prai dengan wang sewaan yang terlalu rendah sebanyak \$1,000.00 setahun sejak 1963. Walaupun permohonan untuk pemberian tanah tersebut dibuat oleh kilang itu, iaitu Malayan Sugar Manufacturing Berhad pada tahun 1963, sampai hari ini tidak apa pun dibuat. Kilang itu masih menikmati sewaan T.O.L. yang begitu murah iaitu sebanyak \$1,000.00 setahun sejak 20 tahun yang lepas bagi tanah yang luas ini. Kegagalan pihak berkuasa yang berkenaan dalam hal ini

telah mengakibatkan kerugian hasil bagi Negeri. Walaupun ada pertanyaan daripada Ketua Audit Negara dan P.A.C. terhadap perkara ini, tiada apa pun dibuat dan perkara tersebut dibiarkan begitu sahaja.

Tuan Speaker, selanjutnya, mengikut Laporan Audit tahun 1982, Kerajaan Negeri telah didenda sebanyak \$5,210,000.00 akibat kegagalan mematuhi bayaran balik pinjaman. Negeri Pulau Pinang gagal mematuhi jadual bayaran balik oleh kerana pihak P.D.C. tidak menyelesaikan bayaran-bayaran ansuran. Kerajaan Negeri tidak mampu kerugian hasil ini akibat tidak kecekapan dan kecuai dan tindakan-tindakan serious mesti diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri barangkali digelar sebagai "*Architect of Modern Penang*" memandangkan pembangunan sedikit yang beliau bawa kepada Negeri. Tetapi Y.A.B. Ketua Menteri akan juga diingatkan sebagai Ketua Menteri Cina yang telah mengecewakan rakyat bukan Melayu dan juga sebagai seorang pemimpin yang telah menjual hak-hak politik rakyat bukan Melayu dan Negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh GERAKAN telah mengecewakan rakyat Pulau Pinang dalam pemerintahannya sejak 16 tahun yang lalu dengan memperkosakan hak-hak mereka kerana KOMTAR dan Jambatan Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri telah memberi sokongan penuh kepada UMNO dalam dasar-dasar pembangunan negara yang tidak adil dan bersifat diskriminasi. Dasar-dasar tersebut bolehlah disimpulkan sebagai dasar Bumiputera, proses pengislaman, satu bahasa satu kebudayaan, Dasar Kebudayaan Nasional melalui proses asimilasi dan penafian pendidikan dalam bahasa ibunda bagi rakyat bukan Melayu.

Rakyat Pulau Pinang harus menyoal apakah gunanya KOMTAR, bangunan tertinggi di Asia Tenggara, ataupun Jambatan yang ketiga panjang di dunia, sedangkan mereka mengorbankan hak-hak politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan agama mereka menjadi warganegara kelas kedua dalam tanahair sendiri.

Tuan Speaker:

Adakah anda mengguna Jambatan itu?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, biarkan itu orang.

Tuan Speaker, tugas dan tanggungjawab seseorang Ketua Menteri tidak terhad kepada kerja-kerja pentadbiran dan pembangunan fizikal Negeri, tetapi apa yang lebih penting ialah tugas dan tanggungjawab beliau untuk melindungi hak-hak pelajaran, agama, kebudayaan, ekonomi dan politik rakyat. Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh GERAKAN dalam 16 tahun yang lalu telah menyembunyikan kegagalan mereka dalam melindungi hak-hak rakyat tersebut yang telah banyak dikikis.

Tuan Speaker, selain daripada kegagalan Y.A.B. Ketua Menteri dalam melindungi hak-hak asasi rakyat, Y.A.B. Ketua Menteri telah juga gagal mengurangkan kes-kes jenayah dalam Negeri. Sebaliknya kes-kes jenayah telah meningkat dan Negeri ini juga digelar sebagai Negeri yang mempunyai kebanyakan kes-kes penyalahgunaan dadah dalam seluruh negara. Begitu juga, beliau telah gagal mengatasi keperluan rakyat dalam perumahan kos rendah, pengangguran, masalah banjir yang bertambah buruk, dan masalah kesesakan lalu lintas di Negeri ini. Sesiapa yang mengambilalih daripada Y.A.B. Ketua Menteri akan mewarisi kesemua masalah-masalah tersebut. Apa yang lebih buruk ialah projek KOMTAR yang belum lagi selesai dibina dan hutang besar yang melebihi \$300 juta yang dihutang oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat serta institusi-institusi lain.

Y.A.B. Ketua Menteri yang terlalu tergoda dengan projek KOMTAR dan Jambatan Pulau Pinang dalam pemerintahan 16 tahunnya bagi kepentingan peribadinya telah mengabaikan langsung penyelesaian masalah-masalah yang tersebut di atas.

Kecuali kedua-dua projeknya iaitu KOMTAR dan Jambatan Pulau Pinang yang juga tidak berfaedah kepada rakyat Pulau Pinang, Y.A.B. Ketua Menteri tidak mempunyai sesuatu untuk membanggakan.

Tuan Speaker, akhir sekali saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri sebelum beliau bersara dari politik supaya melakukan sesuatu yang baik untuk rakyat Pulau Pinang dan menimbang semula secara serious keputusan untuk membeli Jambatan Pulau Pinang dari Kerajaan Persekutuan. Saya sudah membuat seruan itu pada mesyuarat yang lalu. Saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri supaya jangan berdegil tetapi menurut nasihat terhadap tujuan sedemikian untuk membeli Jambatan Pulau Pinang. Ianya kurang bijak dan tidak berekonomik untuk mengumpulkan begitu banyak wang semata-

mata untuk bayaran Jambatan Pulau Pinang yang mungkin menjadi satu lagi "gajah putih" dan satu beban kepada Negeri ini.

Tuan Speaker, Menteri Kerja Raya telah memberitahu Parlimen yang pinjaman sebanyak \$850 juta dengan kadar faedah sebanyak 12% setahun bagi perbelanjaan Jambatan Pulau Pinang harus dibayar balik dalam tempoh 10 tahun. Dari angka-angka yang diberi ini, bayaran faedah sahaja tanpa jumlah pokok akan berjumlah sebanyak \$100 juta setahun. Tol yang dikutip dari Jambatan Pulau Pinang sewaktu sebulan pertama selepas ia dibuka kepada orang ramai hanya \$1.74 juta sahaja. Misalnya ini adalah tol purata yang akan dikutip setiap bulan, hasil yang boleh didapati dari Jambatan Pulau Pinang berdasarkan kadar tol tersebut akan berjumlah lebihkurang \$20 juta sahaja setahun. Berdasarkan kepada pertimbangan kewangan yang ketat, sia-sia sahaja untuk membeli Jambatan Pulau Pinang.

Kerajaan Persekutuan dengan memberikan Jambatan Pulau Pinang kepada Negeri Pulau Pinang sebenarnya hanya memberi kelebihan sebanyak \$20 juta sahaja setahun kepada Negeri ini. Dari segi ekonomi, adalah kurang bijak jika Kerajaan Negeri membayar \$1.2 billion untuk mendapat balik \$20 juta setahun.

Tuan Speaker, seperti yang saya katakan tadi, sesiapa yang menjadi tuanpunya Jambatan Pulau Pinang atas mengendalikannya, sama ada Kerajaan Pusat atau Negeri, tidak menjadi sebarang perbezaan kepada rakyat Pulau Pinang kerana Jambatan telahpun dibina. Rakyat Pulau Pinang masih harus membayar tol yang sama, kerana menggunakan Jambatan itu tanpa mengira siapa tuanpunya jambatan itu.

Ketua Menteri mesti melupakan kegemilangan peribadinya dan menghentikan perjuangan seorang dirinya mengumpul wang untuk membeli Jambatan Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri patut sebaliknya mengubah kepada perjuangan untuk mendapatkan Kerajaan Persekutuan menghadiahkan Jambatan Pulau Pinang kepada Negeri Pulau Pinang supaya Negeri ini boleh mendapat sedikit hasil tambahan.

Saya menyokong penuh seruan T.Y.T. Yang diPertua Negeri yang sebuah Negeri yang miskin dari segi sumber-sumber alam patut dibenarkan menyimpan sebahagian cukai-cukai untuk projek pembangunan mereka sendiri. Saya ingin mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menolong

Pulau Pinang yang sememangnya Negeri yang miskin dari segi sumber alam, mendermakan Jambatan Pulau Pinang kepada rakyat Pulau Pinang bagi menambahkan hasil Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri harus menyambut seruan T.Y.T. Yang diPertua Negeri dan bertindak selanjutnya supaya Jambatan Pulau Pinang diberi sebagai hadiah kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan untuk mendapat lebih hasil. Ini sememangnya akan menjadi pemberian perpisahkan oleh Ketua Menteri kepada rakyat Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri boleh meneruskan tujuan untuk mengumpulkan \$1.2 billion tetapi bukan untuk menggunakannya bagi maksud membeli Jambatan Pulau Pinang dari Kerajaan Persekutuan. Wang tersebut sepatutnya digunakan untuk keperluan-keperluan Negeri yang lebih penting seperti membina unit-unit perumahan kos rendah, kompleks-kompleks penjaja, pembayaran hutang kita dan menjelaskan masalah baniir yang kian melarat. Wang yang dibelanjakan bagi tujuan-tujuan ini akan lebih bermakna kepada orangramai dari pembelian Jambatan Pulau Pinang. Wang ini akan dapat digunakan untuk menyelesaikan keadaan kewangan yang meleset di Negeri ini.

Saya sekali lagi mendesak Y.A.B. Ketua Menteri supaya melupakan kemasyuran peribadi dan memikirkan kepentingan rakyat Pulau Pinang dengan menggunakan wang sebanyak \$1.2 billion itu, jika ianya boleh diperolehi bagi projek-projek yang boleh membawa faedah kepada rakyat.

Sebelum Y.A.B. Ketua Menteri bersara, sekurang-kurangnya tolong lakukan sesuatu yang baik bagi faedah rakyat Pulau Pinang.

Tuan Speaker, satu perkara yang amat penting saya ingin membangkitkan akhir sekali ialah mengenai pentadbiran, imej dan integriti kedua-dua Kerajaan Negeri dan kakitangan-kakitangannya.

Pesta Perdagangan Pulau Pinang kini telah menjadi tajuk bagi kekeciwaan dan tuduhan yang berleluasa oleh rakyat berkenaan dengan amalan-amalan rasuah, pilihkasih dan layanan tidak adil oleh ahli-ahli jawatankuasa dan mereka yang terlibat dengan pengelolaan pesta itu. Adalah didakwa bahawa gerai-gerai telah diperuntukkan kepada rakan-rakan dan saudara-mara ahli-ahli jawatankuasa pengelolaan. Adalah juga didakwa bahawa ahli-ahli jawatankuasa dan orang-orang

yang terlibat dengannya menggunakan rakan-rakan mereka sebagai batu loncatan untuk mendapat gerai-gerai itu dan kemudiannya gerai-gerai itu disewakan untuk mendapat keuntungan cepat.

Saya juga diberitahu bahawa beberapa daripada gerai yang diperuntukkan itu tidak digunakan oleh pemohon-pemohon gerai yang berjaya tetapi telah disewakan kepada orang lain untuk keuntungan. 30 buah gerai yang patutnya digunakan untuk barang-barang buatan Taiwan dan alat-alat jentera kini telah disewakan dan bukan digunakan bagi tujuan tersebut. Sebaliknya, gerai-gerai ini kini menjual barang-barang dan keluaran buatan Malaysia. Saya telah difahamkan bahawa pemohon-pemohon yang berjaya mendapat semua gerai-gerai tersebut telah menyeleweng dari tujuan asal dan sebaliknya telah menyewakan gerai-gerai tersebut kepada orang lain dengan bayaran \$4,500.00 sebuah gerai. Bagaimana ini boleh terjadi?

Pesta Perdagangan Pulau Pinang ini sememangnya telah menyeleweng dari tujuan dan maksud asalnya. Tujuan asal yang utama untuk mempamerkan barang-barang tempatan dan asing telah menjadi seperti sebuah pasar malam tetapi secara besar-besaran. Tiada menjadi salah menjadikannya seperti pasar malam tetapi apa yang sememangnya salah di sini adalah, jika dakwaan-dakwaan yang dibuat adalah benar, Pesta Perdagangan tahunan Pulau Pinang kini telah menjadi satu jalan untuk mendapat keuntungan cepat serta mengekalkan peluang-peluang untuk mengamalkan rasuah oleh mereka yang mengelolakannya.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, saya minta Ahli dari Pengkalan Kota tarik balik perkataan "rasuah" ataupun saya cabar supaya Ahli dari Pengkalan Kota menuduh di luar Dewan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bukan *allege corruption*. *I am not making an allegation yet. This has been happening outside.*

Amalan-amalan salah dan dakwaan-dakwaan ini hendaklah disiasat dengan serta-merta. Saya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri supaya menubuhkan satu jawatankuasa untuk menjalankan satu penyiasatan lengkap untuk menyelesaikan perkara ini dan bukan menuduh saya dan laporannya diumumkan. Badan Pencegah Rasuah harus juga

segera menyiasat dakwaan orangramai ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh):

Saya bangun untuk menyokong penuh Anggaran Belanjawan 1986 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, Anggaran Belanjawan 1986 yang berjumlah \$62,467,100.00 ini adalah berdasarkan kepada tujuan yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan Anggaran Belanjawan ini, iaitu untuk mendapatkan kuasa berkenaan bagi membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan sejumlah wang yang tersebut bagi perkhidmatan tahun 1986. Belanjawan yang dicadangkan bagi tahun 1986 itu adalah satu belanjawan yang kekurangan dan terpaksa pula ditambahkan lagi sebanyak \$53,008,970.00 yang akan dibelanjakan secara perbelanjaan tanggungan yang akhirnya menjadikan jumlah perbelanjaan 1986 sebanyak \$115,476,070.00.

Dari segi hasil pula diramalkan cuma \$107,141,710.00 sahaja bagi tahun 1986. Dengan ini kekurangan masih lagi sebanyak \$8,334,360.00, akan tetapi saya dapati Anggaran Belanjawan ini dibuat dengan begitu rapi yang diambil kira dari setiap aspek yang berkaitan dengan kepentingan rakyat dan juga Kerajaan berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Pertama, tentang potongan 10% ke atas pungutan cukai tanah pada tahun hadapan itu adalah satu-satunya yang membuktikan kepada kita bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kehidupan rakyat di Negeri ini. Walaupun cukai tanah adalah punca utama kepada pendapatan negeri ini tetapi Kerajaan Negeri sanggup berbuat demikian demi untuk kepentingan rakyat lebih-lebih lagi di dalam waktu kemelesetan ekonomi dunia ini yang mana rakyat juga turut merasa kepahitannya.

Kedua, Tuan Speaker, ialah tentang usaha-usaha Kerajaan bagi mengujudkan peluang-peluang yang lebih luas dalam bidang pekerjaan bagi rakyat kita di negeri ini. Lebih-lebih lagi dengan adanya satu peruntukan yang berjumlah sebanyak \$2 juta untuk sekim latihan pekerja-pekerja. Apabila sekim ini dilaksanakan nanti kita harap akan lebih banyak golongan rakyat di Negeri

ini terdiri daripada orang-orang yang tinggi kemahirannya dalam semua bidang pekerjaan. Hasil daripada ini juga akan melahirkan taraf hidup rakyat dan kemajuan negeri yang lebih tinggi bagi mencapai hasrat Kerajaan menjadikan Pulau Pinang ini sebagai pusat perusahaan dan perdagangan di rantau ini. Ini adalah satu pandangan jangka-masa panjang yang sekurang-kurangnya keadaan ini akan dapat kita lihat pada tahun 1990 nanti.

Tuan Speaker, selain daripada itu hasrat Kerajaan bagi merapatkan lagi hubungan dengan badan-badan swasta bagi tujuan memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi Negeri ini adalah juga satu petanda yang baik bagi Kerajaan dan rakyat Negeri ini untuk bekerjasama dengan lebih rapat lagi di antara satu kaum dengan lain yang akan membawa ke arah kemakmuran dan keamanan di Pulau Pinang ini, dari segi mengawasi setiap sen yang akan dibelanjakan nanti adalah satu perkara yang amat penting supaya ianya benar-benar mendatangkan faedah kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Negeri ini dan akan menjauhkan daripada berlakunya sebarang penyelewengan di dalam perkara ini.

Tuan Speaker, kita semua sedia maklum sumber utama pendapatan Negeri ini ialah daripada pungutan cukai tanah. Oleh itu penggunaan tanah mestilah digunakan dengan sepenuh-penuhnya. Bagi mencapai matlamat ini beberapa jabatan yang tertentu mestilah mengambil perhatian terutama sekali berhubung dengan masalah-masalah mempercepatkan lagi kelulusan pelan-pelan projek pembangunan, perumahan dan sebagainya, begitu juga dengan kelulusan ubah syarat tanah dan pecah sempadan serta lain-lain lagi. Kelewatan-kelewatan di dalam bidang ini adalah semata-mata merugikan Kerajaan dan rakyat di Negeri ini yang inginkan pembangunan.

Kenaikan harga-harga rumah juga adalah berpunca daripada kelewatan di dalam bidang ini. Hasilnya pendapatan Kerajaan daripada hasil tanah akan menjadi lembab, rakyat pula terpaksa menanggung beban bagi membeli rumah-rumah dengan harga yang lebih mahal.

Tuan Speaker, di samping ini saya suka mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini bagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri khususnya kepada pengerusi dan ahli Jawatankuasa Perumahan Negeri yang mana baru-baru ini telah meluluskan rancangan pengswastaan bagi pembinaan rumah-rumah Kerajaan di negeri ini bagi tahun 1986 iaitu sebanyak 6,000 unit rumah kos rendah dan 6,000 unit lagi jenis rumah

kos sederhana. Langkah ini adalah satu cara bagi membantu Kerajaan untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah untuk kepentingan rakyat yang berpendapatan sederhana dan juga yang berpendapatan rendah di Negeri ini.

Tuan Speaker, selain daripada beberapa perkara yang saya sebutkan tadi yang ada kaitan dengan hasil atau pendapatan Negeri Pulau Pinang ini, industri pelancongan juga adalah satu sumber yang penting bagi menambahkan lagi pendapatan Negeri Pulau Pinang ini, oleh sebab Pulau Pinang ini memang sudah semulajadi terdapat tempat-tempat yang sesuai di dalam bidang pelancongan dan sudahpun terkenal di seluruh dunia. Oleh itu satu peruntukan yang khusus perlulah disediakan untuk bidang ini. Dalam Anggaran Belanjawan 1986 peruntukan sebanyak \$2 juta telah disediakan untuk tujuan ini yang telah diambil dari peruntukan di bawah Pejabat Ketua Menteri.

Pada pendapat saya peruntukan ini perlu ditambahkan lagi bagi meluaskan lagi projek-projek pelancongan di Negeri ini. Kita tidak sepatutnya menumpu bidang pelancongan ini di sebelah Pulau Pinang sahaja tetapi kita juga perlu meluaskan projek-projek pelancongan ini hingga ke sebelah Seberang Perai, oleh kerana di Seberang Perai juga terdapat tidak kurang tempat-tempat yang sesuai dengan projek-projek pelancongan.

Contoh salah satu tempat yang memang kita sedia maklum ialah Pantai Bersih Bagan Ajam merupakan satu-satunya pantai yang sungguh berpotensi di bidang pelancongan dari segi kedudukannya berhadapan dengan laut yang terbentang luas dan sebahagiannya pula dilindungi pula oleh Pulau Pinang. Jika kita berada di pantai ini pada waktu malam kita akan dapat menikmati keindahan Pulau Pinang di waktu malam dengan lampulampunya yang indah. Di samping itu di sini juga terdapat pula sepuluh blok rumah pangsa Kerajaan yang tersergam indah dan di sebelahnya pula terdapat sebuah kampung contoh didiami oleh 150 keluarga secara tradisional. Ini adalah beberapa perkara yang boleh memberi sumber jika kita menjadikannya sebagai satu penarikan kepada pelancong-pelancong ke sini, tetapi malangnya pantai ini tidak diberi jagaan yang baik dan kerja-kerja yang dilakukan bagi mengawal pantai ini sekarang adalah tidak secara ekonomik. Oleh itu saya cadangkan satu projek tebusguna tanah perlulah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di kawasan ini.

Tuan Speaker, selain daripada kawasan ini, begitu juga ada tempat-tempat lain di Seberang Perai umpamanya Kolam Air Mengkuang yang telah dibina dengan menelan belanja sebanyak \$28 juta yang tidak kurang indahnya untuk dijadikan tempat rekreasi bagi menarik para pelancong ke situ. Kolam ini dibentuk dan dibina di atas satu kawasan tanah yang tinggi dikelilingi oleh bukit bukau yang menghijau seolah-olah tasik yang begitu indah. Jadi kita harap tempat-tempat yang seumpama ini akan boleh memberi peluang untuk kita jadikan tempat-tempat pelancongan menarik pelancong datang ke Pulau Pinang ini.

Lebih-lebih lagi dengan adanya Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah menjadi satu faktor yang penting ke arah industri pelancongan bagi Negeri ini. Jadi dengan adanya Jambatan ini kita haruslah memikirkan jauh ke hadapan betapa pentingnya jambatan ini, tidak sepertimana yang disebutkan oleh wakil Pengkalan Kota kononnya jambatan ini hanya semata-mata sebagai beban. Sebagai seorang rakyat dan seorang pemimpin yang berfikiran luas, beliau patut tahu jambatan ini akan membawa rahmat kepada Negeri Pulau Pinang di satu masa nanti, iaitu dari segi bidang pelancongan dan ianya akan memperkenalkan Pulau Pinang ke seluruh dunia. Jadi pandangan yang dikeluarkan oleh wakil dari Pengkalan Kota tadi membayangkan bahawa wakil itu adalah seorang yang tidak layak menjadi pemimpin yang mewakili orang ramai disebabkan oleh pandangan-pandangan yang sempit dan boleh dianggap sebagai pemimpin yang bodoh. Jadi sesuatu projek yang telah menelan belanja berbilion-bilion ringgit dianggap tidak berguna kepada rakyat ialah satu perkara yang tidak boleh kita terima sama sekali. Kita tidak boleh menerima hakikat ini. Kita harus melihat dari segi masa jangka panjang bahawa projek-projek seperti KOMTAR, Jambatan Pulau Pinang dan lain-lain yang akan kita bina di Negeri Pulau Pinang adalah bertujuan untuk memberi peluang dan faedah kepada rakyat Negeri Pulau Pinang ini khususnya.

Tuan Speaker, dengan terlaksananya projek-projek pelancongan di Seberang Perai nanti akan turut membuka peluang pekerjaan yang lebih luas bagi penduduk-penduduk di Seberang Perai dan juga menambahkan lagi hasil Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, dalam menentukan kejayaan terhadap Anggaran Belanjawan ini prestasi jentera

pentadbiran Kerajaan Negeri perlulah dititikberatkan. Kita tidak mahu lagi berulang kejadian-kejadian yang tidak diinginkan tentang kelewatan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan yangmana kita rancang untuk kepentingan rakyat bagi mencari makan. Ianya akan terus kita perbaiki dari semasa ke semasa. Contohnya, pembinaan pasar terbuka di Pekan Sg. Puyu yang telah diluluskan sejak 3 tahun yang lalu dengan harga sebanyak \$18,000.00 sahaja, hingga sekarang belum siap. Perkara-perkara ini yang perlu kita baiki supaya dapat dipertingkatkan lagi imej Kerajaan Negeri. Tapak gerai penjaja di pantai Bagan Ajam telah diluluskan sejak 2 tahun yang lalu dan saya telah difahamkan oleh Pegawai Daerah bahawa urusan tanah telah selesai tetapi hingga sekarang belum siap juga. Inilah beberapa perkara yang kita rasa sedih, jadi kita harap perkara ini dapat diatasi.

Dalam perkara ini, sebaliknya orang perseorangan pula yang tiba-tiba muncul mendapat kebenaran menjalankan perniagaan di atas tanah Kerajaan di kawasan itu. Di setengah-setengah tempat pula terlaksana projek-projek secara segera dengan menelan belanja berpuluh-puluh ribu ringgit. Aklurnya tinggal begitu sahaja, gagal tidak memberi faedah kepada orang ramai dan Kerajaan Negeri terpaksa menghabiskan wang perbelanjaan.

Jadi oleh sebab itu kita harap pentadbiran Kerajaan Negeri di masa-masa akan datang akan meneliti dengan sebenar-benarnya setiap projek dan setiap pandangan yang disampaikan oleh wakil-wakil rakyat dan orang-orang awam tidak boleh dianggap sebagai tidak mustahak dan diketepikan begitu saja pada hal setiap orang yang mengeluarkan pandangan dan fikiran terlebih dahulu membuat kajian terhadap projek-projek yang akan ditonjolkan. Saya harap pihak Ketua Menteri akan mengambil perhatian yang wajar terhadap perkara-perkara seumpama ini agar ianya tidak berulang lagi.

Apa yang masih lagi menjadi masalah di hadapan kita sekarang ini ialah berkenaan kenaikan bagi peruntukan gaji dan elaun untuk tahun 1986 sebanyak \$32,714,060.00 iaitu sebanyak 28.3% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Saya lagi sekali di sini berharap Kerajaan Negeri akan dapat membuktikan kecukupannya dalam mengawasi segala perbelanjaan yang telah diperuntukkan dalam Anggaran Belanjawan 1986 ini yang akan diluluskan nanti.

Tuan Speaker, itulah beberapa pandangan daripada saya dan saya mengambil kesempatan di sini sekali lagi menyokong penuh Anggaran Belanjawan 1986 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di dalam Dewan ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh setengah jam.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.34 pagi.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1986 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di dalam Dewan ini pada petang kelmarin, 16 Disember, 1985. Saya sebagai ADUN Kubang Semang turut menyokong supaya Rang Undang-undang Perbekalan tersebut diluluskan bagi membolehkan Kerajaan Negeri membelanjakan wang sejumlah \$62,467,100.00 bagi perkhidmatan pada tahun akan datang, iaitu tahun 1986.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada saya peruntukan ini adalah munasabah dan boleh diterima oleh rakyat dan tidak membebankan rakyat walaupun di zaman kemelesetan ekonomi. Demi untuk meringankan beban rakyat maka Kerajaan telah menyusun rancangan-rancangan dan peluang-peluang untuk meningkat dan mengekalkan taraf hidup kita serta terus berazam hendak mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru supaya dapat mengujudkan masyarakat yang adil dan saksama.

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Negeri ini dan untuk kepentingan rakyat Negeri ini.

Tuan Speaker, saya sungguh merasa dukacita

kerana wakil daripada DAP, Ahli Kawasan Pengkalan Kota, telah membangkitkan dan menggunakan Dewan ini sebagai *stage* atau *platform* politik beliau bagi kepentingan parti dan dirinya sendiri, yangmana beliau telah membangkitkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya dibangkitkan dan mempertikaikan perkhidmatan dan kecekapan pegawai-pegawai kita yang begitu gigih dan taat setia kepada Negeri ini. Tetapi malangnya saya rasa wakil dari Pengkalan Kota ini tidak bertanggungjawab. Manakala sudah berucap beliau lari keluar. Ini serupa dengan membaling batu ke dalam lubuk.

Jadi, Tuan Speaker, pada saya saya menganggap pegawai-pegawai Kerajaan yang ada hari ini bekerja dengan sungguh ikhlas, tapi beliau membangkitkan dan mengatakan pegawai-pegawai ini tidak bekerja dengan ikhlas. Jadi saya sebagai Ahli Dewan menyokong Kerajaan menafikan, dan saya benar-benar tahu apa yang dijalankan oleh pegawai-pegawai ini, bahkan pada hari ini kalau pegawai-pegawai tidak menjalankan tugas mungkin kitapun tidak dapat membahaskan Rang Undang-undang yang disediakan pada hari ini.

Kerajaan Barisan Nasional tidak mengira bangsa apa, tidak mengiri keturunan apa dan tidak mengira ugama apa. Yang kita hendak ialah keikhlasan perkhidmatan demi untuk rakyat. Kita tidak mahu orang-orang Melayu hanya menolong orang-orang Melayu dan orang-orang Cina hanya menolong orang-orang Cina, tetapi kita hendak menolong semua bangsa yang ada di Negeri ini. DAP telah berkehendakkan orang-orang Cina menolong orang-orang Cina sepertimana yang dikatakan dalam Dewan tadi.

Wakil dari Pengkalan Kota telah mempertikaikan empat Pegawai Daerah dan tiga-empat orang pegawai atasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi kalau diselidik lebih dalam lagi banyak jabatan-jabatan lain mempunyai berbagai-bagai bangsa. Hanya dia menampakkan tiga-empat kerat pegawai. Saya rasa sungguh dukacita dengan sikap DAP itu, tidak mahu dan tidak hendak memahami dasar Kerajaan kita di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Sri Dr. Mahathir, Dato' Musa Hitam dan juga Dr. Lim Chong Eu bagi Negeri Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, saya berharaplah kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat akan terus berkhidmat. Kami wakil dari Barisan Nasional, khususnya UMNO, sedia memberi sokongan kepada pegawai-pegawai ini demi untuk kebaikan Negeri dan juga bangsa dan rakyat di Negeri ini.

Tuan Speaker, kita sedia memaklumkan bahawa sekarang ini keadaan ekonomi Negeri sedang merosot dan meleset. Untuk menentang arus ini dan untuk memperbaiki keadaan, maka kita sama-sama bertanggungjawab tentang perbelanjaan kekurangan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri petang kelmarin. Kita bukan serupa dengan parti pembangkang yang tidak pernah hendak menegur secara membina masalah-masalah pembangunan, bahkan hanya menekan dan mengatakan Kerajaan tidak adil dan sebagainya. Demi untuk kebaikan rakyat, walaupun keadaan ekonomi negara kita merosot tapi perancangan kita tetap diteruskan juga. Inilah yang kita katakan pegawai-pegawai yang gigih sedia memberi pertolongan kepada kita.

Kita jelas dapat mengetahui bahawa perbelanjaan pada tahun ini ialah sebanyak \$115,476,070.00 dan pendapatan yang kita dapat ialah \$107,141,710.00. Ini bermakna dengan jelasnya kekurangan sebanyak \$8,334,360.00. Dalam pada itu Kerajaan Negeri telah bermurah hati dan telah bersetuju pula mengurangkan cukai-cukai tanah pada tahun 1986 sebanyak 10% potongan am. Saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan Negeri ini. Saya rasa rakyat ataupun pemilik-pemilik tanah turut gembira dengan keputusan Kerajaan Negeri berkenaan dengan pemotongan cukai tanah sebanyak 10%. Walau bagaimanapun, saya berharap Kerajaan akan bertindak tegas untuk mengutip wang tunggakan, iaitu hutang cukai tanah sebanyak \$2.1 juta yang belum lagi dijelaskan oleh pemilik-pemilik tanah.

Tuan Speaker, adalah diharapkan supaya pihak yang berkenaan mengurangkan kos pentadbiran kepada yang paling rendah sekali, menimbang dan meneliti dengan cermat sesuatu langkah yang hendak diambil. Jangan kita membazirkan wang rakyat. Kita jangan ingat kedudukan wang kita membazirkan wang rakyat. Kita jangan ingat kedudukan wang kita cukup kukuh tetapi hutang kita juga masih banyak, Tuan Speaker. Oleh itu langkah berjimat cermat dan teliti dalam membelanjakan wang adalah perlu.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri petang semalam mengenai membaiki sistem hawa dingin di Dewan Sri Pinang yang berharga \$1 juta. Saya cuba menasihatkan melalui Dewan ini dan berharap kepada pihak yang berkenaan gunakanlah hawa dingin yang ada sekarang ini kerana kita harus faham pada zaman kemelesetan ini, \$1 juta itu boleh kita gunakan untuk perkara-perkara lain bagi kepentingan orangramai.

Ada lagi satu perbelanjaan yang menarik perhatian saya iaitu peruntukan perbelanjaan sebanyak \$2 juta untuk menyambut Persidangan PATA dan Pesta Negeri Pulau Pinang yangmana Kerajaan berhasrat untuk memajukan industri pelancongan di Negeri ini. Tetapi mengikut laporan P.D.C., jumlah pelancong yang datang ke Negeri ini bertambah merosot dari setahun ke setahun, Tuan Speaker. Jadi pada pendapat saya, kecantikan, keindahan dan kebersihan Pulau Pinang janganlah dipertanggungjawabkan ke atas bahu Kerajaan Negeri sahaja. Kita ada banyak agensi seperti M.P.P.P., M.P.S.P., S.P.P.P., P.B.A., P.D.C., T.D.C. dan juga syarikat-syarikat swasta seperti bank-bank yang boleh memainkan peranan dan memberi sokongan serta juga peruntukan-peruntukan untuk mencantikan Negeri ini, dan tanggungjawab ini bolehlah kita bahagi-bahagikan.

Tuan Speaker, sektor pertanian, haiwan dan nelayan tidak disentuh oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada masa membentangkan Belanjawan tahun 1986. Dengan ini bolehlah dianggap Kerajaan Negeri kurang memberi perhatian di bidang perhatian, haiwan dan nelayan, pada hal kebanyakan dan sebahagian besar rakyat di Negeri ini terlibat dengan pertanian. Pada saya sektor ini boleh menyelesaikan masalah-masalah Kerajaan di mana lebih banyak pekerja-pekerja kilang telah diberhentikan.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang akan memberi bantuan dan bayaran gaji dan pentadbiran kepada sekolah-sekolah agama rakyat di Negeri ini dan juga menambahkan bayaran saguhati kepada pegawai-pegawai mesjid yangmana kita hendak mengembangkan syiar Islam dan nilai-nilai Islam di Negeri ini.

Saya juga berharap Kerajaan Negeri akan berusaha mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat. Kita jangan selalu mengharapkan dan menunggu Kerajaan Pusat semata-mata. Jangan memberi alasan Kerajaan tidak ada duit tetapi untuk perayaan pesta dan membaiki hawa dingin boleh. Kalau dikira peruntukan Pesta dan PATA \$2 juta dan memperbaiki hawa dingin \$1 juta jumlahnya sudah \$3 juta. Marilah kita bersamasama, Tuan Speaker, memikirkan yangmana mustahak dan penting dan yang mana pembaziran.

Untuk pengetahuan Tuan Speaker, pada satu masa dahulu Kerajaan Negeri biasa membiayai bayaran gaji guru-guru agama dan sekolah-sekolah kebangsaan. Pada pendapat saya perkara ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera.

Tuan Speaker, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang hendaklah menyusun semula pentadbiran, mengemaskinikan dan membuat strategi-strategi yang lebih maju lagi supaya dapat bergerak dengan lebih berkesan menuju ke arah perkembangan syiar Islam.

Saya juga melalui Dewan ini mengesyorkan Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri ini perlu dipinda supaya jawatan Ketua Jabatan Agama Islam dan Yang diPertua Majlis Agama Islam hendaklah dipegang oleh orang-orang yang berlainan. Sekarang ini jawatan-jawatan berkenaan dipegang oleh orang yang sama. Syor ini ialah demi untuk kekesanan bertindak kerana banyak rancangan-rancangan dan cadangan-cadangan yang akan dimajukan dan dilaksanakan supaya matlamat dan hasrat kita dapat mencapai kejayaan dengan seberapa segera.

Tuan Speaker, lagi sekali saya menekankan dan menyokong peruntukan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri diluluskan di Dewan ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Belanjawan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1986 yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Memandangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 adalah mengambil kira tentang kerumitan yang dihadapi oleh rakyat dan kemelesetan ekonomi yang Negeri kita akan menghadapi, maka ingin saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986. Kami telah diperingatkan bahawa tahun 1986 telah diramalkan sebagai satu tahun kewangan yang sukar. Peringkatan ini memang benar dan sesuai pada masanya agar rakyat kita akan menghadapi cabaran masa depan dengan lebih realistik.

Tuan Speaker, Perbelanjaan yang diramalkan bagi tahun yang sama ialah \$115,476,070.00 manakala hasil yang diramalkan bagi tahun yang sama adalah \$107,141,710.00. Maka dengan ini Negeri kita akan mencatatkan defisit sebanyak \$8,334,360.00. Dengan keadaan rumit sedemikian Kerajaan haruslah merancang satu strategi baru di mana perbelanjaan dapat dikurangkan dan punca-

punca hasil diperbanyakkan.

Tuan Speaker, dalam konteks ini ingin saya menarik perhatian Kerajaan di mana perbelanjaan atau pembaziran dapat dikurangkan. Umpamanya di Pejabat Daerah Sungai Jawi terdapat tiga atau empat *one-stop payment centre* yang ditempatkan di situ. Mengapakah Kerajaan rasa perlu mengadakan tiga atau empat pusat pengutipan di satu tempat apabila satu pusat pengutipan di Pejabat Daerah sudah mencukupi? Kalau tenaga pekerja yang berlebihan itu disalurkan ke bidang di mana mereka diperlukan tidak dinafikan Kerajaan bukan sahaja tidak akan membazir wang ringgit tetapi akan mencapai produktiviti yang maksima.

Selain dari itu kekurangan penyelarasan dalam sesuatu pejabat atau antara pejabat telah mengakibatkan perbelanjaan Kerajaan terus melambung tinggi sepertimana yang dilihat di kawasan Seberang Perai Selatan apabila pasukan J.K.R. dihantar ke sesuatu tempat pada waktu pagi untuk membina atau memperbaiki jalan, bahan-bahan kerja seperti tar atau *pre-mix* dan batu yang diperlukan cuma dihantar dari Bukit Mertajam pada waktu tengah hari atau petang di atas sebab-sebab yang cuma diketahui oleh pihak J.K.R. Keadaan ini bermakna pekerja-pekerja J.K.R. tidak dapat membuat sesuatu kerja pada sebelah pagi, akhirnya pembaziran tenaga pekerja berlaku kerana tidak ada penyelarasan. Jika keadaan ini dapat dibetulkan Kerajaan akan dapat berjimat-cermat.

Tuan Speaker, hasil yang dianggarkan berjumlah \$107,141,710.00 akan diperolehi dari 3 punca, iaitu dari hasil cukai, hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil. Memandangkan punca-punca hasil bagi negeri kecil seperti Pulau Pinang adalah terhad, maka adalah dicadangkan Kerajaan akan terus berunding dengan Kerajaan Persekutuan agar peruntukan dari Kerajaan Pusat dalam bentuk penerimaan bukan hasil akan ditambahkan. Pertambahan penerimaan bukan hasil atau peruntukan dari Kerajaan Pusat adalah amat penting bagi program Kerajaan untuk membangunkan kampung-kampung baru di seluruh Negeri kita.

Adalah mengeciwakan di bawah Rang Undang-undang Perbekalan 1986 tidak ada sebarang peruntukan yang dikhaskan bagi pembangunan kampung-kampung baru. Sungguhpun Kerajaan sudah mengumumkan hasrat dan strateginya untuk membangunkan kampung-kampung baru, sebagai langkah pertama Kerajaan Negeri harus menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak untuk

mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru seperti menggantikan T.O.L. dengan geran tetap, memperbaiki jalan dan parit longkang, memperluaskan kawasan kampung baru bagi maksud perumahan, perindustrian kecil dan pertanian. Kerajaan harus bertindak dengan segera kerana kampung-kampung baru di Negeri kita sepertimana yang diketahui oleh Kerajaan sendiri telah ketinggalan di luar arus pembangunan sejak lebih kurang 30 tahun kebelakangan ini.

Tuan Speaker, anggaran perbelanjaan bagi Jabatan Parit dan Taliair adalah berjumlah \$6,431,400.00 dengan pertambahan \$49,600.00 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Di sini ingin saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya dari jumlah peruntukan ini sekurang-kurangnya 40% disalurkan kepada kawasan Seberang Perai Selatan kerana baru-baru ini banyak kawasan di Seberang Perai Selatan dilanda banjir dan sistem parit dan taliair harus diperbaiki agar rakyat tidak akan mengalami kerosakan harta benda pada musim hujan pada masa hadapan.

Tuan Speaker, J.K.R. adalah salah satu Jabatan Kerajaan yang diberi peruntukan besar, iaitu \$16,198,600.00. Peruntukan besar ini dikatakan akan membolehkan J.K.R. menyelenggarakan dan memperbaiki mutu jalan Negeri dan saliran-saliran di tepi jalan. Tidak dinafikan ada masanya J.K.R. menjalankan tugasnya dengan baik dan berkesan. Inipun adalah keadaan sebenarnya di kawasan Seberang Perai Selatan, tetapi malangnya kadangkala J.K.R. didapati kekurangan jentera dan tenaga manusia. Dengan kawasan luas yang dijagainya, maka mereka tidak dapat menyelenggara jalan-jalan di Seberang Perai Selatan.

Tuan Speaker, pada keseluruhannya memang Rang Undang-undang Perbekalan 1986 akan dipuji dan diterima oleh majoriti rakyat Pulau Pinang. Oleh yang demikian saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Terima Kasih.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1986.

Tuan Speaker, kita nampak bahawa pada tahun ini belanjawan Kerajaan Negeri adalah satu belanjawan yang kekurangan sejumlah lebih

kurang \$8.3 juta, tetapi jikalau dibandingkan dengan tahun lepas kekurangannya adalah lebih kurang \$9.5 juta. Kita boleh nampak bahawa pada tahun yang akan datang Kerajaan akan mengawal belanjawan di Negeri Pulau Pinang dengan baik sedikit. Jikalau kita bandingkan dengan lain-lain negeri, saya ingat kekurangan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri adalah lebih kurang 25% kekurangan yang didapati di lain-lain negeri.

Tuan Speaker, oleh kerana punca hasil yang tetap yang dapat diperolehi oleh Kerajaan Negeri adalah terhad, yang penting sekali iaitu cukai tanah yangmana kita tidaklah boleh menambahkan lagi pemberian geran atau pemberian wang kepada Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri boleh mendapat lebih banyak peruntukan untuk faedah rakyat di Negeri Pulau Pinang ini. Seperti contoh, saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan bahawa cukai-cukai yang didapati di Negeri Pulau Pinang ini, seperti cukai taksiran pendapatan, cukai kereta, cukai jalan dan lain-lain dapatlah diberi sebahagiannya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, di sini saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan juga pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri yang telah dapat mengurangkan tunggakan (*arrears*) cukai tanah yang besar dulu hingga sekarang sudah dikurangkan kepada \$2.1 juta. Saya harap pegawai-pegawai Kerajaan akan memperkuat usaha-usaha mereka untuk mendapat balik semua tunggakan hasil tanah.

Sungguhpun Kerajaan Negeri akan memberi "concession" atau "remission" sebanyak 10% daripada cukai tanah kepada semua penghuni-penghuni tanah atau tuan tanah, saya anggap 10% ini tidaklah mencukup pada masa kemerosotan ekonomi ini. Saya harap pada tahun yang akan datang Kerajaan Negeri boleh menambahkan kekurangan 10% ini.

Tuan Speaker, saya harap pihak Pejabat Tanah boleh menghantar sebarang notis pembayaran cukai tanah kepada semua tuan tanah supaya dapatlah mereka membayar cukai bukan di Pejabat Tanah di semua daerah sahaja tetapi boleh membayar cukai di sebarang pusat Kerajaan yang mengutip bayaran seperti di Pejabat Pos, P.B.A., M.P.P.P., Telekom dan lain-lain pusat pengutipan awam (*one-stop collection centre*) yangmana saya ingat barangkali kita bolehlah mengurangkan lagi tanggungan cukai-cukai tanah.

Tuan Speaker, di bawah Kod 41002 di bawah Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan kita dapati \$3.5 juta telah dianggarkan untuk belanjawan. Di bawah kod ini bantuan dan subsidi bolehlah diberi kepada pihak Kerajaan Tempatan. Di sini saya suka membangkitkan satu masalah yangmana di rumah-rumah pangsa dan juga di rumah-rumah kediaman yang dimiliki oleh Kerajaan Tempatan khususnya di Negeri Pulau Pinang iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan dinaikkan 100% pada tahun yang akan datang. Sungguhpun dalam tempoh 20 tahun sewa ini belum dinaikkan tetapi pada masa ini semua rakyat dan juga Kerajaan sedang mengalami kemerosotan ekonomi dan saya rasa "timing" itu tidaklah begitu betul. Dan untuk menaikkan 100%, saya ingat akan memberi kesusahan kepada semua penyewa rumah-rumah pangsa M.P.P.P. dan rumah-rumah kediaman M.P.P.P. Saya harap Kerajaan Negeri boleh berunding dengan pihak M.P.P.P. supaya mengurangkan kenaikan 100% ini.

Tuan Speaker, di bawah Kepala 4, kita dapati pihak D.I.D. telah diperuntukkan \$6.4 juta untuk mengawal banjir. Saya harap pihak yang berkenaan bolehlah cepat mengimplimentasi projek-projek mereka supaya sungai-sungai, seperti Sungai Relau di kawasan saya, Sungai Dua, Sungai Kluang dan juga Sungai Pinang dapatlah didalman dan banjir tidaklah berlaku. Baru-baru ini kita dapati bahawa tapak pesta telah dibanjiri dan membawa kerugian kepada penghuni-penghuni gerai-gerai di sana. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana memberi peruntukan itu untuk mengatasi masalah banjir.

Tuan Speaker, pihak J.K.R. telah diberikan \$16.198 juta untuk perkhidmatan. Di sini saya suka membawa masalah bahawa saya dapat mendengar daripada pelancong luar dan juga penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang bahawa jalan-jalan di Pulau Pinang tidaklah memuaskan. Kita dapati jalan-jalan tidak seimbang (*uneven roads*) dan juga kita dapati jalan-jalan yang berlubang-lubang di Negeri Pulau Pinang. Saya harap J.K.R. bolehlah membaiki jalan-jalan supaya bila pelancong-pelancong datang melawat ke Pulau Pinang kita boleh menunjukkan Pulau Pinang sebagai "Pearl of the Orient" atau "Pulau Mutiara".

Lagi satu, Tuan Speaker, di simpang Jalan Relau yang baru dengan jalan lama di Pekan Relau kita selalu dapati banjir. Kalau hujan sikit sudah banjir dan pihak D.I.D., M.P.P.P., J.K.R. dan P.D.C. pun sudah menyiasat masalah itu dan telah

memberi cadangan-cadangan, tetapi sampai hari ini tindakan belum diambil lagi. Saya harap pihak berkenaan bolehlah mengambil tindakan dengan secepat mungkin.

Tuan Speaker, di dalam belanjawan ini \$2 juta telah diperuntukkan untuk pelancongan. Di Jalan Udini, jalan baru ke Jambatan Pulau Pinang, kita boleh nampak satu kawasan yang indah sekali di tepi laut itu. Saya harap Kerajaan bolehlah mengindahkan kawasan tepi laut itu supaya bukan pelancong sahaja, tapi penduduk-penduduk di kawasan tersebut dan juga penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang boleh mempunyai satu kawasan untuk mereka berihat-rihat. Kawasan itu juga dapat menjadi satu tapak atau kebun untuk rakyat kita.

Tuan Speaker, tadi kita telah mendengar Ahli dari Pengkalan Kota menyebutkan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri dari Parti Gerakan telah menjual orang-orang di Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan sebuah jambatan, iaitu Jambatan Pulau Pinang, dan KOMTAR. Di sini saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota. Adakah beliau menggunakan Jambatan Pulau Pinang? Kalau beliau menggunakan Jambatan Pulau Pinang ini, saya hendak bertanya beliau, Jambatan Pulau Pinang ini adakah baik untuk kesenangan beliau atau tidak? Ini bukan menjualkan orang-orang kaum ini atau kaum itu tetapi Jambatan Pulau Pinang ini dan juga KOMTAR adalah untuk seluruh penduduk atau rakyat Pulau Pinang tidak mengira kaum.

Jika saya tidak salah di dalam Dewan yang mulia ini pada lebih kurang 10 tahun atau 12 tahun dulu seorang pemimpin atau pada masa itu Ketua Parti DAP di Negeri Pulau Pinang telah mencabar Kerajaan pada masa itu iaitu Kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri (Kerajaan Gerakan) yangmana jikalau Jambatan Pulau Pinang ini dapat dibina dan digunakan beliau akan terjun dari Jambatan itu. Jadi pada ketika ini pemimpin DAP pada masa itu sudah lari daripada DAP dan sudah masuk parti lain. Jadi saya rasa bila seseorang pemimpin bercakap begitu, beliau adalah mewakili DAP di Dewan ini. Saya harap Ahli Pengkalan Kota atau gurunya atau Ketua DAP di Pulau Pinang sungguhpun beliau tidak dapat masuk ke Dewan ini, boleh terjun dari Jambatan untuk mewakili Parti DAP.

Tuan Speaker, saya ingat semua rakyat tahu Jambatan Pulau Pinang ini adalah memberi faedah kepada semua rakyat di Pulau Pinang. Jambatan

Pulau Pinang ini telah menjadi satu tempat yang menarik pelancong dan juga kita semua tahu Jambatan ini adalah Jambatan yang panjang sekali di Asia dan juga yang ketiga di dunia. Di Pulau Pinang sungguhpun kita ada Jambatan Pulau Pinang yang panjang sekali di Asia, kita pun ada sebuah bangunan yang tertinggi sekali di Asia iaitu KOMTAR, jadi jikalau Ahli daripada Parti DAP berkata kedua-dua projek ini tidak baik, khasnya Jambatan Pulau Pinang yang tidak baik, saya harap semua ahli-ahli DAP tidak menggunakan Jambatan Pulau Pinang dan mereka boleh berenang ke Seberang Perai.

Akhir sekali, Tuan Speaker, saya suka lah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1986 ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Lim Heng Tee):

Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Belanjawan Bekalan bagi tahun 1986 yang dijangka akan menghadapi satu defisit sebanyak \$8.3 juta dibandingkan dengan sebanyak \$9.5 juta defisit dalam tahun 1985 dan satu kelebihan sebanyak \$17.2 juta dalam tahun 1984. Dalam masa yang sama, Kumpulan Wang Simpanan Negeri (*Revenue Reserve*) telahpun semakin tahun semakin merosot, dari jumlah \$17.2 juta dalam tahun 1984 ke \$7.6 juta dalam tahun 1985 dan dijangka akan terus merosot hingga suatu kekurangan sebanyak \$670,000.00 menjelang tahun 1986. Dengan gambaran tadi, jelas dapat kita bayangkan bahawa defisit yang dihadapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menelan sehingga habis Kumpulan Wang Simpanan Negeri kita.

Dengan keadaan yang sedemikian, Kerajaan Negeri terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu sama ada menaikkan cukai, mencari hasil daripada sumber-sumber lain, ataupun memohon bantuan daripada Kerajaan Pusat. Adalah tidak wajar sama sekali, jika Kerajaan Negeri meninggikan lagi kadar cukai kerana kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang adalah ketara sekali, apatah lagi kadar cukai dalam Negeri ini telah amat tinggi sekali dan dengan cara itu tentulah ia akan membebankan penduduk-penduduk di Negeri ini. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri mendapatkan bantuan kewangan tambahan daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, terdapat beberapa faktor

yang munasabah yang menunjukkan Kerajaan Pusat patut menimbangkan semula jumlah pemberian kewangan yang diberi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana pemberian dan bantuan yang diberi sekarang adalah tidak mencukupi dan tidak wajar sama sekali.

Jika kita meneliti Belanjawan Bekalan bagi tahun 1986, kita akan dapati bahawa dari sejumlah \$62,467,100.00 yang diperuntukkan, \$32.7 juta akan digunakan untuk membiayai gaji dan upahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan Negeri dan ini adalah lebih kurang 50% apa yang diperuntukkan dalam belanjawan bekalan bagi tahun 1986 sejumlah. Sejak pelaksanaan Semakan Gaji Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1980 ataupun dengan izin, *Revised Cabinet Committee Report 1980*, Kerajaan Negeri terpaksa menanggung tambahan \$3 juta setiap tahun untuk membiayai kenaikan gaji tersebut. Bagi masa 5 tahun yang lepas, lebih kurang \$15 juta sejumlahnya telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa kenaikan gaji kakitangan Kerajaan yang dilaksanakan itu adalah wajar, tetapi Kerajaan Pusat haruslah sedar bahawa pemberian kepada Kerajaan Negeri patut ditambah supaya Kerajaan Negeri dapat menampung kenaikan gaji kakitangan Kerajaan itu.

Tuan Speaker, satu lagi pemberian mengikut perlembagaan dari Pihak Berkuasa Persekutuan atau *constitutional grants* yang patut ditambahkan ialah Pemberian Jalan Raya Negeri atau *State Road Grants*. Adalah dianggarkan bahawa Kerajaan dianggarkan bahawa Kerajaan Pusat mengutip sebanyak \$50 juta setiap tahun dari kutipan cukai jalan dari Pulau Pinang tetapi sebaliknya cuma \$7 juta (iaitu lebih kurang 15%) sebagai *State Road Grants* diperuntukkan balik kepada Negeri Pulau Pinang. Ini adalah tidak wajar dan tidak munasabah sekali.

Demi untuk keadilan, adalah wajar bagi Kerajaan Pusat menimbang semula semua pemberian mengikut Perlembagaan ataupun *constitutional grant* termasuk *capitation grant* dan *growth grant* untuk Negeri Pulau Pinang.

Buat sementara waktu untuk Kerajaan Negeri mendapatkan pendapatan tambahan daripada sumber-sumber yang lain adalah wajar bagi Kerajaan Pusat memperuntukkan sebahagian daripada kutipan tol Jambatan Pulau Pinang dan juga kutipan feri kepada Kerajaan Negeri demi untuk meringankan beban Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, pada masa kita menempuh

kemelesetan ekonomi, Kerajaan dan juga rakyat menghadapi berbagai-bagai kesulitan kewangan sebab hasil dan pendapatan masing-masing bertambah kurang. Rakyat tidak berdaya berbuat apa-apa melainkan bekerja lebih kuat lagi di samping mengurangkan perbelanjaan. Sebaliknya Kerajaan boleh dan patut mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memperbaiki keadaan kemelesetan ekonomi tersebut.

Cara yang paling mudah sekali bagi Kerajaan menambahkan hasilnya ialah dengan menaikkan cukai, tetapi langkah ini kurang baik kerana ini menambahkan lagi kesusahan rakyat. Kenaikan cukai tanah (*quit rent*) yang berkuatkuasa pada tahun 1985 telah menimbulkan banyak kesusahan dan rasa tidak puas hati rakyat jelata. Walaupun Kerajaan bersetuju memberi *remission* 10% selepas rayuan-rayuan, namun saya rasa *remission* ini jauh daripada memuaskan sebab kenaikan cukai tanah itu ialah ratusan kali berganda. Saya masih berpegang kepada cadangan saya di Dewan ini semasa kita bersidang pada bulan Mac lalu. *Remission* atau potongan sebanyak 50% hendaklah diberi pada tahun 1985 dan selepas itu angka peratusan itu dikurangkan beransur-ansur meliputi 10 atau 15 tahun. Saya berharap Kerajaan dapat memberikan pertimbangan terhadap rayuan-rayuan rakyat dan berikanlah potongan yang lebih pada tahun 1986 dan 1987.

Tuan Speaker, langkah-langkah lain bagi menghadapi kemelesetan ekonomi termasuklah meninggikan kecekapan (*efficiency*) serta meningkatkan pengeluaran (*productivity*) di samping mengurangkan perbelanjaan yang kurang mustahak atau yang membazirkan. Bercakap berkenaan kecekapan, khususnya kecekapan di perkhidmatan awam dan pentadbiran, saya mesti berterus terang di sini bahawa kecekapan yang diharap-harapkan itu masih belum kunjung tiba. Masih lagi terdapat kelengahan *bureaucracy* dan sikap "tidak apa" di dalam pentadbiran jabatan-jabatan Kerajaan.

Saya tahu saya tidak akan menjadi *popular* di beberapa jabatan Kerajaan termasuklah rakan-rakan saya dalam Exco Negeri jika saya angkat jari telunjuk saya. Sebaliknya jika saya tidak berbuat demikian, saya tidak akan menjalankan kewajipan saya sebagai seorang wakil rakyat. Di beberapa jabatan Kerajaan kita nampak terang-terang di mana kecekapan dan prestasi mesti diperbaiki segera.

Mula-mula izinkan saya, Tuan Speaker, menumpukan perhatian kita sejenak pula pada Pentadbiran Tanah Negeri. Adalah diketahui

umum bahawa banyak permohonan tanah terperam begitu lama tanpa sebarang sebab yang munasabah di beberapa peringkat pentadbiran tersebut. Juga diketahui ramai bahawa tunggakan pungutan cukai tanah dibiarkan menimbun sehingga beberapa juta ringgit dan tiada sebarang usaha positif dijalankan bagi mendapatkan jumlah wang yang sebesar itu. Kerajaan kehilangan banyak hasil daripada sikap negatif seperti itu. Saya ingin mencadangkan di sini bahawa bagi menguruskan pungutan cukai tanah dengan lebih cekap lagi, semua bil cukai tanah hendaklah dihantar kepada tuan-tuan punya tanah yang berkenaan seperti bil-bil telefon, air dan letrik.

Tuan Speaker, prestasi J.K.R. dalam satu-dua tahun ini juga sangat menghampakan, khususnya di bahagian penyelenggaraan jalan-jalan raya. Mungkin kerana hujan lebat sangat kerap dan kejadian banjir di setengah-setengah tempat telah menyebabkan lebih kurang 70% daripada jalan-jalanraya di Seberang Perai berada dalam keadaan berlopak-lopak. Kena tunggu lama seakan-akan telah menjadi kebiasaan untuk memperbaiki jalan-jalanraya yang rosak tetapi apa yang lebih menyedihkan ialah jalan-jalanraya yang telah diperbaiki itu tidak pula tahan lama. Sebab-sebab teknik dan pentadbiran kadang-kadang menghalang penyelenggaraan jalan-jalanraya berjalan dengan cepatnya. Kerap kali, apabila Jabatan Kerja Raya diminta memperbaiki jalan-jalanraya tertentu, ia tidak sanggup berbuat demikian atas sebab jalan-jalanraya yang berkenaan masih belum diambilalih oleh J.K.R. walaupun jalan-jalan itu telah terbina sejak beberapa tahun yang lalu.

Contohnya Jalan Muhibbah di Taman Alma, Bukit Mertajam, telahpun siap beberapa tahun yang lalu. Jalan tersebut telahpun diserahkan kepada J.K.R. Negeri untuk diambilalih pada bulan Ogos tahun 1984 tetapi sehingga hari ini Jalan Muhibbah masih belum diambilalih oleh J.K.R. Sepanjang jalan tersebut berlopak-lopak dan pihak J.K.R. mengatakan mereka tidak dapat menjalankan kerja-kerja memperbaiki jalan tersebut. Apakah masalah yang begitu besar yang menghalang pengambilalihan sebatang jalanraya? Mengapakah J.K.R. perlukan masa yang begitu panjang untuk mengambilalih jalanraya yang berkenaan yang mana pembinaannya telahpun diserahkan menurut piawaian J.K.R. setahun dahulu?

Tuan Speaker, apa yang berlangsung di Bahagian Perumahan juga jauh dari memuaskan. Kita semua tahu bahawa Kerajaan kekurangan

wang untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah murah dan pada masa ini ada sekurang-kurangnya 50,000 orang sedang menunggu untuk mendapat rumah-rumah murah. Apa yang menyedihkan kita ialah kelemahan dalam pentadbiran telah menyebabkan tunggakan ansuran telah bertimbun-timbun sehingga beberapa juta ringgit. Ramai orang tidak membayar ansuran mereka dan peliknya pihak pentadbiran pun tidak mengambil berat untuk mengeluarkan notis-notis peringatan.

Di Taman Tun Sardon, Tuan Speaker, saya mendapat tahu ramai penghuni belum pun membayar ansuran yang pertama. Saya sedar, kadang-kadang terdapat seorang-dua penghuni-penghuni yang betul-betul tidak mampu membayar ansuran mereka. Dalam keadaan yang begini peraturan dan kelonggaran hendaklah dibuat supaya penghuni-penghuni seperti itu dapat membayar mengikut kemampuan masing-masing. Apa yang kita membantah sekeras-kerasnya di sini ialah ada sebilangan penghuni yang sudahpun bernasib baik diperuntukkan rumah murah Kerajaan tetapi mereka ini mengambil kesempatan tinggal secara percuma manakala ada lebih ramai lagi rakyat yang patut diberi rumah murah masih lagi menunggu-nunggu hingga bila tiada siapa pun yang tahu. Kejadian seumpama ini tidak adil sama sekali. Walaupun Kerajaan ingin menunjukkan sifat kasihan dan lembut hati kepada penghuni-penghuni rumah murah Kerajaan, tetapi Kerajaan pun hendaklah bersikap adil terhadap lebih ramai lagi orang-orang yang masih belum diperuntukkan rumah. Kerajaan bukan sahaja mesti bersikap adil dan tegas tetapi hendaklah mempunyai keazaman politik untuk bertindak secara berkesan.

Tuan Speaker, satu cara yang berkesan untuk menentukan bahawa pentadbiran berada dalam keadaan selalu cekap ialah dengan mewajibkan mereka menjawab segala pertanyaan kita atas tindakan-tindakan atau perbelanjaan-perbelanjaan mereka. Mengikut sistem demokrasi berparlimen seperti yang kita amalkan, cara yang lazim kita amalkan ialah melalui soalan-soalan di Parlimen atau di Dewan Undangan Negeri. Sebagai Ahli-ahli di Dewan Undangan Negeri kita mempunyai hak-hak istimewa dan segala kemudahan tertakluk kepada kebenaran Tuan Speaker. Tetapi, Tuan Speaker, ada kalanya kami rasa terbantut manakala soalan-soalan yang kami kemukakan khususnya yang ada kaitan dengan Majlis Perbandaran ditolak bulat-bulat. Tuan Speaker, Majlis Perbandaran sebagai sebahagian daripada Kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi tidak harus dikecualikan daripada disoal, dan saya rasa semua soalan

yang ada kaitan dengan Majlis Perbandaran hendaklah dibenarkan demi kepentingan orangramai. Dengan cara ini, Tuan Speaker, saya rasa baharulah jabatan dan agensi-agensi Kerajaan akan bersikap lebih melayan, lebih bertanggungjawab dan lebih cekap perjalanannya.

Sepertimana Tuan Speaker sedia maklum, terdapat banyak sungutan terhadap Majlis-majlis Perbandaran dan agensi-agensi Kerajaan yang lain mengenai cara-cara mereka membelanjakan wang rakyat. Dalam konteks ini jikalau mereka tidak diwajibkan untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada rakyat, bagaimana mereka boleh dikatakan bertanggungjawab terhadap rakyat? Dengan izin, *where is their accountability?* Sepertimana saya mengulaskan tadi, dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang begitu ketara, kita terpaksa berusaha dan bekerja kuat dan seharusnya mengurangkan segala perbelanjaan yang tidak perlu dan cuba sedaya upaya meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran. Tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Negeri telah menjalankan tugasnya bersungguh-sungguh. Walau bagaimanapun, pada masa rakyat menghadapi kesusahan ekonomi, Kerajaan harus menumpukan perhatian yang lebih untuk menghadapi cabaran dan seterusnya mengatasi segala masalah yang dihadapi.

Tuan Speaker, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng):

Tuan Speaker, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1986 yang dikemukakan hari ini. Rang Undang-undang ini akan menolong Kerajaan Negeri dalam pembangunan Negeri untuk mengukuhkan kehidupan rakyat Negeri Pulau Pinang yang sungguh makmur ini. Tetapi di sini saya harap Kerajaan Negeri ini dapat memperoleh penyelarasan daripada semua pihak yang berkenaan untuk menentukan bahawa semua rancangan dapat dicapai pada tarikh yang telah ditetapkan.

Semenjak kemerdekaan, pembangunan di Negeri Pulau Pinang berkembang dengan pesatnya, tetapi dalam zaman kemelesetan ekonomi ini, perdagangan dan perindustrian menghadapi masalah yang teruk. Ini telah menyebabkan banyak syarikat terpaksa ditutup diikuti dengan pengangguran. Jika Kerajaan Negeri tidak memperbaiki keadaan ini dengan bersungguh-sungguh, saya bimbang bahawa masalah pengangguran ini akan menjadi

lebih teruk lagi. Malahan, masalah pengangguran ini juga akan menegaskan bahawa Kerajaan Negeri mesti menimbangkan masalah pengangguran ini dengan lebih teliti dan mengatasinya dengan sewajarnya.

Pada pendapat saya, untuk mengatasi masalah pengangguran ini, Kerajaan Negeri mesti mengadakan satu rancangan yang lebih lengkap untuk melaksanakan empat perkara yang dinyatakan berikut, supaya lebih banyak jawatan kosong boleh dibentuk.

Pertama, Kerajaan mesti lebih menitikberatkan dan memberi lebih banyak bantuan kepada perusahaan kecil. Saya membuat cadangan ini bukan kerana saya tidak menyokong rancangan untuk perkembangan perindustrian besar, tetapi saya fikir bahawa perusahaan kecil adalah berserba jenis dan juga ia tidak memerlukan kos yang tinggi untuk membentukkannya. Oleh sebab itu, lebih banyak orang boleh memulakan perusahaan kecil.

Yang kedua, Kerajaan Negeri seharusnya mesti menggalakkan perindustrian-perindustrian yang menggunakan getah sebagai bahan mentahnya, seperti perkilangan tayar, kasut getah dan alat-alat lain yang diperbuat daripada getah. Setakat ini, negara kita masih terlalu bergantung kepada negara asing untuk membeli getah kita, tetapi oleh sebab *protectionism*, getah dari Negeri kita tidak boleh dieksport dengan mudahnya, dan dengan ini harga getah juga turun. Justeru itu, jika Negara kita boleh mengeluarkan benda-benda yang diperbuat daripada getah dan rakyat juga membeli benda-benda buat negara sendiri, harga getah akan dikukuhkan dan pengaliran wang ke negeri-negeri asing juga boleh dikurangkan.

Yang ketiga, pada masa ini bilangan pengangguran semakin naik. Didapati bahawa banyak penganggur menjadi penjaja kerana modal untuk menjaja tidak tinggi. Perniagaan kecil ini memang mengatasi setengah masalah pengangguran, walaupun bukan semuanya. Oleh sebab itu, saya merayu bahawa Kerajaan Negeri membukakan lebih banyak ruangan untuk mereka menjaja. Saya juga merayu bahawa Kerajaan tidak seharusnya terlalu ketat pada undang-undang untuk penjajaan dalam zaman kemelesetan ini. Saya rasa bahawa Kerajaan dan rakyat boleh bersama-sama membeban kesedihan zaman ini.

Yang keempat, Negeri Pulau Pinang, seperti negeri-negeri lain juga mendapat peruntukan untuk pembangunan daripada Kerajaan Pusat. Pada

pengetahuan saya, peruntukan daripada Kerajaan Pusat ini adalah dikira mengikut bilangan penduduk dalam negeri-negeri tertentu. Malangnya, peruntukan pembangunan yang didapati oleh Negeri Pulau Pinang adalah kurang dari nilai yang sepatutnya. Oleh sebab itu, saya berharap Kerajaan Pulau Pinang boleh meminta Kerajaan Pusat dengan sedaya upayanya supaya memberi peruntukan pembangunan kepada Pulau Pinang dengan adil dan sepatutnya.

Tuan Speaker, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1986 ini. Terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.54 tengahari.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1986 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari kelmarin.

Tuan Speaker, saya rasa pihak Kerajaan adalah realistik untuk membentangkan satu *budget* yang defisit yang berjumlah \$8.3 juta. Antara peruntukan-peruntukan yang telah mengakibatkan defisit ini, Tuan Speaker, adalah peruntukan \$2 juta sebagai satu tabung untuk mengeluarkan Rancangan Latihan Pekerja-pekerja dan juga satu peruntukan lagi sejumlah \$2 juta untuk menjalankan Pesta Pulau Pinang dan Persidangan PATA dalam tahun hadapan. Walaupun kedua-dua perbelanjaan ini telah berjumlah sampai *half the total deficit* bagi belanjawannya, akan tetapi saya menyokong dengan sepenuhnya kedua-dua perbelanjaan ini oleh sebab saya rasa kedua-dua perbelanjaan ini tentu akan membawa faedah dalam jangka masa panjang kepada rakyat kita di Pulau Pinang.

Peruntukan sebanyak \$2 juta untuk memulakan program atau rancangan latihan pekerja-pekerja telah dengan terangnya mencerminkan kejujuran Kerajaan dalam usahanya untuk membantu rakyat kita yang telah terlibat dalam menegenipkan kerja (*retrenchment*) akibat dari kemelesetan ekonomi. Satu rancangan seperti ini bukan hanya akan membantu mereka untuk memperolehi kemahiran-kemahiran yang baru. Dalam aspek ini

saya juga ingin menyeru kepada pihak-pihak swasta untuk *complement* usaha-usaha Kerajaan dengan memberikan lebih peluang *on-the-job training* dalam organisasi-organisasi mereka masing-masing.

Tuan Speaker, peruntukan sejumlah \$2 juta yang telah diberi untuk mengadakan Pesta Pulau Pinang dan juga menganjurkan Persidangan PATA dalam tahun hadapan juga menunjukkan keazaman Kerajaan untuk menggalak atau meningkatkan industri pelancongan di Pulau Pinang, satu industri yang masih belum mencapai potensi yang maksimumnya. Di samping memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih cemerlang dan juga menganjurkan acara-acara yang istimewa dalam usaha-usahanya untuk menggalakkan pelancongan, saya rasa Kerajaan juga jangan lupa bahawa kebanyakan antara pelancong-pelancong yang menghadiri atau melawat Pulau Pinang datang untuk menikmati tempat-tempat yang menarik, tempat-tempat yang indah yang semulajadi seperti pantai-pantai kita dan bukit-bukit kita. Kawasan-kawasan seperti ini adalah hakmilik semulajadi kita dalam industri pelancongan. Dengan izin Tuan Speaker, *these are the areas which are our natural assets in the tourism industry* dan juga mesti dijaga dan diselenggarakan dengan lebih usaha dalam kegiatan untuk meningkatkan industri pelancongan. Dan juga dengan kedatangan lebih pelancong kita mesti jangka bahawa tempat-tempat menarik seperti ini akan digunakan dan dilawat dengan hebatnya. Oleh yang demikian, kawasan-kawasan dan tempat-tempat ini perlu dijaga supaya kebersihan dan keindahan kawasan-kawasan dan tempat-tempat ini dapat dikekalkan.

Sebagai contoh, Tuan Speaker, pantai-pantai dan laut kita tidak bersih walaupun ada berbagai tindakan yang telah diambil untuk membersihkan kawasan-kawasan pantai kita. Akan tetapi saya rasa, Tuan Speaker, usaha-usaha yang telah diambil sehingga hari ini tidak mencukupi. Dengan lawatan lebih pelancong-pelancong, pantai-pantai kita tentu akan dikotorkan walaupun berbagai seruan telah dikeluarkan untuk meningkatkan kesedaran sivik pelawat-pelawat itu dan juga pantai ini tidak boleh bersih dengan sendirinya. Oleh yang demikian, saya rasa perlulah pihak Kerajaan yang berkenaan mengadakan satu rancangan yang lebih berkesan untuk sentiasa membersihkan dan menjaga kebersihan pantai-pantai kita. Selain dari itu juga, kita mesti meningkatkan usaha-usaha penguatkuasa kita supaya mencegah pencemaran sungai-sungai, pantai-pantai dan laut.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dalam

ucapannya telah menyeru rakyat kita dalam semua sektor termasuk sektor Kerajaan dan sektor awam untuk berjimat dan meningkatkan daya pengeluarannya, khususnya dalam masa sekarang yangmana kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.

Tuan Speaker, saya sokong dengan sepenuhnya seruan Y.A.B. Ketua Menteri kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk mengawal perbelanjaannya yang melibatkan alat-alat tulis, telefon dan perjalanan dan juga untuk memberi lebih makna kepada cogan "Kepimpinan Melalui Teladan". Saya rasa Ahli-ahli Exco kita perlu juga memotong perbelanjaan mereka dan juga mengeneipkan perjalanan-perjalanan yang tidak perlu dalam Negeri mahupun di luar Negeri.

Dan di sini juga ada satu cadangan, Tuan Speaker, bahawa Ahli-ahli Exco juga mengikut apa yang telah dibangkitkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yangmana Ahli-ahli Exco juga akan membuat perjalanan mereka ke pejabat. Jikalau kita berharap pegawai-pegawai Kerajaan untuk berbuat begitu, jadi barangkali Ahli-ahli Exco juga boleh mengujudkan *car pool*. Barangkali, Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Kawasan Telok Bahang dapat menumpang kereta Y.A.B. Ketua Menteri apabila mereka datang ke mesyuarat Dewan ini.

Tuan Speaker, dalam konteks keadaan hari ini yangmana kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi yangmana juga Kerajaan berusaha dengan sesungguhnya untuk berjimat, satu aspek yangmana saya rasa kita masih membazirkan wang ialah di bawah Kepala 1200 — Elaun-elaun Tetap Bagi Dewan Undangan Negeri. Di sini saya rasa pihak Kerajaan telah membazirkan wang oleh sebab pihak Kerajaan masih membayar elaun kepada Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah digantung, bukan digantung buat masa yang pendek tetapi telah digantung buat jangka masa yang panjang. Seseorang Ahli Dewan Undangan yang telah digantung buat jangka masa yang panjang, saya rasa, tidak boleh mewakili kawasan-nya dengan berkesan dan juga membazirkan wang rakyat serta tidak berguna dan telah menjadi, dengan izin Tuan Speaker, *impotent in his functions*. Di sini saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan untuk menimbang dengan *seriousnya* cadangan saya bila seorang Ahli Dewan Undangan seperti itu yang telah digantung lebih dari jangka masa sebulan diubahsuaikan *statusnya* dari seorang yang digantung kepada seorang yang mengeneipkan kerja. Dengan izin, *from the status of a suspended Assemblyman to one of a retrenched Assemblyman*, dan juga beliau akan hilang ke-

layakan untuk menikmati segala elaun dan kemudahan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan saya cadangkan bahawa peruntukan yang kita akan jimatkan dari tindakan itu berjumlah \$28,880.00 setahun, sekurang-kurangnya boleh diberikan kepada tabung untuk rancangan latihan pekerja-pekerja.

Tuan Speaker, antara perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, saya rasa ada satu yang sangat kurang atau tidak memuaskan iaitu perkhidmatan Kerajaan dalam penyelenggaraan projek-projek rumah kos rendah Kerajaan khususnya rumah kos rendah flat. Sehingga hari ini, Tuan Speaker, pihak Kerajaan telah membina sejumlah lebih 12,000 unit rumah kos rendah dan bilangan unit rumah kos rendah ini akan meningkat atau bertambah mengekori dari usaha-usaha pihak Kerajaan di bawah rancangan pengswastaan untuk mengeluarkan atau membina lebih unit kos rendah. Selain dari itu, Kerajaan juga ada rancangan untuk melaksanakan rancangan perumahan secara sewa.

Jadi faktor-faktor ini bermakna bahawa bebanan atas perkhidmatan penyelenggaraan yang diberi oleh pihak Kerajaan akan bertambah. Pada masa sekarang, perkhidmatan-perkhidmatan penyelenggaraan yang diberi oleh pihak Kerajaan sangat kurang dan tidak memuaskan. Rumah-rumah pangsa di Kawasan Mak Mandin, Butterworth, tidak dapat langsung dicatkan semula semenjak flat itu dibina lebih 15 tahun yang dahulu, dan selepas menunggu lama dan selepas beberapa rayuan, saya pun perlu mencari peruntukan dari sumber-sumber lain untuk menjalankan kerja-kerja mengecatkan kawasan-kawasan gunasama (*common areas*) dan saya harap tempat-tempat atau kawasan-kawasan lain flat di rumah pangsa Mak Mandin dapat dicatkan oleh pihak Kerajaan atau Bahagian Perumahan Negeri.

Selain dari itu kita selalu menerima banyak aduan seperti kerosakan lif-lif, lampu-lampu yang rosak yang tidak dibaiki dengan cepatnya, pembocoran, parit-parit yang tersumbat dan lain-lain. Selepas beberapa tahun, Bahagian Perumahan Negeri bukan sahaja tidak boleh meningkatkan prestasi perkhidmatan penyelenggaraannya tetapi malangnya perkhidmatan ini telah merosot walaupun kita sedar bahawa pihak Kerajaan ada mengutip bayaran penyelenggaraan dari pemilik-pemilik rumah-rumah kos rendah itu. Pada hemat saya, pihak Bahagian Perumahan tidak boleh memberikan perkhidmatan-perkhidmatan penyelenggaraan yang berkesan. Ini atas sebab pertubuhannya yang terhad. Pihak Bahagian Perumah-

an Negeri sekarang bergantung dan berharap kepada agensi-agensi Kerajaan lain untuk menjalankan dan mengawal kerja-kerja penyelenggaraannya.

Jadi saya ingin menyeru pihak Kerajaan untuk meneliti dengan *seriousnya* masalah perkhidmatan penyelenggaraannya yang tidak memuaskan itu dan juga mencari satu cara untuk menyelesaikan masalah yang telah ditinggalkan masa yang lama. Satu cadangan ialah pihak Kerajaan boleh mengkaji bahawa perkhidmatan-perkhidmatan penyelenggaraannya boleh diswastakan akan tetapi saya rasa sebelum perkhidmatan-perkhidmatan diswastakan satu kajian yang teliti mesti dibuat supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi selepas pengswastaan boleh menjadi lebih baik dan juga kos-kos penyelenggaraan kepada pemilik-pemilik rumah-rumah kos rendah tidak terlalu tinggi.

Demikianlah Tuan Speaker, ucapan saya dan saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan anggaran perbelanjaan tahun 1986 yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini pada hari kelmarin.

Anggaran perbelanjaan itu dianggap sebagai munasabah dan menggalakkan walaupun mempunyai kekurangan sebanyak \$8.3 juta. Kekurangan ini sebenarnya tidak nampak besar jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain, lebih-lebih lagi memandangkan Kerajaan mempunyai keyakinan untuk menimbangkan kekurangan tersebut dengan hasil tambahan yang dijangka dapat diperolehi pada tahun akan datang. Dari jualan tanah reklamasi di pantai timur Pulau Pinang serta pasir dan bahan batu, Kerajaan telah menjangka memperolehi hasil sebanyak \$41 juta pada tahun 1985. Sungguhpun demikian, disebabkan tidak terlaksananya sekim pengswastaan atas tanah reklamasi tersebut, hasil ini tidak dapat diperolehi dalam tahun 1985 akan tetapi sudah ada kemungkinan perlaksanaan ini dapat dibuat pada tahun hadapan. Dengan berolehnya hasil tambahan tersebut bukan sahaja kekurangan dalam perbelanjaan itu dapat diimbangkan akan tetapi mungkin mengujudkan kelebihan.

Tuan Speaker, dari hasil anggaran pada tahun 1986 yang berjumlah lebih kurang \$107

juta itu sebanyak \$27.5 juta akan diperolehi dari cukai tanah. Itu adalah akibat perlaksanaan kadar cukai tanah yang baru pada tahun yang lalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri atas kejayaan memungut \$23.5 juta dari cukai tanah termasuk pungutan tunggakan. Hakikat ini telah menunjukkan tanggungjawab sivik serta kesetiaan rakyat kepada Negeri ini akan tetapi pembayaran secara segera terhadap cukai tanah bukan menunjukkan rakyat sudah sudi menerima kadar cukai tanah baru yang dianggap sebagai terlampau tinggi itu atau menunjukkan daya dan kebolehan rakyat untuk membayar cukai tanah yang lebih tinggi.

Tuan Speaker, saya ingin memperingatkan Kerajaan bahawa ia telah menghubungkan segala rayuan terhadap kenaikan cukai tanah hanya dapat dipertimbangkan dengan pembayaran dibuat dahulu. Maka pembayaran secara segera daripada rakyat sebenarnya adalah tanda kerjasama kepada Kerajaan atas pengumuman tersebut di atas. Rakyat telah mengharap Kerajaan dapat mempertimbangkan rayuan mereka khasnya dalam masa ekonomi merosot. Keputusan Kerajaan untuk memberikan potongan am atau *general remission* 10% membuktikan bahawa Kerajaan menyedari kesusahan rakyat dan menghiraukan rayuan rakyat serta menunjukkan keinginan untuk menolong rakyat menghadapi cabaran masa kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun, adalah difikirkan pertolongan 10% itu tidak mencukupi untuk menolong rakyat menghadapi kemerosotan ekonomi dengan berkesan. Maka adalah dicadangkan bahawa Kerajaan mengkaji semula keputusan tersebut untuk menambahkan pengurangan atau *remission* di antara 30% dan 50%. Apabila menghadapi kemerosotan ekonomi sebarang langkah yang mungkin menambahkan beban rakyat itu adalah dianggap sebagai tidak munasabah.

Di samping kadar cukai tanah baru, rakyat juga membantah kenaikan sewa sebanyak 100% bagi rumah pangsa Majlis Perbandaran Pulau Pinang di Padang Tembak. Berdasarkan kepada prinsip ini, cadangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk menaikkan sewa itu sudah tentu akan menyusahkan rakyat dengan kepentingan rakyat, saya berharap Kerajaan Negeri dapat menggunakan kuasanya untuk tersebut.

Tuan Speaker, jumlah anggaran perbelanjaan bagi tahun 1986 menunjukkan kekurangan \$7.9 juta atau 6.4% sekiranya dibandingkan dengan anggaran perbelanjaan tahunan bagi 1985. Ini sungguh membuktikan azam Kerajaan menjalan-

kan polisi jimat-cermat apabila menghadapi kemerosotan ekonomi. Sebanyak \$32.7 juta atau 28.3% daripadanya diperuntukkan untuk membayar gaji dan elaun. Perbandingan peratus ini dengan peratus pada tahun 1979 dan 1980 iaitu 43.8% dan 41.7% masing-masing menunjukkan cermat dan tegasnya Kerajaan Negeri dengan mendapatkan pertambahan hasil mengikut pertambahan perbelanjaan. Saya memuji kepastian Kerajaan Negeri hendak menjimatkan perbelanjaan selanjutnya dengan menyekat pegawai dan kakitangan Kerajaan terhadap perbelanjaan yang melibatkan alat-alat tulis, telefon dan perjalanan akan tetapi adalah perlu bagi Kerajaan untuk menjamin perkataan "perbelanjaan" tidak akan menjejaskan mutu dan kecekapan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat jelata untuk matlamat meninggikan taraf kehidupan rakyat pada keseluruhannya.

Di bawah peruntukan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan sebanyak \$2 juta akan disediakan bagi Persidangan PATA dan Pesta Pulau Pinang dalam tahun 1986. Ini adalah selaras dengan keinginan Kerajaan untuk memperkembangkan industri pelancongan dalam Negeri ini.

Tuan Speaker, Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah Negeri yang mempunyai potensi yang tinggi dalam perkembangan industri pelancongan selain dari keindahan semulajadi seperti gunung-ganang yang indah, pantai-pantai yang bersih, pulau-pulau yang cantik di sekeliling, bangunan-bangunan yang bersejarah dan juga Jambatan Pulau Pinang. Negeri ini mempunyai kebudayaan yang berbagai, beranekaragam dan gaya; segala-galanya adalah *asset* dan jika segala-galanya dapat dipergunakan sepenuhnya akan menjadi penarikan kepada pelancong sama ada di dalam Negeri ataupun di luar negeri, lebih-lebih lagi kebudayaan yang berbilang kaum akan dapat menambahkan keistimewaan mutu industri pelancongan dalam Negeri ini. Unsur ini pastilah dipergunakan dengan sepenuhnya untuk membawa kemajuan dalam industri pelancongan, Tuan Speaker, akan tetapi dalam pelaksanaan unsur ini adalah perlu bagi Kerajaan untuk mengawasi bahawa tidak ada satu kaum pun yang akan berasa kebudayaannya telah dicuainya atau didiskriminasikan. Jika tidak, Kerajaan tidak mungkin mendapat kerjasama serta sokongan yang sepenuhnya dari seluruh rakyat yang menjadi keperluan dalam perkembangan pelancongan.

Tuan Speaker, kita pasti memandangkan kepentingan rakyat serta kepentingan Negeri se-

bagai utama dan patutlah mencegah segolongan kecil yang mempermainkan perasaan perkauman yang sempit sehingga mengubahkan kepentingan rakyat.

Tuan Speaker, di samping itu satu faktor lagi yang penting bagi perkembangan industri pelancongan adalah keselamatan dalam Negeri yang tidak dapat dinafikan telah merosot baru-baru ini. Kerajaan harus mengambil langkah yang positif dan berkesan untuk memperbaiki keadaan keselamatan dalam Negeri.

Sukacita didapati bahawa pihak polis telah menubuhkan Unit Kawalan Khas untuk menjaga keselamatan pelancong-pelancong akan tetapi memandangkan bilangan anggota yang begitu kurang dalam unit tersebut, saya rasa adalah perlu unit tersebut diperbesarkan.

Tuan Speaker, peruntukan kepada Jabatan Parit dan Taliair bagi tahun 1986 telah menunjukkan satu pertambahan sebanyak \$49,600.00. Mengikut ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, pertambahan ini merupakan sebahagian besar bagi keperluan pertambahan kos penyelenggaraan parit dan taliair, termasuk sungai *conservancy* dan *hydrology*. Saya berpendapat penambahan ini tepat dan munasabah memandangkan masalah banjir yang berlaku di seluruh Negeri baru-baru ini.

Oleh kerana hujan lebat yang tidak berhenti rakyat di Taman Chai Leng dan Taman Sri Rambai serta kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang telah mengalami kesusahan dan kerugian ekonomi. Sebagaimana Tuan Speaker sedia maklum, Taman Chai Leng dan Taman Sri Rambai merupakan dua kawasan perumahan yang terbesar sekali di Seberang Perai Tengah. Pada masa dahulu kawasan-kawasan tersebut adalah kawasan pertanian, maka sehingga hari ini parit besar yang menjadi saluran air utama di situ masih di bawah jagaan Jabatan Parit dan Taliair.

Masalah banjir yang berlaku baru-baru ini sungguhpun disebabkan sebahagian oleh hujan lebat akan tetapi terutamanya disebabkan oleh parit besar yang sudah lama tidak didalamkan. Sukacita saya mendapat tahu bahawa Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$125,000.00 untuk tujuan mencegah banjir di Seberang Perai Tengah akan tetapi berdasarkan pengalaman ini pihak Kerajaan haruslah lebih teliti dalam proses permohonan pembangunan perumahan khasnya di kawasan seperti Taman Chai Leng dan Taman Sri Rambai pada masa

yang akan datang supaya dapat mengelakkan perbelanjaan tambahan.

Tuan Speaker, peruntukan bagi Jabatan Kerja Raya selalunya merupakan peruntukan yang besar sekali dalam Belanjawan. Tanggungjawab Jabatan tersebut atas menyelenggarakan dan membaiki jalan dan saliran-saliran tepi jalan telah menjadi semakin berat akibat perkembangan pembangunan yang pesat. Ada kenyataan yang menunjukkan Jabatan tersebut tidak akan melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan dan memuaskan oleh kerana *asset* tersebut terlibat dalam penyelenggaraan jalanraya yang utama. Jabatan Kerja Raya sudah mencubaikan atau tidak menyelenggarakan jalan di seluruh kawasan-kawasan perumahan dengan bersungguh-sungguh.

Pada hari ini, keadaan jalan yang buruk sudah menjadi satu pemandangan yang biasa khususnya di Seberang Perai. Masanya sudah tiba bagi Kerajaan menimbangkan kemungkinan membahagikan sebahagian beban Jabatan Kerja Raya kepada pihak berkuasa lain, misalnya kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai, dengan menjadikan pihak berkuasa khasnya untuk menyelenggarakan dan membaiki jalan di kawasan-kawasan perumahan.

Tuan Speaker, akhir sekali lagi saya mohon menyokong anggaran perbelanjaan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Datuk Hj. Ahmad bin Saleh):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang telah bercakap dalam membahaskan ucapan anggaran belanjawan yang telah dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin yangmana ini melibatkan perbelanjaan bagi menguruskan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berjumlah lebih kurang daripada \$62,000,000.00 dan sebagaimana yang rakan-rakan saya telah bercakap dan menyokong anggaran belanjawan ini maka saya juga mengambil peluang menyokong Rang Undang-undang anggaran belanjawan bagi tahun 1986 yang akan datang. Di samping itu saya ingin mengambil kesempatan untuk bercakap dan menyokong beberapa rakan saya yang telah bercakap terlebih dahulu tadi mengenai anggaran belanjawan yang sedang kita bahaskan pada hari ini.

Tuan Speaker, dari apa yang kita bincangkan

mengenai anggaran pendapatan dan belanjawan bagi keperluan keseluruhan Negeri Pulau Pinang dan dari segi perbincangan yang telah kita mengikuti punca-puncanya yang boleh mendapatkan sumber kewangan bagi membelanjakan mengikut bahagian-bahagian yang telah ditentukan saya tidak hendak menyentuh dari segi angka yang telah dinyatakan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat semalam.

Di sini Kerajaan seharusnya mencari jalan supaya dapat menambahkan lagi sumber-sumber pendapatan bagi Negeri Pulau Pinang oleh kerana jika kita lihat dalam tahun 1984 kita telah menghadapi anggaran yang berkurangan iaitu sebanyak lebih dari \$4 juta dan begitu juga pada tahun 1985 yang akan datang kita juga menghadapi anggaran yang berkurangan. Jadi ini bermakna pendapatan kurang dan perbelanjaan lebih. Ini masalah yang sedang dihadapi oleh kita semua.

Saya suka mengambil kesempatan ini menyeru supaya pihak Kerajaan mencari jalan-jalan ataupun sumber yang boleh mendatangkan ataupun menambahkan lagi kewangan bagi Negeri Pulau Pinang selain dari apa yang kita ketahui iaitu mengenai sumber-sumber terbanyak sekali yang berpunca dari hasil-hasil tanah. Hasil tanah itu adalah satu sumber yang menjadi punca kepada kewangan Negeri Pulau Pinang dan usaha-usaha dijalankan oleh Kerajaan bagi mengadakan rancangan menebusguna tanah dengan tujuan supaya apabila tanah ini ditebusguna ianya akan dapat dijual, dan ini akan mendatangkan satu hasil yang besar juga kepada Kerajaan pada masa yang akan datang.

Demikian juga usaha-usaha Kerajaan bagi memberikan lesen-lesen bagi mengorek juga menjual pasir dan batu. Dengan pembangunan yang ada di Negeri Pulau Pinang itu adalah salah satu sumber-sumber yang boleh menambahkan kewangan Negeri kita.

Kemudian salah satu perkara lagi yang saya suka menarik perhatian Dewan iaitu salah satu sumber yang boleh menambahkan kewangan ialah mengenai apa yang dicakapkan oleh rakan saya dari Bagan Ajam tadi iaitu kita dapati banyak permohonan bagi menukar syarat untuk memajukan tanah-tanah yang sepatutnya dimajukan oleh kerana di Negeri Pulau Pinang ini masih lagi banyak tanah-tanah yang boleh dimajukan. Kita dapati ramai pemohon-pemohon yang telah membuat permohonan bagi menukar syarat untuk membangunkan tanah-tanah tersebut. Sekiranya kita tidak mengambil masa yang panjang ataupun

tidak melengah-lengahkan bagi membuat sesuatu keputusan di dalam permohonan untuk mendapatkan kelulusan menukar syarat sudah tentu dalam *budget* kita pada tahun ini kita telah dapat menambahkan lagi hasil. Sepertimana yang telah dijangka dari segi sumber pendapatan kita ialah sebanyak \$107,140,000.00. Di kawasan Seberang Perai Selatan sahaja kalau tidak silap saya, ada lebih dari 40 permohonan untuk menukar syarat. Sekiranya pihak Kerajaan mengambil langkah tidak melengah-lengahkan ataupun melambatkan, sudah tentu kita boleh mendapat hasil daripada pertukaran syarat.

Sekiranya tanah ini dulu tanah pertanian kemudian kita menukar syarat kepada tanah perumahan, kalau dahulu dari kawasan getah satu ekar kita boleh mendapat \$6.00 satu ekar tetapi kalau sudah kita jadikan kawasan itu kawasan perumahan kita boleh mendapat sumber cukai di antara satu sen hingga tiga sen sekaki persegi. Kalau satu ekar tanah akan berjumlah 43,565 kaki, sudah berjumlah \$40,000.00 lebih satu ekar.

Saya minta perhatian Ahli Yang Berhormat rakan saya dari Bagan Dalam. Contoh yang saya tunjukkan itu ialah di kawasan Nibong Tebal. Boleh jadi di kawasan-kawasan lain umpamanya di kawasan Bukit Mertajam, kawasan Butterworth dan kawasan-kawasan yang lain termasuk Balik Pulau sudah tentu dalam anggaran (*budget*) kita hari ini tidak berkurangan bahkan *budget* yang berlebihan. Ini adalah satu perkara yang boleh kita anggapkan sebagai satu kecuaihan dalam usaha mencari atau menambahkan sumber-sumber kewangan.

Selain dari itu satu perkara yang saya suka menarik perhatian Dewan ialah berapa jumlah tanah T.O.L. ataupun Lesen Tumpangan Sementara yang masih belum ditukar syarat menjadi hakmilik tetap. Ini juga sebagai satu sumber yang boleh termasuk dalam cukai tanah. Sekiranya T.O.L. berapa, boleh kita mendapat lebih dari \$20.00 atau \$30.00. Di antara T.O.L. yang tidak dibayar langsung. Ini juga satu dari usaha-usaha yang perlu kita buat untuk memperkukuhkan kewangan Negeri oleh kerana kita sedar bahawa Negara kita sedang menghadapi zaman ekonomi meleset. Kedudukan ekonomi tidak begitu baik. Kita menghadapi masalah pada tahun 1986 yang mana mengikut pakar ekonomi tidak dapat dipulihkan dalam tahun 1986 ataupun 1987. Kalau keadaan ini berlaku ataupun berterusan sudah tentu dalam mesyuarat yang akan datang *budget* kita akan menunjukkan kekurangan yang lebih besar dan bila kita sedar akan masalah-masalah ini kita

perlu juga mencari satu jalan bagi mengatasinya. Apabila kita kurang pendapatan kita mesti mencari jalan mengurangkan perbelanjaan.

Rakan saya dari Bagan Jermal menyuruh kita *share* menggunakan kereta, jadi kalau di kawasan di mana kita boleh menumpang, kita tumpanglah, tapi kalau di kawasan Seberang Perai Selatan tidak ada. Kalau Kerajaan bagi satu kereta kita boleh kongsi 3 orang (ketawa). Kalau bagi Proton Saga pun cukup, kita boleh gunakan. Ahli-ahli Kawasan Sungai Acheh, Sungai Bakap dan Bukit Tambun boleh kongsi, jadi oleh sebab tidak diberi, itulah sebab perkara ini ditimbulkan (ketawa). Kita pinjam sahaja.

Y.B. Tuan Speaker, pada mulanya saya tidak bercadang hendak bercakap, tetapi saya tunggu rakan saya dari Pengkalan Kota. Bila saya mendapat *signal* rakan saya dari Bagan Jermal mengatakan bahawa rakan saya dari Pengkalan Kota ada di luar jadi saya pun teringin hendak bercakap.

Yang sebenarnya dalam perbahasan mengenai *budget* pada pagi ini nampaknya apa yang kita bincangkan bukanlah satu perkara yang baru. Perkara-perkara yang kita telah timbulkan di Dewan ini bukanlah perkara-perkara atau *idea* baru yang memberi satu sumber bagi memperbaiki keadaan kita, keadaan negeri dan keadaan rakyat. Apa yang berlaku dalam Dewan pada hari ini adalah perkara-perkara yang telah kita timbulkan semenjak masuk dalam Dewan ini. Misalnya perkara KOMTAR dan perkara Jambatan. Itulah perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Rakan saya tadi sudah bercakap dahulu bahawa pembangkang juga yang mencadang dan pernah membawa perkara ini ke dalam Dewan. Mereka berkata bahawa Kerajaan menipu rakyat, cakap sahaja hendak adakan jambatan, tapi sampai sekarang belum ada jambatan. Bila ada jambatan dia kata kita pula membazir wang. Inilah satu perkara yang patut kita sebagai Ahli-ahli Dewan pertimbangkan, kerana Dewan ini bukanlah tempat kita berceramah untuk memancing undi, mencari pengaruh dan sebagainya.

Begitu juga soal-soalan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh perasaan antara kaum. Kita harus sedar bahawa kita sebagai Ahli adalah merupakan pemimpin rakyat dan kita perlu memberi satu bimbingan kepada rakyat dan bukan kita menjadi jaguh untuk mengapi-apikan ataupun memberikan semangat kepada rakyat supaya dapat berpecah-belah, bergaduh di antara

satu sama lain dan isu-isu mengenai kaum dan bangsa tidak seharusnya kita timbulkan lagi sekarang.

Isu begitu juga timbul pada pagi tadi iaitu mengenai bahasa. Isu-isu ini telahpun lama kita selesaikan sejak kita mencapai kemerdekaan yang mana ada persetujuan di antara semua kaum yang tinggal dalam Negeri ini. Perkara ini sudah selesai dan tidak sepatutnya kita timbulkan lagi.

Dan kita tidak pula seharusnya menimbulkan soal pekerja Melayu lebih banyak, pekerja bukan Melayu kurang dan sebagainya. Kita sekarang adalah Malaysia. Apapun kakitangan yang bekerja itu adalah rakyat Malaysia dan kita tidak harus menimbulkan perkara begini kerana kenyataan-kenyataan yang kita buat boleh mengelirukan rakyat.

Saya suka hendak membawa sedikit contoh dari segi apa yang disebutkan tadi iaitu jawatan Pegawai Daerah semuanya dipegang oleh Bumiputra. Kita tidak boleh bangkitkan perkara-perkara yang sebegini kerana kalau kita lihat dari segi jabatan lain diisi oleh orang-orang yang bukan Bumiputra, kerana mereka adalah rakyat Malaysia. Kita tidak kira sama ada Bumiputra atau bukan Bumiputra asalkan rakyat Malaysia. Kita harus berbangga kerana negara kita ditadbir oleh rakyat Malaysia.

Kalau kita bawa contoh misalnya Pengarah J.P.T., Pengarah J.K.R., Pengarah Pertanian, Pengarah Perikanan, ini tidak seharusnya: bukan saya hendak timbulkan perkara ini tetapi tidak sepatutnya ditimbulkan soalan yang menyentuh kaum-kaum di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi sepatutnya, Tuan Speaker, ini sudah mengingatkan Ahli Kawasan Pengkalan Kota yang menyentuh soal di bidang kuasa J.P.A. dan sebagainya. Tapi mungkin Ahli itu mengerti tapi sahaja tidak mahu mengerti.

Jadi saya berharap dalam mesyuarat-mesyuarat Dewan yang akan datang perkara yang boleh menimbulkan isu yang tidak begitu baik yang boleh membawa perpecahan kepada masyarakat tidak seharusnya kita timbulkan di dalam Dewan ini. Kita sebagai rakyat dan sebagai pemimpin, ingin melihat Negara kita hidup dalam keadaan aman damai di mana semua rakyat boleh menjalankan kerja-kerja untuk memajukan diri sendiri dan perkara-perkara begitu tidaklah harus kita timbulkan.

Tuan Speaker, apa yang telah saya sentuhkan tadi ialah mengenai apakah usaha-usaha yang patut kita jalankan supaya Kerajaan dapat menambahkan kewangan bagi membaiki keadaan kewangan Negeri ini dan supaya kita tidak menghadapi keadaan yang lebih buruk. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga kepada semua kakitangan yang telah bekerja keras bagi menyediakan *budget* kita ini supaya dapat kita menguruskan Kerajaan Negeri ini dengan baik dan tidaklah sepertimana yang terdapat keadaan yang lebih buruk di antara negeri-negeri yang lain. Jadi atas usaha ini saya yakin yang kita bersungguh-sungguh bekerjasama dengan semua pihak. InsyaAllah mungkin kita akan dapat berjaya dan apa yang kita rasa akan dapat kita tambah bagi memperbaiki keadaan kita ini.

Jadi, Tuan Speaker, itu sahaja yang saya hendak cakapkan. Mungkin rakan saya dari Pengkalan Kota sedar dan tahu kita tidak boleh bangkitkan perkara-perkara yang begini. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang mengenai anggaran belanjawan bagi tahun 1986. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya bangun memohon izin untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi Tahun 1986" yang mana pada tahun 1986 ini mengikut perancangan Kerajaan Negeri akan membelanjakan wang sebanyak \$62,467,100.00 bagi perkhidmatannya. Setelah kita semak Risalah Bil. 8 Tahun 1985 dengan penuh teliti maka kita dapati satu belanjawan kekurangan bagi pihak Kerajaan Negeri atau terdapat defisit sebanyak \$8,334,360.00. Dengan cadangan perbelanjaan sebanyak \$62,467,100.00 bagi perkhidmatan Negeri dan bertambahnya perbelanjaan tanggungan sebanyak \$53,008,970.00 menjadikan jumlah perbelanjaan sebanyak \$115,476,070.00, adalah diramalkan hasil bagi tahun 1986 sejumlah \$107,141,070.00 seperti yang saya sebutkan tadi kekurangan sebanyak kira-kira \$8.3 juta.

Di bawah ramalan belanja defisit ini, seperti mana yang kita tahu pada tahun lalu \$4.5 juta telah meningkat kepada \$9.5 juta. Dengan perbelanjaan yang akan dikawal ketat oleh Kerajaan pada tahun ini yang telah sama-sama kita dengar dan sama-sama kita maklumkan perkara ini telah

dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bagi mendapatkan kuasa perbelanjaan, ini menunjukkan satu gambaran yang nyata betapa bersungguhsungguh dan gigihnya Kerajaan kita memberi satu belanjawan yang agak penting walaupun keadaannya kekurangan (*defisit*) bagi membereskan perjalanan perkhidmatan dan meninggalkan lagi prestasi pentadbiran Negeri ini untuk kepentingan rakyat yang di bawah naungannya.

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat supaya rakyat dapat hidup dengan penuh keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan, maka itulah Kerajaan sanggup membelanjakan wang, walaupun dalam keadaan kemelasetan ekonomi Negara dan dunia. Oleh yang demikian, saya rasa sudah sampai masanya terutama sekali kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang mendapat peruntukan supaya dapat menggunakan peruntukan-peruntukan yang diberi ini dengan cara yang lebih baik dan dengan penuh teliti supaya setiap sen yang dibelanjakan adalah mendatangkan munafaat dan faedah kepada rakyat di Negeri ini.

Perancangan-perancangan perlu disusun dan diatur supaya dapat memberi faedah dan kita harap perancangan ini akan dibuat lebih awal dari yang telah kita dapat saksikan di masa-masa yang lalu. Kadangkala bila akhir tahun barulah tergesa-gesa hendak membuat itu dan ini untuk menghabiskan peruntukan yang diberi kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Kita harap peristiwa yang semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Dalam ucapan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri beberapa rancangan seperti rancangan persidangan PATA dan juga Pesta Pulau Pinang telah ditimbulkan yang mana menjadi hasrat Kerajaan untuk memajukan industri pelancongan sebagai satu sektor ekonomi di mana dapat menambahkan lagi hasil pendapatan Negeri kita ini. Adalah diharapkan wang yang diperuntukkan sebanyak \$2 juta itu akan dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya supaya dapat menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong ke Negeri kita ini yang terkenal dengan nama "Pulau Mutiara".

Tuan Speaker, sepertimana juga yang disarankan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan ini maka terdapat keadaan sekitar Negeri Pulau Pinang ini terutama sekali di kawasan bandar bolehlah dikatakan sedang diperbaiki keadaannya dengan yang lebih menarik tetapi malangnya kita dapati kawasan-kawasan di luar bandar terutama sekali di kawasan Telok Bahang yang terkenal sebagai

kawasan pelancongan masih ketinggalan dan terbiar. Kalau kita berjalan selepas dari kawasan Batu Feringghi, kita dapati kawasan-kawasan di sekitar jalanraya ini tidak dijaga dengan begitu baik, penuh dengan semak samun, pantai tidak terkawal, jalan-jalan berlopak dan berlubang dan parit-parit bahu jalan tidak dijaga dengan baik, pada hal kita tahu kawasan ini adalah kawasan pelancongan terutama sekali di kawasan Rimba Rekreasi di Telok Bahang.

Pada masa cuti ini dan juga pada masa cuti am, pada hari minggu, kita dapati kadangkala kalau kita lalu di situ kita tidak dapat melintas kerana banyak bas dan kereta yang telah diletakkan tanpa satu peraturan atau sistem yang tertentu, lebih-lebih lagi jalan itu kecil dan kadangkala berlaku pertengkaran yang tidak dapat dielakkan di antara pemandu-pemandu kereta yang lalu di kawasan itu dan ini mungkin boleh mengakibatkan sesuatu perkara yang tidak diinginkan berlaku. Jadi untuk menarik para pelancong saya rasa perlulah kawasan-kawasan yang sedemikian ini diambil perhatian yang serious oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Speaker, dalam soal pendapatan, sepertimana yang kita sebutkan tadi, hasil pendapatan kita adalah amat kurang kalau kita bandingkan dengan perbelanjaannya. Jadi dengan hal yang demikian sepertimana yang kita maklum bahawa anggaran pendapatan bagi tahun 1986 hanya sebanyak \$107,141,710.00, manakala perbelanjaan yang kita perlukan ialah sebanyak lebih dari itu iaitu sebanyak seperti yang saya sebutkan tadi iaitu \$115,476,070.00. Jadi masalah hasil dalam Negeri kita ini fahamlah kita pendapatan sedikit dan perbelanjaannya lebih sepertimana yang disarankan oleh saudara saya dari Kawasan Sungai Acheh tadi. Dengan kekurangan yang sedemikian ini perlulah kita mencari ikhtiar kerana sebagaimana yang telah kita sama-sama maklum bahawa unsur yang terbesar ialah dari cukai tanah yang mana kita anggarkan hasil pada tahun yang lalu ialah sebanyak \$21,500,000.00 tetapi Kerajaan dapat memperolehi sebanyak \$23.5 juta dari anggaran \$21 juta itu.

Jadi dengan hal yang demikian kita haruslah terutama sekali menyeru pihak tuan-tuanpunya hakmilik tanah yang tunggakannya begitu banyak dan perlulah kita memikirkan bagaimana caranya supaya mereka itu dapat menyelesaikan masalah ini. Kita juga harus mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Tanah atau Jabatan Cukai Bahagian Pungutan Hasil Tanah yang telah dapat

memungut wang sedikit sebanyak bagi membantu perbelanjaan Negeri kita ini. Jadi mengikut apa yang kita fahamkan seperti yang disarankan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembentangan belanjawan ini, orang-orang ini hendaklah menjelaskan, kalau tidak perlulah kita mengambil satu tindakan undang-undang mengikut Akta Kanun Tanah Negara. Mereka hendaklah membayar tunggakan itu supaya dapat wang itu dikumpul kembali oleh Kerajaan untuk perbelanjaan pembangunan dan kemajuan bagi Negeri Pulau Pinang khususnya dalam perkhidmatan yang perlu bagi kebaikan perjalanannya kerana cukai tanah adalah merupakan satu cukai utama Negeri ini selain dari cukai-cukai yang bukan tanah dari hasil tanah supaya tuan-tuan-punya milik ini dapatlah memberi kerjasama terhadap perbelanjaan Negeri kita yang kekurangan ini.

Tuan Speaker, berhubung dengan bekalan B.1 iaitu 2900 Aktiviti II di mana satu peruntukan sebanyak \$2 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi satu program baru iaitu program latihan pekerja-pekerja di bawah pengawasan pasukan Petugas Khas yang di bawah pengelolaan Biro Pekerjaan, Jabatan Buruh, kita berharap wang \$2 juta ini dapat dirancang dengan teliti supaya mendapat faedah khasnya sebagaimana rakan-rakan saya serukan tadi bahawa terdapat banyak penganggur di Negeri dan di Negara kita ini terutama pekerja-pekerja kilang yang telah dibuat oleh pihak kilang. Mereka hendaklah diberi perhatian yang *serious* dan diberi latihan-latihan kemahiran supaya mereka dapat dijamin satu pekerjaan bagi kehidupan mereka pada masa yang akan datang. Kita tidak mahu lagi seperti pada masa yang lalu di mana banyak perancangan yang kita buat hanya tinggal perancangan dan gagal bagi memberi pekerjaan kepada penganggur-penganggur di Negeri kita ini. Dengan adanya peruntukan ini kita yakin dan percaya bukan sahaja penganggur-penganggur tetapi juga kakitangan kita boleh diberi perkhidmatan sivik supaya mereka dapat memahami betul-betul tanggungjawab mereka sebagai seorang pekerja di dalam Kerajaan juga.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, adakah ucapan anda panjang?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Haji Ahmad):

Ya, panjang lagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.40 petang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Haji Ahmad):

Tuan Speaker, merujuk kepada sambungan ucapan saya tadi, iaitu berhubung dengan Persidangan PATA dan juga Pesta Pulau Pinang, satu kawasan lagi yang perlu kita indahkan ialah di kawasan Titi Kerawang kerana kawasan ini juga adalah kawasan yang difikirkan strategik. Tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini bukanlah masalah itu sahaja, tetapi pada persidangan yang lalu juga saya telah bangkitkan bahawa kawasan itu perlu dikawal, terutama oleh P.B.A. Saya telah diberi jawapan akan dibuat pagar yang begitu rapi. Malangnya dalam sebulan yang lalu kawasan itu telahpun dimasuki oleh satu rombongan yang dibawa oleh seorang guru berbangsa Amerika. Malangnya seorang budak telah jatuh dan ketika hendak menolong budak itu, dia sendiri telah meninggal dunia. Jadi ini satu masalah. Sudah beberapa kali masalah kematian berlaku di kawasan ini dengan rapi supaya tidak berlaku lagi.

Saya juga telah diberi tahu mereka akan mengadakan notis-notis. Saya rasa tidaklah menjadi kesalahan selain dari mengadakan satu kenyataan dalam bahasa Malaysia, boleh juga diperseetujui mengadakan kenyataan dalam bahasa Inggeris oleh sebab kawasan itu bukan sahaja dilancong oleh orang-orang tempatan tetapi juga oleh orang-orang dari luar negeri yang mungkin tidak memahami bahasa Malaysia. Kawasan ini kawasan larangan. Kalau dicatat kenyataan dalam bahasa Inggeris di situ tidaklah saya rasa menjadi kesalahan supaya ini dapat mengelakkan dari berlakunya peristiwa-peristiwa yang tidak kita ingini.

Dalam Kepala 4, iaitu peruntukan kepada Jabatan Parit dan Taliair yang telah kita beri sebanyak \$6,431,400.00 dan bertambah sebanyak kira-kira \$49,600.00 khas bagi penyelenggaraan parit dan taliair yangmana terdapat, terutama sekali termasuklah sepertimana yang telah dibentangkan, iaitu untuk memperbaiki sungai dan juga *conservancy* dan juga *hydrology*. Jadi adalah menjadi harapan kita kerana akhir-akhir ini kita dapati banyak juga telah disarankan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan ini bahawa bilamana hujan turun dalam masa yang singkat sahaja kawasan kita dibanjiri oleh air yang begitu banyak, terutama di jalan-jalan raya di mana banjir ini akan mendatangkan satu kesulitan khasnya kepada pengguna-pengguna jalanraya dan juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kita yang hendak

pergi kerja, kadang-kadang terpaksa tersangkut ataupun terbengkalai di tengah jalan, tidak dapat meneruskan ke tempat mereka bekerja.

Jadi banjir ini berlaku terutama sekali, sepertimana yang selalu kita dengar daripada media-media kita, di kawasan bandaraya kita, seperti di Jalan P. Ramlee (atau pada dulunya Caunter Hall) dan masih berlaku di Jalan Mesjid Negeri yangmana pada masa dulu jarang berlaku banjir. Begitu juga di Jalan Sungai Burong, Balik Pulau, Jalan Pulau Betong dan lain-lain lagi yang terdapat berlakunya banjir yang begitu kita rasa tidak patut berlaku. Jadi apa yang mendukacitakan kita adalah dari kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi tidak dihiraukan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Adalah kita yakin dan percaya kalau kawasan ini diambil berat oleh pihak-pihak yang berkenaan maka perkara ini tidak akan berlaku. Pertama sekali pada masa berlakunya hujan ribut tidak dihiraukan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Adalah kita yakin dan percaya kalau kawasan ini diambil berat oleh pihak-pihak yang berkenaan maka perkara ini tidak akan berlaku. Pertama sekali pada masa berlakunya hujan ribut tidak pernah kita lihat pegawai-pegawai kita, terutama pegawai-pegawai penguatkuasa, berjalan melihat kawasan-kawasan ini. Sehingga hari ini kalau tuan-tuan, puan-puan atau kalau Ahli-ahli Dewan berjalan ke Telok Bahang masih terdapat tanah runtuh di tepi jalan. Begitu juga parit-parit yang tidak dikawal dengan rapi. Jadi dengan sebab itu saya berharap dengan peruntukan yang lebih itu pihak Jabatan Parit dan Taliair bersama-sama dengan jabatan yang lain dapat memberi perkhidmatan yang lebih teliti.

Jadi apa yang mendukacitakan kita seperti yang saya sebutkan tadi, serangan-serangan banjir yang sering berlaku itu bilamana hujan turun beberapa jam sahaja nampaknya tidak diambil berat atau tidak diambil langkah-langkah yang tegas bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Hanya yang mereka atasi ialah memindah orang-orang yang terlibat sahaja. Jadi kita patut memikirkan, sama ada buat jangka panjang ataupun pendek bolehlah kita jalankan supaya masalah-masalah ini dapat diatasi. Sepertimana kita juga telah difahamkan kadangkala ada pegawai-pegawai, umpamanya baru-baru ini berlaku di Telok Bahang di mana suatu kawasan tanah wakaf rendah telah dirancang untuk dibina pasar dan tanah telah dilonggokkan dan telah diratakan. Apabila hujan

sedikit kawasan itu dinaiki banjir sehingga dua kaki ke dalam rumah-rumah orang-orang yang tinggal di kawasan itu.

Jadi itu satu perkara yang saya rasa agak kurang cekap untuk menjalankan usaha-usaha kemajuan untuk orangramai kerana perancangan itu dibuat tanpa memikirkan akibat-akibatnya. Jabatan Parit dan Taliair akan melihat bagaimana saluran air itu dapat dialirkan ke sungai yang lebih besar semoga peristiwa-peristiwa seperti ini tidak akan berulang lagi.

Bagi mengatasi masalah-masalah seperti yang saya sebutkan tadi adalah diharapkan pihak-pihak yang berkenaan terutama sekali Jabatan Parit dan Taliair yang telah diberi peruntukan lebih itu, juga Kerajaan Tempatan dan seterusnya J.K.R. dan lain-lain jabatan yang ada hubungan, haruslah mengambil langkah-langkah segera bagi mengelakkan berlakunya banjir yang seiring melanda di sesuatu kawasan atau tempat-tempat yang kita fikirkan amat penting sekali untuk keselamatan pengguna-pengguna di kawasan tersebut. Umpamanya menjalankan kajian-kajian yang teliti supaya infrastruktur pamaritan itu dapat diperluaskan, sungai-sungai yang sempit atau sungai-sungai yang cetek harus diperdalamkan dan longkang-longkang yang sempit harus kita perluaskan. Ini perlu sekali kalau kita hendak mengelakkan berlakunya banjir. Saya bukanlah orang yang teknikal, tetapi di atas pengalaman yang dapat kita lihat peristiwa-peristiwa yang berlaku perlulah rasanya diambil perhatian seperti kata pepatah orang-orang tua, kalau kita banyak membaca banyaklah kita mendapat pengetahuan, kalau banyak kita berjalan maka banyaklah pandangan, tapi kalau kita lama hidup maka banyak pengalaman. Jadi pengalaman-pengalaman yang kita lihat berlaku ini perlulah juga diambilkira oleh pihak-pihak teknikal kita semoga tidak akan berlaku peristiwa-peristiwa yang saya sebutkan tadi. Kita haruslah mengkaji, terutama sebab-sebab berlakunya peristiwa seperti yang saya sebutkan tadi, semoga banjir di kawasan kita itu dapat kita elakkan.

Menyentuh peruntukan yang diberi kepada Jabatan Kerjaraya yangmana telah diperuntukkan sebanyak \$16,198,600.00 dengan pertambahan sebanyak \$1,130,700.00 dan jika dibandingkan dari tahun 1985 terdapat lagi peruntukan tambahan di bawah Kod 2700 di mana sebanyak \$141,000.00 dan Kod 2800 sebanyak \$226,000.00. Jadi dengan adanya peruntukan ini kita harap tidaklah lagi timbul sunggutan-sunggutan daripada orangramai dan juga Ahli-ahli Dewan

ini yang telah berkali-kali, setiap kali Dewan ini bersidang, membangkitkan soal jalan-jalanraya di seluruh Negeri Pulau Pinang berlopak-lopak atau berlubang-lubang. Kalau kita tambun atau kalau kita curahkan dengan tarpun masih tetap berlopak-lopak yangmana kadangkala kalau kita bawa kereta di musim hujan, bila ada orang-orang berjalan di tepi jalan itu airnya akan merecek kepada orang-orang yang berjalan itu. Jadi saya rasa mereka itu akan memaki hamun, sungguhpun kita tidak dengar tetapi dalam hatinya memang berkata begitu.

Jadi ini semua haruslah diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan. Bukan itu sahaja. Sebagaimana soalan saya Jalan Pondok Upeh amat buruk sekali. Dengan adanya Sekolah Rendah Sains Mara pada masa ini perlulah jalan ini diperbaiki. Bukan sahaja pihak Menteri-menteri, Timbalan Menteri dan wakil-wakil rakyat di seluruh Negara kita yang menghadiri, melawat dan melihat anak-anak mereka tetapi juga di majlis-majlis yang lain yang dihadiri oleh wakil rakyat di seluruh Negara kita ini.

Seperti di bulan yang lalu satu majlis jamuan dibuat oleh pihak sekolah itu dan pihak ibu-bapa dijemput. Mereka telahpun mengatakan dan bersungut kepada saya mengenai jalan yang amat buruk sekali ini. Saya rasa malu sebagai wakil rakyat di kawasan itu. Jadi saya berharaplah kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya jalan ini diperbaiki dengan segera dengan adanya peruntukan tambahan ini.

Begitu juga di Jalan Pulau Betong kita dapati pada masa ini penuh dengan lopak-lopak disebabkan dilanda oleh banjir. Semua ini haruslah pihak-pihak yang berkenaan membuat lawatan yang kerap ke kawasan-kawasan tersebut supaya dapat melihat sendiri kejadian-kejadian sepertimana yang saya sebutkan itu.

Tuan Speaker, oleh sebab kita dapati rakan saya dari Pengkalan Kota ada di sini juga, maka sukalah saya menyentuh sedikit ucapan beliau pada pagi tadi. Saya sungguh berasa sedih dan kesal sekali kerana beliau tanpa periksa telah membuat beberapa tuduhan yang tidak perlu dan tidak patut dibangkitkan di dalam Dewan ini kerana pada masa ini kita adalah rakyat Malaysia yang sama dan kita mempunyai cita-cita yang sama. Kita bertujuan hendak memupuk perpaduan rakyat di Negara ini supaya bersatu dan mempunyai kepentingan yang sama.

Dalam soal perlantikan pegawai-pegawai umpamanya, beliau telah membangkitkan soal perlantikan yang telah dibuat dalam perkhidmatan awam Pulau Pinang yang ditetapkan oleh Perlembagaan, iaitu Perlembagaan Malaysia yang ada ini. Saya harap bacalah Perlembagaan ini semoga dapatlah memahaminya. Aktanya ialah Akta 10, dari 132 hingga 148, baca dan fahamlah undang-undang ini. Bila kita sudah faham undang-undang dalam Perlembagaan ini mungkin kita tidak akan membangkitkan masalah yang saya sebutkan itu.

Urusan perlantikan itu adalah urusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu satu-satunya badan bebas yang tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak pun. Oleh sebab itu janganlah kita mempengaruhi pihak-pihak yang tertentu. Oleh sebab itu hal perlantikan pegawai-pegawai awam ini, khasnya pegawai-pegawai awam Negeri Pulau Pinang adalah di luar bidangkuasa Kerajaan, kalau mengikut Perlembagaan yang ada di hadapan saya ini.

Tuan Speaker, begitulah juga dengan masalah kenaikan pangkat pegawai-pegawai dari Kumpulan A dalam Perkhidmatan Awam Negeri juga adalah di bawah kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau S.P.A. Jadi oleh hal yang demikian patutlah kita sama-sama memainkan peranan bagi memupuk perasaan muhibbah. Selanjutnya penempatan pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat dalam jawatan-jawatan di Pulau Pinang adalah tertakluk juga oleh peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang tersebut. Dengan itu Kerajaan Negeri, saya yakin dan percaya, tidak boleh mencampuri urusan kenaikan pangkat dan juga penempatan pegawai-pegawai yang tersebut.

Bagi kenaikan pangkat jawatan rendah seperti jawatan perkeranian, urusan kenaikan pangkat mereka adalah juga dilaksanakan melalui satu Lembaga Kenaikan Pangkat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh mana-mana *precedure* bagi sesebuah negeri itu. Jadi pemilihan pegawai-pegawai yang berjaya adalah berasaskan kepada faktor-faktor *merit* dan juga kesesuaian mereka sebagai seorang kakitangan Kerajaan. Jadi kelayakan yang ditentukan ataupun yang ditetapkan itu adalah terletak kepada Suruhanjaya tadi. Mana-mana pegawai yang tidak berpuashati dengan keputusan kenaikan pangkat mereka, kalau mengikut Perlembagaan, berhak untuk mengemukakan satu rayuan kepada Lembaga Rayuan yang ditubuhkan oleh pihak Kera-

jaan. Oleh yang demikian soal tidak adil, soal pilih kasih dan juga pertimbangan "subjective" sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Kawasan Pengkalan Kota itu harap dapat difahami dengan sedalamnya dan saya nafikan sama sekali perkara ini adalah perkara sepertimana yang saya sebutkan berlaku tadi.

Juga saya difahamkan dalam keadaan pentadbiran kita ini kalau kita hendak mengkaji kedudukan pekerja-pekerja dan kedudukan pegawai-pegawai awam kita dalam pentadbiran Negeri keseluruhannya, saya telahpun mendapat maklumat dan adalah difahamkan dari bisikan-bisikan dan juga dari bacaan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan, Pihak Berkuasa Air dan juga pihak M.P.P.P. atau M.P.S.P., maka saya dapati keadaan yang sebenarnya ialah dalam Kumpulan A orang Melayu adalah seramai 140 orang dan bukan Melayu 136 orang, bukanlah sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Pengkalan Kota itu. Jadi dari angka-angka tersebut di atas ini, termasuk empat lagi Agensi Kerajaan yang tertakluk di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, iaitu M.P.P.P., M.P.S.P., P.B.A., dan P.D.C. di mana kita dapati bahawa dalam agensi-agensi yang saya sebutkan tadi, ada 45 orang Melayu berbanding dengan 116 orang pegawai-pegawai yang bukan Melayu. Ini membuktikan bahawa tidak ada pilih kasih dalam pemilihan pegawai-pegawai.

Dengan perangkaan yang saya sebutkan tadi, maka saya berharap Y.B. dari Pengkalan Kota dapat memahami akan hasrat kita. Sepatutnya wakil dari Pengkalan Kota memberi ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita yang telah memberi perkhidmatan yang begitu baik. Saya tidak faham apakah maksud yang telah disarankan oleh wakil dari Pengkalan Kota pagi tadi. Adakah maksudnya kalau pegawai Melayu hanya untuk menolong orang-orang Melayu sahaja? Adakah pegawai Cina untuk menolong orang-orang Cina sahaja? Atau adakah pegawai India untuk menolong orang-orang India sahaja? Jadi inilah yang tidak kita kehendaki. Kita berkehendakkan supaya setiap pegawai kita tanpa mengira bangsa dan keturunan, kepercayaan ugama dan kebudayaan, memberi perkhidmatan yang baik untuk kepentingan rakyat Negeri kita ini. Saya berharap wakil dari Pengkalan Kota itu memahami hasrat, terutama hasrat Y.A.B. Perdana Menteri kita, Y.A.B. Ketua Menteri kita dan wakil-wakil rakyat kita dan juga rakyat di Negeri kita ini, semoga kita memainkan peranan yang penting.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan saya

akan sambung lagi ucapan saya dalam masa perbahasan pembangunan nanti apa yang tidak dapat saya sampaikan pada petang ini, kerana saya diminta hentikan ucapan saya kalau boleh jam 5.00 petang. Jadi dengan sebab itu saya mengambil peluang akhirnya sebagai seorang penyokong Kerajaan dan menyokong dengan kuat dan dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk kepentingan rakyat Negeri Pulau Pinang keseluruhannya.

Saya juga lagi sekali mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan juga kepada pegawai-pegawai yang telah menyediakan belanjawan ini termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memberi perkhidmatan tanpa mengira keturunan dan juga kepercayaan ugama. Semoga kita akan dilindungi Allah dan akan selalu dalam keadaan selamat dan Kerajaan Pulau Pinang akan terus berjaya dan maju dalam mengendalikan pentadbiran Negeri Pulau Pinang untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (1986), 1985, yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tuan Speaker, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan mengenai perkhidmatan penyelenggaraan yang dijalankan oleh Bahagian Perumahan di rancangan-rancangan perumahan Kerajaan.

Tuan Speaker, di dalam pentadbiran dan penyelenggaraan rancangan-rancangan perumahan kos rendah Kerajaan, Bahagian Perumahan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan telah cuba mengikut arahan Y.A.B. Ketua Menteri supaya berkhidmat dengan lebih cekap serta mengawal perbelanjaan dengan lebih ketat. Dalam usaha itu Kerajaan Negeri telah mengemaskan struktur dan sistem pentadbiran Bahagian Perumahan dan menyediakan satu *manual procedure* untuk kegunaan kakitangannya. Dengan kegunaan *manual procedure* ini Kerajaan berharap bahawa sistem pentadbiran boleh diperbaiki lagi.

Bahagian Perumahan juga sedang mengkaji sistem penyelenggaraan dalam rancangan-rancangan perumahan di bawah jagaannya. Pengurus-pengurus kompleks telah diingatkan dan diarahkan semula supaya memeriksa keadaan rancangan

perumahan di bawah jagaan mereka dan mengambil tindakan serta-merta jikalau ada apa-apa juga kerosakan.

Satu sistem laporan juga telah dijalankan di mana kakitangan pengurusan diarah melaporkan perkara-perkara pentadbiran dan penyelenggaraan kepada Ibu Pejabat Bahagian Perumahan untuk perhatian dan tindakan pegawai-pegawai Bahagian Perumahan.

Langkah keempat yang telah diambil untuk memperbaiki sistem pentadbiran dan penyelenggaraan ialah perancangan pembangunan kecil untuk setiap rancangan perumahan kos rendah Kerajaan. Pegawai Bahagian Perumahan sedang menyediakan senarai projek-projek pembangunan kecil untuk setiap rancangan perumahan kos rendah Kerajaan. Pegawai Bahagian Perumahan sedang menyediakan senarai projek-projek pembangunan kecil untuk tiap-tiap rancangan perumahan. Apabila siap senarai itu akan dibincang dengan wakil-wakil penduduk dan selepas itu dikenalpasti untuk perlaksanaan apabila ada peruntukan wang yang mencukupi.

Bahagian Perumahan juga telah menyediakan satu buku panduan untuk penduduk-penduduk perumahan kos rendah Kerajaan dan buku ini mengandungi nasihat kepada penduduk-penduduk di situ untuk bekerjasama dengan Kerajaan supaya keadaan estet-estet perumahan Kerajaan boleh dibaiki dan boleh menjadi bersih dan indah. Buku panduan ini adalah hasil daripada Jawatankuasa Kecil Kegunaan Ruang Rumah Pangsa di bawah kepimpinan Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal dan Jawatankuasa Kecil untuk pelajaran penduduk-penduduk di bawah kepimpinan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tengah. Kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan ahli-ahli Jawatankuasa mereka, saya ucapkan terima kasih atas usaha mereka.

Kerajaan Negeri juga sedang mengambil tindakan untuk melantik Jawatankuasa Pengurusan bagi penduduk-penduduk dan melatih ahli-ahlinya supaya mereka mahir dalam pengurusan rancangan perumahan mereka. Ini ialah penyediaan Kerajaan untuk masa yang akan datang yang mana penduduk-penduduk rancangan perumahan Kerajaan akan mengambil alih pengurusan rancangan perumahan masing-masing mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negara dan Akta Hakmilik Strata yang sudah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Persatuan penduduk-penduduk yang sedia ada akan digalakkan lagi untuk mengembangkan aktiviti mereka supaya memperbaiki suasana *physical* dan rohani dalam rancangan perumahan mereka supaya mendapatkan kerjasama penduduk-penduduk. Kerajaan Negeri pun telah melancarkan beberapa rancangan sosial termasuk gotong-royong yang dianjurkan di bawah Kempen Kebersihan Negeri dan juga Majlis-majlis Kejiranan yang dianjurkan di bawah Kempen Kejiranan Negara.

Majlis-majlis Kejiranan ini telah diaturkan oleh satu Jawatankuasa Kecil rancangan sosial kita di bawah kepimpinan Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Telok Bahang. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ini dan juga Ahli-ahli jawatankuasa.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Machang Bubok telah menyentuh mengenai perkara tunggakan dan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri patut mengambil berat atas perkara ini. Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan Negeri telah menghantar notis kepada penduduk-penduduk yang bertunggakan akan tetapi sebahagian besar si pehutang tidak menjelaskan tunggakan mereka.

Dalam bulan Mei 1985 Kerajaan Negeri telah melancarkan satu tindakan khas dengan penubuhan Pasukan Petugas kutipan tunggakan perumahan Kerajaan dan keputusan untuk menjalankan satu pergerakan pentadbiran untuk mengutip tunggakan secara tegas. Dalam tindakan ini notis dihantar kepada si pehutang dengan amaran pemotongan bekalan air dan letrik. Jikalau mereka tidak membuat bayaran tunggakan mereka atau tidak datang berjumpa dengan pegawai yang ditugaskan, bekalan air dan letrik mereka terus dipotong. Sekiranya mereka tidak lagi mengaturkan pembayaran mereka, tindakan Mahkamah akan dijalankan untuk menarik balik rumah-rumah mereka.

Sehingga hari ini Kerajaan Negeri telahpun menjalankan tiga peringkat tindakan iaitu pada 1 haribulan Jun di mana 78 orang diminta membayar tunggakan mereka; 1 haribulan Ogos yang melibatkan 226 orang; dan pada 15 haribulan Oktober yang melibatkan 4,390 orang. Dengan tindakan ini Kerajaan Negeri berharap bahawa tunggakan yang dihutang boleh dikutipkan.

Tuan Speaker, mengenai perkara-perkara lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan meminta Bahagian Perumahan meng-

hantar jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang telah dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Dengan membawa Rang Undang-undang ini, Y.A.B. Ketua Menteri telah dengan terang menyatakan bahawa \$2.1 juta masih belum diselesaikan disebabkan tunggakan cukai tanah pada tahun ini. Apabila angka ini dibandingkan dengan tunggakan pada akhir tahun 1984, ini jelas menunjukkan bahawa tindakan yang diambil oleh pentadbiran tanah termasuk rampasan cukai tanah yang belum dibayar telah mendapat hasil yang baik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota enggan menerima hakikat ini dan masih menekan mengenai tunggakan tahun 1984 yang sudah tidak boleh dipakai lagi. Pembangkang yang sihat seharusnya memberi kritik yang membina dan menghargai jasa-jasa baik Kerajaan tetapi tidak mungkin kita mendapat penghargaan sedemikian daripada pembangkang yang tidak bertanggungjawab seperti Parti DAP.

Tuan Speaker, Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota juga telah membawa perkara tanah T.O.L. yang telah diberi kepada M.S.M. Perai. T.O.L. yang diluluskan ialah untuk kegunaan sebagai jeti dan dikenakan bayaran sebanyak \$1,000.00 setahun. Ini adalah bayaran maksima yang boleh dikutip mengikut peraturan-peraturan tanah. Walau bagaimanapun, mulai tahun 1983, pindaan telah dibuat kepada peraturan-peraturan tanah Negeri dan jumlah bayaran yang akan dikutip adalah mengikut Peraturan Tanah (Pindaan) yang baru.

Tuan Speaker, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membawa perkara kenaikan cukai tanah. Semua negeri di Semenanjung Malaysia telah menaikkan cukai tanah semenjak 1 Januari, 1984. Sebaliknya Negeri Pulau Pinang telah menanggukkan kenaikan ini selama setahun dan hanya pada tahun ini kita mula mengutip tambahan cukai tanah. Apabila kita membandingkan penambahan ini dengan penambahan di negeri-negeri yang lain, penambahan di Negeri Pulau Pinang bukanlah yang tertinggi sekali. Penambahan di beberapa buah negeri adalah lebih tinggi daripada penambahan yang diadakan oleh Negeri Pulau Pinang.

Memandangkan hakikat bahawa tahun 1986 adalah dianggap sebagai satu tahun di mana keadaan kewangannya tidak begitu baik, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk memberi *remission* sebanyak 10% di atas cukai tanah bagi tahun 1986. Di sini kita lagi sekali merupakan satu-satunya negeri yang telah memberi "*general remission*" dan adalah diharapkan bahawa ini akan diterima oleh rakyat dengan hati yang baik.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok telah menuduh bahawa pentadbiran tanah telah tidak mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengutip tunggakan cukai tanah. Walaupun pihak Kanun Tanah Negara tidak ada seksi-seksi yang memerlukan pemberian notis-notis amaran kepada pihak yang berhutang, Pentadbiran Tanah telah mengeluarkan notis-notis amaran. Apabila notis-notis amaran ini tidak mendatangkan sebarang hasil, Pentadbiran Tanah telah mengambil keputusan yang muktamad iaitu untuk merampas tanah kepunyaan pihak yang berhutang itu. Tindakan-tindakan positif ini nampaknya mendatangkan hasil oleh sebab tunggakan cukai tanah sekarang ini telah banyak berkurangan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai pentadbiran tanah atas inisiatif mereka untuk memungut tunggakan ini.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli dari Machang Bubok juga telah membawa satu cadangan iaitu bil cukai tanah dihantar kepada tuan-tuan tanah. Di sini saya ingin nyatakan bahawa mulai tahun ini Bahagian Komputer Pejabat Pengarah Tanah dan Galian melalui langkah-langkah pentadbiran telah menghantar surat-surat berupa bil-bil cukai tanah kepada tuan-tuan tanah. Tindakan ini telah mendapat sambutan yang baik daripada orangramai dan ianya akan diterus dan diperkemaskan lagi dari masa ke semasa.

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan belanjawan yang telah dibentangkan. Di samping itu ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dalam soal-soal peruntukan terutama sekali dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang. Dalam jawapan saya kelmarin telahpun saya jelaskan iaitu yang pertama mengenai kedudukan sekolah-sekolah ugama rakyat yang terdapat di dalam Negeri Pulau Pinang ini di mana telah dipersoalkan sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil alih sekolah-sekolah ugama yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang ini yang berjumlah tidak kurang dari 42 buah dan 6 buah sekolah-sekolah menengah yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

Jadi soal mengambil alih ini tentulah akan mengambil masa yang panjang. Beberapa peneitiian dan beberapa perkara yang harus diperbincangkan dari masa ke semasa kerana terdapat banyak sekolah-sekolah ugama rakyat di Negeri Pulau Pinang ini. Sedangkan Kerajaan Pusat atau Kementerian Pelajaran sendiri yang mengambil alih sekolah ugama menengah di Negeri Pulau Pinang ini sebanyak 3 buah iaitu Al-Irsyad, Al-Mashoor dan juga Al-Mashoor (Perempuan) telah mengambil masa lebih kurang 5 tahun untuk mengambil alih sekolah-sekolah ugama rakyat ini.

Jadi memandangkan hal ini, Kerajaan Negeri tidaklah bercadang untuk mengambilalih. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun bercadang untuk memberi saguhati ataupun elaun ataupun dengan lebih jelas lagi gaji kepada guru-guru ugama sekolah rakyat ini pada tahun hadapan.

Mengenai saguhati kepada pegawai-pegawai masjid, Kerajaan Negeri telahpun menyumbangkan sebanyak tidak kurang dari \$100,000.00 setahun. Hal ini sentiasa dalam perhatian Kerajaan dan akan ditambah dari setahun ke setahun mengikut keadaan ekonomi negara kita ini.

Menyentuh tentang apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Semang mengenai Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, pada hari ini memanglah Jabatan Ugama Islam sentiasa membuat rancangan-rancangan untuk memperbaiki taraf pentadbiran pelajaran jabatan itu untuk faedah umat Islam khususnya di Negeri Pulau Pinang ini. Dalam keadaan sekarang ini, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam tidaklah ketinggalan mempertingkatkan kakitangannya dengan cara-cara pentadbiran yang moden dan kemaskini dengan menghantar mereka berkursus dari masa ke semasa.

Dalam soal mengadakan seorang Yang diPertua Majlis Ugama dan seorang Yang diPertua Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, maka perkara ini sedang dibuat kajian di dalam pindaan undang-undang 1959. Bukan sahaja setakat itu, bahkan juga sedang dikaji dari segi hukum-hukum dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah yang patut dikemaskinikan di dalam hal pentadbiran Ugama Islam Negeri ini.

Kerajaan memang sedar bahawasanya Yang diPertua ataupun Pengerusi Majlis Ugama Islam itu hendaklah terdiri daripada seorang pegawai yang lain selain daripada Yang diPertua Jabatan itu sendiri memandangkan di atas bebanan yang telah dipikulkan kepada jabatan dan juga kepada Majlis Ugama Islam Negeri. Sepertimana Dewan ini sama-sama maklum iaitu pada persidangan Dewan yang lalu, kita telah meluluskan satu Enakmen iaitu memberi kuasa kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam untuk menubuhkan syarikat-syarikat atau menubuhkan anak-anak syarikat, mengadakan *joint-venture* dan membuat pinjaman dari institusi-institusi ataupun bank untuk membangunkan ekonomi orang-orang Islam. Jadi memandangkan hakikat ini, maka wajar dan perlu sangatlah supaya Majlis Ugama Islam ini mempunyai seorang Yang diPertua yang berasingan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam.

Dengan ini, Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu mengenai belanjawan bagi tahun 1986.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah membangkitkan isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan jalanraya, banjir, Pesta Pulau Pinang dan sebagainya. Saya suka menyakinkan Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri akan mengambil ingatan dan perhatian berat mengenai perkara yang dibangkitkan sebelum apa-apa tindakan yang sesuai diambil.

Satu masalah yang telah kerap kali dibangkitkan adalah berkenaan banjir. Pihak Kerajaan sedar akan kesulitan-kesulitan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dan orangramai yang terlibat disebabkan oleh banjir yang berlaku baru-baru ini.

Kerajaan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak \$1 juta untuk projek-projek yang telah dikenalpasti oleh J.P.T. untuk mencegah banjir bagi keseluruhan Negeri Pulau Pinang ini. Kebanyakan projek-projek ini adalah merupakan langkah-langkah jangka pendek seperti mendalam dan melebarkan parit-parit dan sungai-sungai bagi mengurangkan masalah banjir. Projek-projek jangka panjang termasuklah mendalam, melebar, memper-lurus dan menyalurkan dengan konkrit (*channelization*) sungai-sungai yang pertama, mengenalkan caruman pamaritan atau "*drainage contribution*" kepada sekim-sekim pembangunan perumahan swasta yang telahpun atau sedang diusahakan dan diharapkan tidak lama lagi akan dilaksanakan. Butir-butir berkenaan projek-projek ini pun telah dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Berkenaan perkara penyelenggaraan jalan-jalan, dengan bertambahnya kenderaan lalu-lintas di Pulau Pinang, Kerajaan sedar bahawa bukan sahaja kita terpaksa menaikkan taraf penyelenggaraan jalan-jalanraya tersebut. Adalah benar bahawa rakyat Pulau Pinang membayar lebih kurang \$60 juta (bukan \$50 juta) untuk cukai jalan, lesen-lesen kenderaan dan sebagainya kepada Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pengangkutan Jalan setiap tahun, akan tetapi jumlah pemberian (*road grant*) yang diperolehi daripada Kerajaan Pusat hanyalah di dalam lingkungan \$7 juta setahun.

Untuk menaikkan taraf penyelenggaraan jalanraya di Pulau Pinang adalah perlu untuk kita memohon peruntukan yang lebih, akan tetapi ini hanya sebahagian dari dasar yang akan melibatkan keseluruhannya negara ini. Rundingan dan perbincangan telah diadakan mengenai isu ini beberapa kali dan saya harap Kerajaan Pusat dapat mengkaji semula peruntukan ke atas projek jalanraya dengan secepat mungkin.

Berkenaan hakisan tanah pantai yang berlaku di Bagan Ajam, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan ini, hakisan tanah seperti ini berlaku di mana-mana tempat di keseluruhan negara ini dan untuk mengatasi masalah ini satu kajian menyeluruh sedang dijalankan di seluruh Malaysia, di mana pantai Bagan Ajam termasuk di dalam kajian. Kajian ini dijalankan oleh Pakar Perunding yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan untuk mencari satu rumusan bagi masalah ini.

Berkenaan hakisan tanah di Pantai Bagan Ajam khususnya, langkah jangka pendek yang

Kerajaan Negeri telahpun ambil adalah menaruh *groynes*. Langkah ini dianggap sebagai sementara dan diharapkan akan menghasilkan kesan. Langkah jangkamasa panjang adalah seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Bagan Ajam untuk menjalankan satu projek tebusguna tanah dan konsep ini telahpun di *incorporated* dalam rancangan *outer ring road* untuk Butterworth dan saya harap bila dan kalau peruntukan untuk projek ini dilaksanakan, projek tebusguna ini bolehlah dijalankan.

Yang Berhormat dari Pengkalan Kota telah menyentuh mengenai Pamiran Perdagangan dan Perindustrian Pesta Pulau Pinang. Dengan terbina-nya Jambatan Pulau Pinang, Pesta tahun ini telah menarik lebih ramai pengunjung. Dalam tempoh minggu pertama sahaja, Pamiran Perdagangan dan Perindustrian Pesta telah mempunyai satu rekod pengunjung iaitu seramai 41,000 orang pada satu malam.

Dengan adanya orangramai datang mengunjungi Pesta Pulau Pinang dan Pamiran Perdagangan dan Perindustrian Pesta, ramai daripada rakyat Pulau Pinang telah memperolehi banyak faedah pada tahun ini. Hotel-hotel, restoran-restoran, penjara-penjara, peniaga-peniaga, pemandu-pemandu teksi dan sebagainya telah mendapat lebih banyak pendapatan, akan tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota tidak memahami keadaan ini. Beliau mentertawakan (*he looks down upon*) Pamiran Perdagangan dan Perindustrian Pesta dan menyatakan ianya sama seperti pasar malam sahaja. Apakah salahnya dengan pasar malam? Kenapakah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota merendah-rendahkan pasar malam? Pasar malam juga telah memberi keuntungan kepada rakyat kita. Pamiran Perdagangan dan Perindustrian adalah berbeza dari pasar malam. Pasar malam memenuhi kehendak penduduk tempatan, sebaliknya Pamiran Perdagangan dan Perindustrian Pesta memenuhi keperluan rakyat tempatan dan juga para pelancong.

Kejayaan Pamiran Perdagangan dan Perindustrian setakat ini jelas menunjukkan bahawa ianya telah dikelolakan dengan jayanya untuk memenuhi matlamat tersebut. Pamiran itu telah menarik lebih ramai pelancong dan sungguhpun bilangan gerai-gerai telah bertambah, namun demikian peniaga-peniaga masih mendapat perniagaan yang menggalakkan.

Kemungkinan Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Kota tidak berpuas hati bahawa

Pamiran Perdagangan dan Perindustrian sepatutnya berjaya. Adalah sungguh tidak bertanggungjawab bagi pihaknya menuduh bahawa terdapat perbuatan rasuah berlaku dalam pengurusan Pamiran Perdagangan dan Perindustrian itu. Seseorang yang bertanggungjawab tidak akan membuat sebarang tuduhan terhadap orang lain, melainkan dan sehingga ia mempunyai bukti yang cukup untuk menyokong tuduhannya (*be able to substantiate it*). Beliau juga patut melaporkan perkara ini kepada pihak Badan Pencegah Rasuah atau pihak polis. Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota tidak mempunyai bukti untuk menyokong tuduhannya, tidak melaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah atau pihak polis, sebaliknya beliau hanya menggunakan Dewan yang mulia ini untuk membuat kenyataan umum seumpama itu. Ini telah menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab pihak pembangkang yang *typical*. Mereka hanya membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas semata-mata untuk mendapatkan *publicity* — *cheap publicity* bagi kepentingan diri mereka sendiri.

Jika terdapat apa-apa penyelewengan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota, pihak Kerajaan ingin mendapatkan bukti yang nyata supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka yang terlibat. Jika amalan rasuah benar-benar ujud dan perkara ini dapat dibuktikan adalah lebih baik laporan rasmi dibuat kepada Badan Pencegah Rasuah. Se jauh ini belum ada laporan rasmi dengan bukti-bukti yang dapat dipertanggungjawabkan dibuat oleh mana-mana pihak mengenai ujudnya kegiatan rasuah dalam Pesta Pulau Pinang. Jika ada pihak yang benar-benar berani untuk tampil ke hadapan dan membuat laporan rasmi dengan memberikan butir-butir yang lengkap serta dapat dipertanggungjawab mengenai penerima dan pemberi rasuah maka pihak Jawatankuasa Pesta sangat mengalu-alukan. Tuduhan melalui tanpa bukti-bukti yang jelas sangat dikesalkan kerana ia tidak akan dapat menolong untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, boleh saya jelaskan mengenai perkara ini? Saya ada satu *memorandum* di sini.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang):

Siasatan ke atas gerai-gerai yang disyaki menyewakan tapaknya kepada orang lain telah

dibuat secara *random* tetapi bukti-bukti yang jelas tidak dapat diperolehi kerana tidak ada pihak yang berani mengakui bahawa dia adalah penyewa kepada orang lain.

Jawatankuasa ini sangat berterima kasih dan mengalu-alukan mana-mana penyewa gerai yang berani tampil membuat laporan rasmi berkaitan kegiatan yang tidak diingini seperti ini supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil ke atas mereka yang terlibat.

Berkenaan dengan jalan-jalan yang mana penyelenggaraan tidak berapa memuaskan hati, saya ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan sekali lagi kepada Dewan ini bahawa masih terdapat jalan-jalan di rancangan perumahan yang belum lagi diambilalih bagi penyelenggaraan oleh Jabatan Kerja Raya disebabkan ianya tidak dibina mengikut spesifikasi J.K.R. Kebanyakan jalan-jalan ini didapati di rancangan-rancangan perumahan yang dilaksana dan diluluskan oleh Majlis Daerah Luar Bandar. Oleh kerana sehingga ini jalan-jalan itu belum diambilalih maka ianya masih lagi bertaraf jalan persendirian dan oleh yang demikian tidak layak untuk mendapat pemberian geran daripada Kerajaan Pusat.

Kerajaan sedar akan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk yang terlibat disebabkan oleh kurang penyelenggaraan atas jalan-jalan ini dan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi keadaan tersebut dan bagi memperbaiki keadaan ini. Jalan-jalan itu akan dinaikkan taraf dari masa ke semasa bagi tujuan mengambilalih. Bagaimanapun, sejak awal tahun 1985, Kerajaan Negeri telah mula menyediakan peruntukan-peruntukan bagi menaikkan taraf dan mengambilalih jalan-jalan yang tidak mencapai taraf J.K.R. Dalam tahun 1985, sebanyak \$300,000.00 telah diperuntukkan bagi seluruh negeri dan jalan-jalan yang terlibat akan diambilalih. Untuk tahun 1986 sebanyak \$400,000.00 telahpun diperuntukkan bagi tujuan ini.

Keadaan Jalan Muhibbah yang tidak memuaskan sekarang ini adalah disebabkan oleh kerja penggalian dan kerja paip oleh P.B.A. dan hujan lebat baru-baru ini. Kerja pembaikan tidak dapat dijalankan sehinggalah kerja P.B.A. telah disiapkan.

Berkenaan pengindahan tempat Jambatan, Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia telah membina Jambatan Pulau Pinang termasuk Jalan Uidini dan *Interchange*. Pada masa ini pengindahan dengan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan telah

dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan anggaran lebihkurang \$2.8 juta. Apabila rancangan ini siap dengan sepenuhnya, kawasan ini termasuklah Jalan Udui akan lebih menarik kepada penduduk-penduduk tempatan lebih-lebih lagi kepada para pelancong.

Berkenaan dengan ko-ordinasi kerja di bawah J.K.R. di Seberang Perai, saya ingin menyatakan bahawa J.K.R. adalah berpendapat kalau boleh tiap-tiap 5 daerah di Negeri Pulau Pinang ini hendaklah mempunyai sebuah pejabat di daerah mereka masing-masing. Pada masa sekarang Seberang Perai Selatan adalah salah satu daerah yang dijagai oleh Jurutera Daerah di Butterworth dan oleh kerana itu tenaga dan jentera dikawal oleh beliau di Butterworth. Tenaga dan jentera apabila diperlukan di Seberang Perai Selatan akan dihantar ke tempat berkenaan itu dari masa ke semasa.

Dengan itu, Tuan Speaker, saya cuba memberi sedikit penjelasan dan menjawab berkenaan isu-isu yang telah dibangkitkan. Dengan ini juga saya menyokong usul ini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, terima kasih kerana saya juga diberi peluang dan saya ingin menyentuh beberapa hal yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli kita. Yang pertama sekali mengenai *rental* atau sewa rumah Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Yang sebenarnya *rental* atau sewa ini bukanlah bertujuan untuk mengayakan Majlis. Apa yang kita hendak naikan ialah sekadar untuk mengurangkan subsidi Majlis kepada rumah-rumah atau flat-flat tersebut. Tetapi seperti yang saya katakan, selalu bila ada pandangan ataupun rayuan daripada orangramai ataupun ahli-ahli, perkara itu boleh dipertimbangkan.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli dari Bagan Ajam iaitu pasar terbuka Sungai Puyu, yang sebenarnya kerja-kerja telahpun dimulakan. Barangkali Yang Berhormat hendak cepat sedikit, sudah mulapun dan dijangka siap pada hujung bulan Disember ini, kalau hendak buat perasmianpun bolehlah.

Mengenai tapak gerai di Pantai Bersih, yang sebenarnya ini bukan apa-apa, cuma kita hendak cuba satu konsep yang sedang kita memberi perhatian berat sekarang iaitu konsep pengswastaan. Jadi ini kita akan jalankan dengan cara begitu dan tapaknya telahpun disediakan.

Mengenai pencemaran pantai-pantai kita seperti yang disebut oleh Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal, perkara ini memang telahpun diberi perhatian berat oleh Kerajaan Negeri dan juga kita telahpun mendapat bantuan dari Kerajaan Pusat dan pada awal tahun depan iaitu bulan Januari, satu pembetulan juga buangan dan kumbahan akan kita laksanakan di pantai utara iaitu yang melibatkan Tanjong Tokong hinggalah ke Batu Feringghi.

Satu perkara lagi yang telah ditimbulkan oleh Ahli kita dari Machang Bubok ialah mengenai Majlis. Yang sebenarnya perkara-perkara mengenai Majlis boleh ditimbulkan di sini iaitu masalah pokok, polisi ataupun dasar. Masalah harian memanglah tidak kita galakkan ditimbulkan di sini sebab kalau masalah harian kita tunggu tiga bulan, bila sampai masa mesyuarat Dewan baru kita hendak timbulkan, ertinya kerja itu tidak berkesan. Kalau ada masalah harian, kita persilakan semua Ahli kita supaya terus pergi ke Majlis dan berhubung dengan Yang diPertua atau berhubung dengan Setiausaha. Tidak payah kita tunggu tiga bulan baru hendak ditimbulkan di sini.

Ahli-ahli kita dibolehkan hadir di setiap mesyuarat penuh yang dijalankan oleh Majlis dan ini juga terbuka kepada pemberita-pemberita yang saya nampak pemberita-pemberita tidak begitu memberi perhatian terutama sekali di M.P.S.P. di mana nampaknya tidak banyak liputan yang dibuat. Jadi saya jemputlah sama ada Ahli-ahli Dewan atau *reporter* supaya hadir. Dipersilakan, tetapi pembangkang bila tidak dapat elaun dia tidak mahu pergi, saya tahu.

Jadi, Tuan Speaker, saya tidak mahu bercakap panjang, oleh itu, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan seterusnya kepada semua yang menyokong cadangan saya untuk Enakmen Perbekalan Tahun 1986. Saya juga mesti ucapkan terima kasih dan syabas kepada Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota sebab pada hari ini persidangan Dewan ini dijalankan dengan baik sekali, dan boleh dikatakan dalam dua-tiga tahun yang lalu, kali ini Dewan menjalankan urusan Dewan dengan taraf yang tinggi sekali. Bukan sahaja rakan-rakan saya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan tapi rakan-rakan saya semua Ahli dari Barisan Nasional telah mengambil bahagian dengan ikhlas sekali.

Saya berasa sungguh berpuashati oleh kerana satu tanggungjawab yang saya telah jalankan beberapa tahun ini — saya ingat sebelum tahun 1982 selepas pilihanraya umum — yangmana tanggungjawab yang kita mesti menjalankan ialah satu pentadbiran mengikut sistem *committee* atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan. Sistem ini saya nampak telah dijalankan dengan jayanya. Saya tidak payah menjawab apa-apa perkara sebab bukan sahaja Y.B. Ahli-ahli Barisan Nasional yang membawa perkara-perkara mengenai kawasan-kawasan pilihanraya mereka telah membincangkan perkara-perkara ini dalam jawatankuasa tapi Yang Berhormat Ahli-ahli telah menunjukkan bagaimana mereka telah mengambil berat mengenai masalah-masalah yang kita mesti pertimbang untuk membawa faedah bagi rakyat Negeri Pulau Pinang. Rakyat Negeri Pulau Pinang ialah rakyat Malaysia, kita tidak kira keturunan dan lain-lain. Kita bekerja sama-sama dan tidaklah berpecah-belah — Melayu atau bukan Melayu — tetapi kita terus bekerja untuk rakyat Malaysia dan untuk faedah masyarakat dan negara kita.

Ada banyak perkara yang telah berbangkit dan saya ingat saudara Yang Berhormat sendiri boleh pertimbangkan. Tidak payahlah saya bawa perkara-perkara itu lagi secara teliti. Mengikut perkataan Y.B. Ahli Kawasan Teluk Bahang, kita telah dalam sehari ini mendapat pengalaman yang baru dan di antara pengalaman baru yang baik sekali ialah kita semua ada *cause* hendak mengelak masalah banjir dengan sedikit projek sementara. Itupun telah memakan sampai \$800,000.00 atau \$1 juta. Apa yang kita buat adalah untuk faedah rakyat. Dan kitapun mengambil keputusan yang memakan perbelanjaan yang banyak.

Dan saya harap Yang Berhormat saudara saya, Ahli Kawasan Bukit Tengah, boleh faham kalau kita hendak potong hasil tanah, saya sendiri, pun tentu berasa gembira jika saya ikut cadangan beliau dan umumkan dengan tidak bertanggungjawab, baiklah kita potong sampai 30 peratus atau 50 peratus. Tapi apa yang terjadi ialah kita bercadang hendak mengutip \$21 juta daripada hasil tanah di tahun akan datang. Kalau kita sekarang beri *remission* 50 peratus, kita akan kekurangan kutipan sebanyak \$10 juta lebih. Jadi bagaimana kita hendak mencari wang itu? Ataupun kita boleh ikut sebab kita sekarang pun telah menyediakan satu anggaran yang kurang (*deficit*). Sebab apa ada defisit \$8 juta sahaja? Bolehkah beri defisit sampai \$20 juta potong di sini dan potong di sana? Saya harap Ahli-ahli Dewan ini terima keadaan ini oleh sebab tanggungjawab kita yang berat.

Sayapun ucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli Kawasan Sungai Acheh yang telah mencadangkan membeli kereta Proton Saga untuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ini. Jika Yang Berhormat sungguh boleh berpakat dengan Ahli-ahli dari beberapa kawasan mengenai bagaimana mereka boleh adakan satu program, pukul satu saya pakai, pukul 2.00 *you* pakai, dan tidak bergaduh dan berbaik-baik, kita boleh menggalakkan sistem ini dan Kerajaan pun boleh mempertimbangkannya (ketawa).

Tapi apa yang terjadi ialah masalah motokar untuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bukan satu peruntukan yang kita sahaja suka hendak ambil. Peruntukan ini sesungguhnya telah dibawa kepada Negeri kita selepas beberapa perbincangan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan selepas beberapa perbincangan dengan Menteri Kewangan. Beliau telah mengambil perhatian elau-elau perjalanan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan di lain-lain negeri dan di dalam Negeri Pulau Pinang telah naik tahun demi tahun. Dan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri seluruh Malaysia telah mengambil keputusan bahawa lebih murah jika kita mengambil kira ongkos sekali, lebih baik kita membeli motokar-motokar untuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Itulah tujuan kita. Saya menjawab perkara ini bukan sebab ianya ada berkaitan dengan perbekalan untuk tahun hadapan tetapi oleh sebab perkara ini telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota pun telah membawa perkara ini. Tapi dalam membawa perkara ini ada lain sedikit — senget. Mesti ada sedikit senget, tapi senget pun baik — lebih baik daripada tidak hadir. Mahaguru beliau boleh dikatakan terlampau sombong, tidak mahu menerima peraturan-peraturan Dewan ini dan tidak boleh masuk balik. Bukan kita hendak *retrench* beliau, tapi beliau sendiri yang tidak mahu bekerja. Itulah yang susah. Tapi Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota tidak mengikut Mahaguru beliau. Beliau baik sedikit. (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tidak payahlah.

Ketua Menteri:

Ada senget sedikit, tapi saya harap beliau pun boleh mendapat pengalaman sebab apa yang kita bahaskan dalam cadangan saya ialah Enakmen

Bekalan tahun 1986 yangmana tidak ada satu perkara \$588,000.00 lebih untuk motokar. Itu telah dibahaskan tahun dahulu dan telah diluluskan oleh Dewan ini. Oleh sebab kewangan itu telah diluluskan oleh Dewan ini, barulah Kerajaan boleh gunakan wang itu. Kalau kita ingat balik baik-baik apa yang terjadi, barangkali selepas kita ingat balik baik-baik apa yang terjadi, barangkali selepas kita menjual dengan tawaran (*tender*) umum motokar-motokar ini, apa yang ada masuk dalam bekalan untuk tahun hadapan bukan \$588,000.00 lebih yang dibayar tapi kita mendapat \$200,000.00 atau \$300,000.00 yang kita tambahkan selepas kita menjualkan *item* ini. Itulah perbandingan macam-mana kita mesti mengkaji Enakmen Perbekalan untuk tahun hadapan. Tidak payah ulang balik kepada masalah yang sesungguhnya berkaitan dengan bekalan tahun yang lepas hanya untuk mendapat publisiti. Beliau tidak ada perkara lain — KOMTAR, motokar, Jambatan, Melayu dan bukan Melayu. Semuanya bukan.

Apa yang saya rasa ialah saya rasa senang hati jika sungguh masa telah sampai saya mesti letak kuasa sebagai Ketua Menteri. Saya rasa senang hati sebab nampaknya taraf saudara-saudara saya dalam Barisan Nasional sesungguhnya tinggi. Kita sesungguhnya ada satu "*class politicians*" yang baik sekali yangmana boleh menjaga faedah rakyat Negeri Pulau Pinang seluruhnya dengan tidak mengira kaum untuk negara kita. Inilah kekuatan dan kelas kita. Bukan kelas dua. Ini (sambil menunjuk ke arah Ahli Kawasan Pengkalan Kota) tidak ada kelas punya. *Politician* tidak ada kelas. Saya rasa simpati dengan Lim Kit Siang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini tidak bersangkut dengan apa yang dibahaskan.

Ketua Menteri:

Satu jam Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota mengkritik saya. Beliau tidak bercakap berkenaan cadangan saya. Beliau hentam Ketua Menteri sahaja. Apa yang dibawa dalam ucapan beliau ialah menghentam saya. Boleh hentam, tapi sekarang saya punya peluang. Saya hentam you! (ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh hentam.

Ketua Menteri:

Duduk diam-diam. Kalau saya ingat baik-baik, saya bersimpati dengan Lim Kit Siang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini tidak bersangkut dengan apa yang dibahaskan. Ini adalah satu ucapan politik. Tuan Speaker, *please be fair. It is a political speech. It has no connection.*

Tuan Speaker:

Jangan buat gangguan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tadi Ketua Menteri telah berkata apa yang telah dibangkitkan di sini tidak ada kaitan, *right? Now he is doing it.* Tuan Speaker, *please be fair.*

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya hanya mengambil peluang. Kalau beliau tidak membawa perkara ini saya tidak ada peluang menjawab balik. Oleh sebab Ahli Kawasan Pengkalan Kota telah menghentam saya, saya sekarang hentam beliau balik.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ketua Menteri takut.

Ketua Menteri:

Saya tidak takut. Saya rasa bersimpati. Bila saya tanya nama Lim Kit Siang beliau pun tidak berpuashati, tapi saya tidak lupa dua tahun dahulu Lim Kit Siang sendiri telah kata, 'Ah! D.A.P. ini karutlah! Saya hendak letak jawatan saya'. Habis sekarang D.A.P. kata, 'Baiklah, Lim Kit Siang, lu mari'.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

This is a fear symptom. Tidak payah bawa perkara ini. *This is wasting Dewan time.*

Ketua Menteri:

Sebab apa? Sebab D.A.P. sendiri, Lim Kit Siang sendiri pun tahu, ahli-ahli D.A.P. dalam Negeri Pulau Pinang tidak ada kelas. Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota tidak cukup kelas. Oleh sebab dia tidak ada kelas, Lim Kit Siang mesti

mari, kalau dia tidak mari, habis ini. Mahaguru pun habis, Pengkalan Kota pun habis.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

This is a fear symptom. Jangan takut, jangan takut.

Ketua Menteri:

Saya tidak takut. Bila saya kata saya hendak letak jawatan mereka berpuashati, bila saya kata saya mesti pertimbangkan surat daripada parti saya yang memohon saya pertimbang balik, mereka sudah takut. (ketawa). Baik cepat *retire*. Saya tahu bila saya hendak *retire*, tapi apa yang saya kata hari ini ialah jika masa itu telah sampai, saya akan berasa senang hati oleh sebab dengan ikhlas Y.B. Ahli-ahli Barisan Nasional telah menunjukkan taraf perkhidmatan mereka. Saya harap kalau kita mengikut logik, siapa D.A.P., siapa Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota, saya harap beliau terima beliau Ahli Parti D.A.P. Apa yang mereka wakili? Apa yang mereka wakili ialah bukan Melayu – a *negative attitude*. Mereka mewakili hantu sahaja, bukan orang. Oleh sebab itu Ahli Kawasan Pengkalan Kota masuk ke Dewan ini selepas “hantu” telah menulis ucapan beliau dan di sini bersuara untuk “hantu”. Jangan kita takut “hantu” ini. Saya harap pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dalam negeri ini akan berkhidmat dengan baik sekali sebagai satu kumpulan rakyat kita yang selalu bekerja dengan dedikasi yang baik sekali. *Forgive him*. Tidak payah ambil hati di atas apa yang beliau katakan mengenai diskriminasi di antara pegawai-pegawai kita. Apa yang saya tahu, Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota sendiri selalu berhubung baik dengan pegawai-pegawai. Itu beliau sendiri. Tapi bila masuk ke dalam Dewan ini beliau mesti suarakan “hantu”. Oleh sebab itu kita sabar dengan apa yang diperkatakan oleh beliau. Apa yang beliau mesti terima ialah bukan saya Ahli Padang Kota atau Ketua Menteri atau “orang tua” yang mempunyai kuatkuasa untuk melantik pegawai-pegawai atau menaikkan pangkat pegawai-pegawai. Saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya, Ahli Kawasan Teluk Bahang yang telah memberi keterangan, tapi saya sahaja hendak kata di sini bahawa mengikut Perlembagaan, kuatkuasa melantik dan kenaikan pangkat adalah ditanggung oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tidak guna kita berucap mengenai diskriminasi atau lain-lain. Kalau Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota mengambil pengalaman yang kita dapat hari ini dan belajar sedikit apa yang kita jalankan di Dewan ini barangkali di hari depan ada sedikit

harapan bagi beliau, oleh sebab itu saya kata syabas, oleh sebab beliau bukanlah seperti Mahaguru yang tidak hadir langsung.

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang menyokong dan saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota selepas perbahasan beliau akan menyokong cadangan saya.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Wang sebanyak \$20,282,200.00 untuk Kepala B.1 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,435,900.00 untuk Kepala B.2 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$4,443,600.00 untuk Kepala B.3 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$6,431,400.00 untuk Kepala B.4 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$608,400.00 untuk Kepala B.5 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$724,500.00 untuk Kepala B.6 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,363,200.00 untuk Kepala B.7 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$16,198,600.00 untuk Kepala B.8 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,888,400.00 untuk Kepala B.9 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,298,000.00 untuk Kepala B.10 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$578,200.00 untuk Kepala B.11 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$3,856,300.00 untuk Kepala B.12 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,240,200.00 untuk Kepala B.13 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$2,118,200.00 untuk Kepala B.14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1 dan Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan yang ketiga

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan

bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (1986), 1985, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

6. USUL-USUL

A. Usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$62,439,430.00 yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan 1986, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 9 Tahun 1985 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1986 itu."

Tuan Speaker, Usul ini bertujuan memohon kuasa Dewan Undangan Negeri meluluskan perbelanjaan yang berjumlah \$62,439,430.00 bagi tahun 1986 mengikut kehendak Seksyen 4(1) Akta Pembangunan, 1966, seperti terpakai kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 9 Akta yang sama.

Perbelanjaan berjumlah \$62,439,430.00 yang dicadangkan bagi Kumpulanwang Pembangunan akan dibiayai dari punca-punca yang ditunjukkan di muka surat 200 dalam Risalah Bil. 9 Tahun 1985. Dari jumlah ini sebanyak \$24,756,000.00 adalah secara pinjaman Kerajaan Persekutuan dan \$16,796,210.00 didapati secara projek-projek imbuhan balik Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan pembangunan selebihnya berjumlah \$20,887,220.00 termasuk kekurangan sebanyak \$1,941,410.00 akan dikenakan sebagai perbelanjaan terus daripada hasil Pembangunan Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, Hasil Kumpulanwang Pembangunan dari punca Negeri adalah dianggarkan sebanyak \$18,945,810.00. Sebahagian besarnya iaitu \$12,945,800.00 adalah pembayaran balik ansuran pinjaman oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (P.P.P.) dan Pihak Berkuasa (P.B.A.), dan \$6,000,000.00 lagi merupakan pungutan ansuran dan tunggakan pinjaman perumahan kos rendah.

Tuan Speaker, Anggaran Pembangunan 1986 adalah kekurangan sebanyak \$1,941,410.00. Kekurangan ini adalah perlu bagi Kerajaan Negeri mengekalkan pembangunan dalam Negeri yang telah kita capai setakat ini dan sekiranya perlu Kerajaan akan mengeluarkan peruntukan daripada Baki Terkumpul Hasil Pembangunan untuk mencapai tujuan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa Negeri Pulau Pinang telahpun mencapai kejayaan yang cemerlang dalam usaha-usaha pembangunannya untuk mewujudkan peluang-peluang baru pekerjaan melalui pembangunan pesat perusahaan dengan sektor perkilangan menjadi pendorong utama oleh kerana mutu, keupayaan, kerajinan dan kemahiran yang tinggi pekerja-pekerja kita. Kemelesetan ekonomi di seluruh dunia sekarang ini telah memberi kesan ke atas iklim pelaburan dan 4,524 pekerja-pekerja kita khususnya di sektor elektronik dan tekstil telah diberhentikan. Kita mestilah memperkuat usaha mengatasi kesukaran ini.

Semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, saya telah menyentuh betapa seriusnya keadaan tersebut dan telah mencadangkan supaya diadakan Program Bekerja Sambil Menjalani Latihan. Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini kerana telah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan dan khususnya program baru ini bagi membantu pekerja-pekerja kita mencari peluang pekerjaan yang lebih luas dan pekerjaan-pekerjaan lain.

Kerajaan adalah berazam berbuat apa sahaja yang boleh untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat kita dengan meningkatkan lagi pembangunan Sektor Perkhidmatan Am. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tujuannya ialah untuk memajukan lagi perkhidmatan-perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan yang lebih cekap, industri pelancongan yang kukuh dan sektor perdagangan dan pemiagaan yang moden.

Walaupun demikian, adalah sama pentingnya bagi rakyat kita menyahut dengan secara berkesan terhadap kemelesetan sedunia. Pekerja-pekerja kita hendaklah menerima sebarang pekerjaan yang ada dan bekerja dengan tekun dan rajin supaya kerja-kerja dibuat dengan jayanya. Pada hari ini pekerja-pekerja kita tidak boleh lagi memilih pekerjaan, sebaliknya mereka mesti menerima sebarang kerja yang ada dan membuatnya dengan baik.

Sekiranya rakyat kita mengekalkan semangat dan moral yang telah mereka tunjukkan untuk

bekerja dengan tekun, untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi, untuk mencapai kualiti penghasilan yang paling tinggi, kita akan dapat mengatasi kesukaran-kesukaran yang jelas berada di hadapan kita. Pengangguran adalah suatu masalah besar di setiap pelusuk dunia. Cabarannya ialah bagaimana kita berusaha mengatasinya dengan lebih berkesan dari orang lain.

Pekerja kita hendaklah terus mengekalkan kelebihan mereka yang telah diperolehi dari segi keupayaan, produktiviti dan kualiti. Kita pada hari ini hendaklah bersaing di peringkat antarabangsa untuk mengekalkan kos "*effectiveness*" kita. Sesungguhnya saya menggesa rakyat kita bukan sahaja untuk tidak mengharapkan sebarang kenaikan gaji tetapi sekiranya boleh membekukan struktur gaji yang diterima sekarang sekurang-kurangnya untuk setahun untuk bersaing dengan jayanya dalam keadaan dunia sekarang. Barangkali menjelang akhir tahun 1986 pengorbanan kita hari ini akan membolehkan kita menghadapi kemuraman tahun hadapan dengan penuh keyakinan yang lebih besar. Pengorbanan dan azam yang kita buat hari ini akan memastikan masa hadapan yang lebih baik bagi generasi Malaysia akan datang.

Program yang mendesak bagi pembangunan Kerajaan masih lagi dalam usaha menyediakan perumahan yang mencukupi yang termampu oleh rakyat kita. Khususnya program perumahan kos rendah bagi memenuhi keperluan rakyat kita dari kumpulan yang berpendapatan rendah hendaklah dikaitkan dengan program Kerajaan Persekutuan bagi perumahan kos rendah dan juga program perumahan sektor swasta. Tuan Speaker, di bawah Maksud 101 Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1986 menunjukkan peruntukan sejumlah \$30,256,040.00. Dari jumlah ini \$8,705,000.00 akan dibelanjakan bagi melaksanakan sekim-sekim perumahan kos rendah yang akan dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini dimaksudkan bagi menyiapkan projek perumahan kos rendah di Permatang Damar Laut dan Berapit di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dengan siapnya projek-projek ini, Kerajaan Negeri akan menyiapkan kesemua tiga belas projek perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang mengandungi 2,594 unit. Sejumlah \$11,051,000.00 telah juga diperuntukkan secara pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi memajukan sekim perumahan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Negeri telah mengemukakan satu senarai yang mengandungi 22 projek berjumlah 7,000 unit perumahan kos rendah dengan kos berjumlah

\$174.5 juta bagi pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan. Projek-projek ini sekiranya diluluskan akan dimulakan pada tahun 1986.

Tuan Speaker, selain daripada projek-projek ini Kerajaan Negeri akan melancarkan program pengswastaan untuk membina sebanyak 6,000 unit perumahan kos rendah di 15 kawasan meliputi 8 *packages* pembinaan keseluruhannya. Projek-projek ini akan ditawarkan kepada sektor swasta atas dasar tawaran terbuka secara *packages* yang mengandungi pembangunan campuran. Kerajaan berazam untuk menyelesaikan masalah perumahan di Negeri ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Semua Jabatan Kerajaan dan badan-badan separuh Kerajaan telah diarah supaya memudahkan kelulusan pelan-pelan projek perumahan ini. Rakyat kita mestilah juga memainkan peranan mereka secara bekerjasama dengan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah sosial ini dengan berkesan dan secara teratur.

Khususnya, rakyat kita mestilah memahami bahawa mereka yang telah diperuntukkan perumahan kos rendah Negeri adalah dianggap bernasib baik menerima peluang ini kerana masih ada 50,757 lagi pemohon-pemohon yang layak dan belum mendapat peruntukan. Adalah adil bagi mereka yang telah diperuntukkan ini membalasnya dengan memenuhi tanggungjawab sivik mereka dengan menjelaskan bayaran ansuran bagi Kerajaan Negeri ini seperti dijadualkan. Malangnya masa ini ramai dari mereka tidak melaksanakan tanggungjawab sosial dan sivik. Tunggakan yang terhutang kepada Kerajaan telah meningkat ke \$5.1 juta. Memandangkan bahawa ramai lagi rakyat kita yang masih menunggu dengan sabarnya untuk diperuntukkan unit-unit perumahan, Pihak Berkuasa Negeri akan mengambil tindakan undang-undang yang tegas terhadap mereka yang berhutang untuk memungut segala hutang-hutang mereka.

Tuan Speaker, Pentadbiran Kerajaan telah pun diarahkan untuk bertindak dengan cekap dalam hal ini. Kes-kes yang menunjukkan kedegilan akan dihadapi dengan tegas dan rumah-rumah yang diperuntukkan kepada mereka akan diambil balik dengan secara tindakan undang-undang. Kita mestilah mendapatkan balik tunggakan yang terhutang kepada Kerajaan kerana "*viability*" strategi pembangunan kita untuk membina lebih banyak perumahan kos rendah untuk rakyat bergantung kepada tindakan ini. Rumah-rumah yang diambil balik akan diperuntukkan kepada mereka yang masih terdapat di senarai menunggu. Wang yang akan kita pungut dari bayaran ansuran perumahan

dan tunggakan akan digunakan untuk membina lebih banyak lagi perumahan kos rendah bagi rakyat kita.

Tuan Speaker, sejumlah \$5 juta secara pinjaman ada juga diperuntukkan di bawah Maksud 101 Butiran 45 bagi Pihak Berkuasa Air membiayai sekim bekalan airnya sendiri. Ini akan meneruskan usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan supaya bekalan air mencukupi di Negeri ini bagi dekad yang akan datang. Peruntukan-peruntukan bagi butiran-butiran lain di bawah Maksud 101 adalah berjumlah \$5,500,040.00.

Tuan Speaker, di bawah Maksud 102 peruntukan bagi Jabatan Pertanian adalah berjumlah \$2,889,900.00 menunjukkan pertambahan sebanyak \$503,090.00 lebih daripada peruntukan 1985. Dari jumlah ini \$992,500.00 adalah bagi projek Pemulihan dan Penyesuaian Kawasan-kawasan Pertanian. Peruntukan ini akan digunakan sebahagian besarnya untuk pembelian bahan kimia, jentera-jentera, benih dan lain-lain kos. Pertanian adalah merupakan sektor asas pembangunan ekonomi Negeri ini. Kerajaan Negeri adalah berhasrat sepenuhnya untuk memperbaiki, mengembang dan memodenkan projek-projek pertanian dan agro-horticulture di Negeri ini. Kerajaan akan terus memperbaiki dan meninggikan pembangunan pertanian selaras dengan pembangunan sektor industri dan perdagangan.

Pembangunan aktiviti-aktiviti pertanian mengikut kawasan adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara di mana perancangan yang teratur akan dibuat bagi penanaman tanaman-tanaman yang dipilih khas seperti pokok buah-buahan, pokok bunga-bunga dan sayur-sayuran di mana faktor-faktor penting seperti kesuburan tanah, kecukupan bekalan air, keupayaan tenaga kerja dan sebagainya telah diambil kira. Tujuan utama projek-projek seperti ini ialah untuk menunjukkan faedah-faedah konsep pertanian secara berkelompok kepada petani-petani dan untuk menggalakkan mereka mengikuti sekim ini. Bagi maksud ini sejumlah \$342,100.00 telahpun diperuntukkan bagi tahun 1986 di bawah Butiran 12.

Peruntukan berjumlah \$428,300.00 di bawah Butiran 9 adalah juga diperuntukkan bagi tahun 1986 bagi maksud perkhidmatan pembangunan. Peruntukan ini akan digunakan bagi melengkapkan beberapa pusat latihan pertanian, memberikan latihan dan juga mengaturkan lawatan sambil belajar kepada petani-petani dan pegawai-pegawai pengembangan. Pembelian alat-alat bagi pelbagai

aktiviti pembangunan dan juga bagi mengadakan petak-petak bagi ladang percubaan yang ditujukan bagi menyampaikan teknologi pertanian.

Tuan Speaker, di bawah Maksud 103 anggaran pembangunan bagi Jabatan Parit dan Taliair adalah berjumlah \$7,220,010.00 bagi maksud melaksanakan 19 projek pembangunan pada tahun 1986. Selaras dengan Dasar Pertanian Negara program ini adalah ditujukan khas bagi menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada penanaman-penanam padi supaya memperbaiki lagi penanaman padi di Negeri ini. Enam projek saliran yang mengandungi 8.33 kilometer saliran konkrit, 11.02 kilometer saliran tanah dan kerja-kerja pembaikan yang melibatkan 12.5 kilometer saliran-saliran yang sedia ada dianggarkan memakan belanja \$2,900,000.00 akan dilaksanakan dalam tahun 1986. Projek-projek ini akan memberi faedah kepada 3,509 hektar tanah padi dan 1,547 hektar tanah pertanian.

Sejumlah \$2,030,000.00 adalah diperuntukkan bagi projek-projek pencegahan banjir yang melibatkan pembaikan ban pantai di kawasan Juru dan Sungai Burung untuk melindungi 1,548 hektar tanah padi dan pertanian daripada gangguan air pasang surut. Sebagai tambahan 15 sungai dan parit akan didalamkan dan ban dibina untuk mengelakkan banjir terhadap 3,850 hektar tanah pertanian.

Tuan Speaker, jumlah perbelanjaan yang dicadangkan bagi Jabatan Kerja Raya ialah \$19,087,470.00. Sebahagian besar peruntukan ini akan digunakan untuk pembaikan jalan, iaitu untuk memperkuat, melebar dan menaikkan gred jalan-jalan yang ada sekarang. Dari jumlah ini \$11,066,210.00 ataupun 57.9 peratus akan dibelanjakan untuk projek pembinaan jalan-jalan Negeri imbuhan balik dan \$1,731,680.00 bagi jalan-jalan Negeri yang lain. Jalan-jalan Negeri yang diimbuhi balik ialah jalan-jalan dibina di luarbandar yang khususnya memberikan faedah kepada penduduk luarbandar di Negeri ini. Sebagai tambahan peruntukan berjumlah \$4,979,990.00 di bawah Butiran 15 adalah disediakan bagi tahun 1986 bagi pembaikan dan meninggikan taraf jalan-jalan Negeri yang ada sekarang untuk memenuhi keperluan pertambahan penggunaan jalan. Di bawah butiran yang sama sejumlah \$300,000.00 adalah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembaikan semula jalan. Sekim-sekim pembaikan ini akan melibatkan pelebaran dan menguatkan jalan-jalan dan jambatan-jambatan termasuk pembinaan pembentangan dan longkang-longkang konkrit di tepi jalan.

Peruntukan sebanyak \$304,560.00 di bawah Butiran 27 disediakan dalam tahun 1986 untuk pembangunan Kuari Penanti dari segi pembelian jentera dan lain-lain alat bagi menambahkan lagi alat-alatan yang sedia ada. Ini adalah mustahak untuk mengekalkan daya pengeluaran yang tinggi dan penambahan pengeluaran bahan-bahan kuari di Kuari Penanti.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 109, peruntukan sebanyak \$1,192,240.00 telah disediakan untuk Jabatan Haiwan Negeri. Dari jumlah ini \$786,820.00 adalah diperlukan untuk bayaran kontrak pembinaan Pejabat Haiwan yang baru di Pokok Sena, Seberang Perai, yang merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Keempat.

Pada tahun 1986, satu projek baru akan diperkenalkan iaitu Sekim Penggemuk Lembu. Projek ini bertujuan mengwujudkan dan menggalakkan aktiviti pengeluaran daging berasaskan pemeliharaan lembu secara intensif, dengan makanan 100 peratus dari hampas kelapa sawit. Setiap penternak akan dibekalkan dengan 10 ekar anak lembu yang dinilai pada kosnya untuk dipelihara. Selepas genap dua tahun lembu-lembu tersebut akan dijual dan penternak akan berhak memperoleh perbezaan harganya sebagai upah pemeliharaan selama dua tahun itu. Sekim ini begitu popular kerana penternak tidak perlu mengeluarkan modal dan daya usaha yang amat minima sahaja diperlukan. Pada tahun 1986, sebanyak seratus ekor anak lembu jantan yang harganya dianggarkan \$500.00 seekor akan diberikan kepada 10 orang peserta bersama dengan makanan berharga \$3,640.00. Memandangkan projek ini tidak memerlukan kawasan padang ragut dan daya usaha yang amat minima maka adalah dijangkakan projek ini akan mendapat sambutan dan memberi keuntungan kepada penternak. Oleh kerana Kerajaan akan mendapat balik modal permulaannya sekiranya sekim ini berjaya ianya boleh digunakan semula dan ditambah dari tahun ke tahun.

Tuan Speaker, di bawah Maksud Pembangunan 114 - peruntukan \$894,730.00 telah disediakan untuk Jabatan Hutan. Dari jumlah ini \$511,200.00 akan digunakan untuk Program Rekreasi, Kawasan-kawasan Kajian Saintifik dan Aktiviti-aktiviti Hutan Simpanan Jabatan Hutan. Pada tahun 1986, Jabatan Hutan akan melaksanakan Projek Pembangunan dan Pengurusan Hutan termasuklah pemulihan semula kawasan hutan seluas 20 hektar di Hutan Simpan Byram, projek inventori hutan dan membersihkan dan menanda semula sempadan-sempadan Hutan Simpan.

Muzium Perhutangan telah terbukti *popular* dengan ramainya pengunjung setiap hari, lebih-lebih lagi di hujung minggu dan hari-hari cuti am. Bahan-bahan pamerannya penuh dengan maklumat dan menarik bukan sahaja kepada rakyat Malaysia malah juga kepada pelancong luar Negeri. Daya tarikan tambahan seperti pertunjukan filem dan risalah akan disediakan di muzium ini.

Sejumlah \$145,430.00 di bawah Butiran 4 diperlukan bagi pengurusan dan pembangunan projek-projek perhutanan. Projek Hutan Masyarakat di Hutan-hutan Simpan Bukit Panchor, Bukit Mertajam, Pantai Acheh dan Telok Bahang akan dilaksanakan dan diperbesarkan. Projek-projek ini adalah untuk menyediakan hutan-hutan simpan menjadi lebih produktif dalam keadaan semulajadi dan mengekalkan fungsinya mengstabilkan alam sekitar. Di bawah projek perhutanan bandar, Jabatan ini akan memperbanyakkan bekalan benih pokok dan juga memberi nasihat kepada orang ramai supaya menjayakan Kempen Kebersihan dan Keindahan di Negeri ini. Untuk mencapai matlamat ini tempat semaian pokok sedia-tanam di Nibong Tebal akan diperbesarkan dan tempat semaian baru akan diadakan di Hutan Simpan Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, Jabatan Hal Ehwal Ugama di bawah Maksud Pembangunan 115 diperuntukkan sejumlah \$550,030.00 pada tahun 1986 untuk pembinaan, pembesaran dan pembaikan masjid dan surat serta juga pembinaan tempat melihat anak bulan di Pantai Acheh, Daerah Barat Daya. Bangunan yang dicadangkan akan dilengkapi dengan sebuah bilik sembahyang, bilik melihat anak bulan (dengan menggunakan *theodolites*) dan lain-lain kemudahan di samping pengindahan kawasan sekitarnya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Tuan Speaker, Jabatan Hal Ehwal Ugama bercadang untuk membina Masjid-masjid Daerah dan juga sebuah masjid di Pusat Bandar Baru, Seberang Jaya, serta juga untuk memperbaiki dan menaikkan taraf Sekolah Agama Rakyat. Masjid yang dicadangkan di Bandar Seberang Jaya akan memenuhi keperluan tempat beribadat dan lain-lain kegiatan ugama bagi penduduk beragama Islam di Bandar Seberang Jaya. Projek ini dianggarkan menelan belanja \$2.5 juta dan Kerajaan akan memperuntukkan \$1 juta sebagai subsidi kos projek ini. Sebagai tambahan, Jabatan ini telah juga mencadangkan memberi subsidi memperbaiki dan menaikkan taraf Sekolah Agama Rakyat memandangkan sebilangan bangunannya adalah dalam keadaan yang buruk dan terpaksa ditutup.

Sekolah Agama Irsyad Alasraf Al-Wataniah, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, telah ditentukan untuk program ini bagi tahun 1986. Walau bagaimanapun, sehingga keperluan sebenarnya dipastikan, hanya peruntukan namaan \$10 ditunjukkan dalam Belanjawan 1986 di bawah Butiran 4 dan 5. Kerajaan Negeri bukan sahaja mengambil berat kebajikan sosial, ekonomi dan sivik rakyat kita malahan juga sentiasa menyedari betapa pentingnya mengekalkan aspek-aspek moral, kerohanian dan keagamaan sebagai cara kehidupan kita.

Tuan Speaker, peruntukan berjumlah \$349,000.00 di bawah Maksud Bekalan 16 adalah disediakan bagi Kebun Bunga pada tahun 1986. Ini merupakan pertambahan \$172,330.00 jika dibandingkan dengan peruntukan \$176,670.00 bagi tahun 1985. Ini adalah untuk membolehkan Kebun Bunga terus melaksanakan tiga projek utamanya iaitu memperbesarkan kawasan Kebun Bunga, memulih dan memperbaiki kemudahan am untuk orang ramai dan para saintis dan ahli akademi.

Tuan Speaker, semasa membentangkan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1986, saya telah menyentuh hanya ciri-ciri utama projek pembangunan kita yang dicadangkan bagi tahun hadapan. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini akan meneliti Kertas Bil. 9 Tahun 1985 untuk memahami kandungan sepenuhnya "*parameters*" projek-projek pembangunan di Negeri ini.

Tuan Speaker, rekod prestasi masa lalu kita memberikan kita keyakinan bahawa dengan ketetapan Kerajaan yang berterusan, dengan keamanan dan keselamatan di Negeri ini dan dengan kerjasama erat di antara rakyat dengan Kerajaan kita akan dapat mengekalkan kepesatan pembangunan kita untuk memberikan taraf hidup yang lebih tinggi dan kualiti kehidupan yang lebih baik bagi rakyat kita. Memandangkan kesan menyeluruh kemelesetan ekonomi dunia kepada masyarakat kita, masyarakat hendaklah secara kolektif menguatkan diri mereka mengatasi cabaran-cabaran kritikal yang kita hadapi. Sedikit pengorbanan pihak kita pada hari ini supaya lebih berjimat, lebih produktif dan lebih bersaing akan merupakan cara penyelesaian bagi jangka panjang masalah-masalah kita. Bagi mengekalkan kelebihan kita di dalam berbagai sektor ekonomi yang kita telah mulakan di dekad yang lalu dan bagi memastikan masa hadapan yang lebih baik bagi generasi Malaysia di dekad yang akan datang, kita hendaklah berazam untuk bekerja lebih rajin dan dengan tabah mengurangkan kos di masa-masa hadapan yang sukar ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa Negeri Pulau Pinang telah membangun menjadi suatu pusat pertumbuhan utama oleh kerana pekerja-pekerja kita telah berjaya mencapai tahap produktiviti dan kualiti antarabangsa yang tertinggi. Di masa yang sama, melalui usaha-usaha Kerajaan Negeri kita telah juga dapat mengekalkan sara hidup di Pulau Pinang lebih rendah jika dibandingkan dengan lain-lain tempat di Malaysia. Oleh yang demikian, kita telah dapat mengekalkan kos pengeluaran lebih rendah berbanding dengan lain-lain kawasan di rantau ini. Melihat terus terhadap cabaran-cabaran di hadapan kita, rakyat kita pada hari ini hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan untuk mencapai taraf kecekapan yang tertinggi dalam memberi perkhidmatan kepada sektor perniagaan dan perdagangan dengan kos yang lebih rendah jika dibandingkan dengan lain-lain tempat di dunia. Kita mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan Pulau Pinang menjadi suatu pusat perniagaan dan perdagangan terbesar di rantau ini dan dunia pada keseluruhannya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana telah membantu Negeri ini melaksanakan program pembangunan kita. Ahli-ahli Yang Berhormat akan maklum bahawa sokongan Kerajaan Persekutuan adalah bergantung kepada "*credit-worthiness*" Negeri kita. Kita mesti sentiasa cuba membayar balik pokok dan faedah pinjaman yang telah diberikan kepada kita. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan terus memperuntukkan kepada kita sumber-sumber kewangan yang mencukupi dalam bentuk pinjaman dan pemberian untuk membantu program kita mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang telah kita wujudkan di Negeri ini. Saya yakin bahawa rakyat kita akan menunjukkan keazaman dan usaha yang telah membawa kita ke tahap kini dari segi pembangunan dan pertumbuhan. Dengan adanya kerjasama erat di antara Kerajaan dan rakyat kita berkeyakinan bahawa Negeri Pulau Pinang akan dapat mengatasi masalah sekarang dan terus menuju masa hadapan yang lebih cerah dan gemilang.

Tuan Speaker, sebagai penutup saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan dan institusi separuh Kerajaan kerana telah menunjukkan semangat penuh dedikasi untuk memberikan perkhidmatan yang cekap, bersih dan produktif kepada rakyat kita keseluruhannya. Saya ingin menambah lagi bahawa saya berharap pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan bersabar dengan apa yang telah dicapapkan

oleh Y.B. Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada anggota pasukan polis dan keselamatan kerana telah mengekalkan keamanan dan keselamatan di Negeri ini.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul itu.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga esok pagi jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.55 petang.